

Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN MINGGUAN AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Kerana jumpa Mahathir, 2 ulama dihina



→ ms8

Gerakan Islam iktiraf peranan Tun M perjuang isu Palestin



→ ms8

Pas sekongkol sokong undang-undang zalim

→ ms9



GELOMBANG DARI UTARA



PULUHAN ribu menyertai himpunan Jelajah Pakatan Harapan di Kedah dan Perlis dan ribuan juga yang mengikuti siaran langsung melalui internet.

GELOMBANG perubahan kini bergerak dari utara Semenanjung menuju ke seluruh negara. Perhimpunan Jelajah Pakatan Harapan (JPH) yang diadakan di Alor Setar dan Utan Aji, Perlis mendapat sambutan luar biasa. Para pengkaji pula meralamkan, tsunami politik Melayu sedang berlaku di Kedah.

→ **Laporan penuh muka 2**

PROMOSI TERBARU!!

DAPATKAN SEGERA

☎ 01132334322
untuk urusan pembelian


HANYA RM 30




HANYA RM 30



HANYA RM 35



HANYA RM 39



HANYA RM 49



Gelombang perubahan dari Utara

GELOMBANG Pakatan Harapan (PH) kini bergerak dari utara ekoran sambutan hebat pengundi di Kedah dan Perlis terhadap Jelajah Pakatan Harapan (JPH) hujung Mac lalu.

Selepas berjaya menarik puluhan ribu penyokong di Kedah, JPH membuat kejutan lagi di Perlis sehari selepas itu, negeri yang selama ini kurang cenderung dengan himpunan politik.

Dalam himpunan JPH di Utan Aji 30 Mac lalu, ribuan rakyat Perlis menyertai perhimpunan yang dipimpin oleh Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail itu.

Kedua-duanya dinamakan sebagai bakal perdana menteri dan timbalan perdana menteri jika PH menang dalam PRU 14 nanti.

Kajian yang dibuat oleh Institut Darul Ehsan (IDE) berakhir 26 Mac lalu mendapati Kedah akan jatuh ke tangan PH dalam PRU 14 nanti.

Faktor utamanya adalah pengaruh Tun Dr Mahathir dan anaknya Mukhriz, bekas menteri besar Kedah yang diberhentikan oleh BN.



Perhimpunan Jelajah Pakatan Harapan di Utan Aji, Perlis disertai puluhan ribu peserta. Begitu juga di Guar Cempedak, Kedah.

Melalui kajian itu, IDE juga mendapati PH akan pertahankan Selangor dan Pulau Pinang namun Pas akan hilang Kelantan.

Merdeka Centre pula mendapati

gelombang politik sedang melanda Kedah.

"Insya Allah gelombang politik akan bergerak dari utara ke selatan," kata seorang pemerhati

politik melihat kepada apa yang berlaku di Kedah kelmarin dan Perlis malam tadi.

Presiden PH, Dr Wan Azizah sendiri terkejut dengan sambutan

di Kedah dan Perlis itu.

"Hebat sambutan rakyat Perlis! Gelombang Pakatan Harapan bakal tumbangkan kerajaan GST Barisan Nasional," tulis beliau dalam Facebooknya.

Semasa JPH di Kedah, beliau menulis "Lautan manusia di Jelajah Pakatan Harapan Kedah sekarang ini. Tahniah rakyat Kedah!"

Semasa berucap di Permatang Pauh selepas itu, Wan Azizah berkata, gelombang tsunami Melayu sejak kebelakangan ini semakin membimbangkan Umno dan BN.

Malah dengan menyemaraknya kebangkitan ini Umno dan BN semakin bercelaru sehinggakan terpaksa mencipta pelbagai akta dan undang-undang baru, katanya.

Dr Wan Azizah berkata demikian ketika ditemui wartawan semasa majlis pecah tanah Galeri Dato Seri Anwar Ibrahim di Cherok Tok Kun, Bukit Mertajam pada 31 Mac.

Jelas beliau lagi, lautan manusia yang membanjiri beberapa siri ceramah Pakatan Harapan (PH) sebenarnya menggetarkan pimpinan Umno dan BN.

Bubar RAMD: Najib jangan perbodohkan rakyat

KENYATAAN perdana menteri Datuk Seri Najib Razak bahawa Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) akan dibubarkan jika DAP memerintah bukan saja ditempelak oleh bekas pegawai RAMD bahkan juga ahli Umno.

Zaharin Mohd Yasin, ahli Umno dari Bandar Tun Razak menyifatkan kenyataan itu sebagai "membodohkan rakyat dan mainkan sentimen perkauman".

"Jangan cakap ikut sedap mulut RAMD akan dibubarkan oleh DAP. Jika Pakatan Harapan memerintah.

"Satu perkara yang saya paling tak suka.. membodohkan rakyat dan mainkan sentimen



Zaharin ... jangan bodohkan rakyat.

perkauman. Contohnya bila pula DAP akan melupuskan@

membubarkan Regiment Askar Melayu Di Raja," tulis Zaharin dalam Facebook beliau yang mendapat sambutan luar biasa dari para pengguna laman sosial itu.

Sebelum ini, Persatuan Patriot yang terdiri dari bekas anggota keselamatan negara juga membantah kenyataan Najib itu.

Menurut Zaharin, jika DAP menang 146 kerusi pun dia tidak akan melakukan bertambah pula hanya sekadar bawah 50 kerusi dalam Pakatan Harapan.

"Pertama RAMD adalah satu pasukan tentera yang ditubuhkan melalui Perlembagaan dibawah Panglima Tertinggi Angkatan Ten-

tera ia itu Yang Di Pertuan Agung dengan kawalan Majlis Angkatan Tentera yang di Pengerusikan oleh Menteri Pertahanan.

"Bagaimana pun setiap keputu-

san hendak diperkenankan oleh Yang Di Pertuan Agung selaku Panglima Tertinggi Angkatan Tentera mengikut kuasa Perlembagaan Persekutuan," katanya.

2 transaksi jutaan ringgit masuk ke akaun pilihan raya sebuah parti

SELEPAS terdedah audio "Sumpah jadi abu", sebuah parti politik didakwa menerima sumbangan kewangan bernilai jutaan ringgit untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Menurut tulisan dalam akaun FB 'Ana Tahu', akaun yang mendedahkan audio 'Sumpah jadi abu' itu, dua transaksi wang telah berlaku dari sebuah parti politik pemerintah kepada parti berkenaan Mac lalu.

"Duit yang masuk ke akaun pilihanraya minggu lepas tu macamana?"

"Duit yang masuk ke akaun 3 penama pemimpin parti itu Pantai Timur (pemegang Amanah) tu macamana? Amat jelas mari dari sumber parti," tulis admin akaun FB berkenaan.

Perkara ini turut diulas oleh penulis politik Mohd Sayuti Omar dalam akaun FB beliau pada 30 Mac.

"Satu tabung pilihan raya sebuah parti politik dianggotai oleh tiga penama telah menerima wang derma berjumlah jutaan ringgit.

"Yang jadi sedikit masalah penubuhan Tabung ini rahsia tidak telus kepada ahli dan sebahagian pemimpin parti yang lain.

"Katanya perkara ini telah jadi masalah kepada parti berkenaan.

"Cerita selanjutnya kita tunggu. Maklumat selanjutnya dikumpul. Dan jika ada sesiapa maklum mengenai perkara ini boleh dikongsikan untuk sama-sama kita tahu parti mana dan Tabung itu wujud di negeri mana," tulis Sayuti.



Saya jijik dengan persempadanan semula, kata Anwar



ANWAR IBRAHIM

KUALA LUMPUR: "Saya berasa amat jijik dengan tindakan BN yang meluluskan usul persempadanan semula di Dewan Rakyat dengan cukup tergesa-gesa tempoh hari," kata Ketua Umum Pakatan

Harapan (PH) Datuk Seri Anwar Ibrahim. Sehubungan itu, beliau mengajak semua rakyat bangun menuntut perubahan pada pilihan raya umum (PRU) ini. "Saya gesa seluruh rakyat Malaysia untuk keluar beramai-ramai mengundi

Pakatan Harapan untuk menyalahkan BN dari Putrajaya," kata Anwar.

Dalam satu kenyataan media, Anwar berkata perkara yang amat serius seperti syor persempadanan semula kawasan pilihan raya sepatutnya diberikan masa yang cukup untuk dibahas dan dibincangkan anggota parlimen.

"Tetapi usul tersebut telah diluluskan dalam masa 2 hari sahaja!" katanya.

Bekas timbalan perdana menteri itu juga menyifatkan syor persempadanan semula oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) itu dibuat tanpa mengikut lunas undang-undang malah melanggar semangat perlembagaan.

"Ia adalah pengakuan bahawa BN akan kalah PRU14 jika sempadan sedia ada digunakan," katanya.

BN juga, tambah beliau dengan tergopoh-gapah meluluskan RUU Antiberita Tidak Benar di parlimen menggambarkan tindakan yang cukup desperado.

"Sang penguasa mahukan undang-undang ini untuk mengongkong dan menghalang orang ramai dari membincangkan skandal 1MDB dan lain-lain skandal rasuah dan kesalahan-kesalahan BN.

"Dengan meluluskan RUU ini, BN dengan jelas menyerang golongan muda yang rata-rata bakal menjadi mangsa utama undang-undang zalim ini," katanya.

Bagi beliau, berita palsu atau tidak benar sememangnya boleh ditangani dengan undang-undang sedia ada berkaitan fitnah.

"Adakah kita hanya akan duduk diam bila pencuri penyamun yang merompak berbilion wang rakyat berkuasa mentakrifkan apa itu berita palsu?" soal beliau.

Pakatan Harapan, katanya akan mewujudkan SPR yang benar-benar bebas dan memansuhkan undang-undang antiberita tidak benar jika diberi mandat menerajui Putrajaya.

Isu 'kalau saya tuhan': AMANAH tegur MP Baling, Sepang

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Baling Datuk Seri Abdul Azeez Rahim dan Ahli Parlimen Sepang Hanipa Maidin yang terlibat dalam pertikaman lidah sehingga masing-masing terlanjur dengan berkata "kamu ini tuhan" dan "kalau saya tuhan" perlu memohon keampunan daripada Allah SWT.

Penasihat Umum AMANAH Ustaz Ahmad Awang dalam satu kenyataan berkata, kedua-dua ungkapan itu adalah termasuk sebagai 'lafaz tasybih' (perumpamaan) yang diharamkan untuk dilafazkan dan boleh menjejaskan akidah pelafaznya.

"Setelah mentelaah pendapat serta fatwa para ulama muktabar (salaf dan khalaf), didapati mereka sepakat memfatwakan bahawa mengucapkan lafaz yang mentasybihkan atau memperumpamakan makhluk dengan Tuhan sama ada pada zat-Nya atau perbuatan-Nya atau sifat dan nama-Nya, hukumnya adalah haram dan dilarang keras mengucapkannya sama ada secara terang ataupun sindiran.

"Oleh yang demikian, sebagai sahabat dan saudara dalam Islam, saya dengan ikhlas menasihati kedua-dua anggota parlimen

berkenaan supaya bersegera memohon keampunan kepada Allah dan berinabah (bertaubat) kepada-Nya," ujar beliau.

Ustaz Ahmad mengulas ungkapan yang digunakan kedua-dua ahli parlimen itu ketika pertikaman lidah pada sesi perbahasan Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar, di parlimen 29 Mac lalu.

Ustaz Ahmad berkata, semua pihak perlu adil ketika menegur pihak terlibat dan tidak hanya menyalahkan anggota parlimen Sepang semata-mata kerana ungkapan sebegitu timbul hasil daripada provokasi anggota

parlimen Baling.

"Isu ini tidak perlu diambil kesempatan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan politik apatah lagi untuk mengalihkan topik perbahasan yang sebenar bagi melindungi kezaliman kerajaan kleptokrasi yang berterusan menyalahgunakan kuasa untuk terus menipu dan menindas rakyat," katanya.

Hanipa dalam reaksi balasnya akur dengan teguran dan gesaan Ustaz Ahmad itu, sekaligus mahu meredakan keresahan mana-mana pihak.

Menurut Hanipa, teguran oleh Ustaz Ahmad itu lebih adil

berbanding serangan sebelah pihak yang diterimanya sebelum ini.

"Meskipun saya ada keraguan dengan kenyataan beliau... secara umumnya ia lebih adil dan munasabah.

"Lagipun itu sahaja yang saya minta, keadilan dan sikap yang wajar dalam menjatuhkan hukuman," katanya di Facebook.

Hanipa yang juga pengerusi Biro Undang-undang AMANAH berkata beliau juga menghargai usaha Ahmad Awang untuk menghubunginya terlebih dahulu sebelum mengeluarkan kenyataan.

ECRL bakal bawa masuk puluhan ribu pekerja China

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Walaupun pihak Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) pernah memberitahu projek raksasa Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) akan menawarkan 80,000 peluang pekerjaan tetapi angka itu mungkin tidak lagi sepenuhnya untuk rakyat tempatan.

Timbalan Perdana Menteri Ahmad Zahid Hamidi berkata, pihak pemaju telah memohon kepada Putrajaya untuk mengambil pekerja warga China bagi projek melibatkan proses ambil alih tanah seluas 17,000 hektar atau melebihi 20,000 lot itu.

"Mereka telah memohon untuk merekrut pekerja China kerana

peralatan dan jentera yang digunakan adalah teknologi China yang menggunakan bahasa Mandarin untuk sistem operasi dan manual," jelasnya dalam jawapan Parlimen baru-baru ini.

Beliau berkata, selepas semakan, kerajaan mendapati permohonan untuk pengambilan pekerja asing bagi projek ECRL itu memenuhi semua kriteria dan nisbah kelayakan yang ditetapkan oleh Agensi Kawal Selia.

"Selain itu, perbincangan terhadap pekerja asing dari China sedang dijalankan berdasarkan kes demi kes dan hanya untuk projek-projek kerajaan yang berdampak tinggi akan diluluskan," katanya.

Zahid menjawab soalan Wan Hassan Mohd Ramli (Pas-Dungun) yang bertanya sama ada pengambilan pekerja Cina untuk projek ECRL dilakukan mengikut peraturan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun, Zahid tidak mengulas lanjut mengenai jumlah pekerja Cina yang terlibat dalam projek kontroversi bernilai RM55 bilion itu.

ECRL dimiliki oleh Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL) manakala China Communications Construction Ltd (CCCC) selaku kontraktor utama yang akan terlibat dalam pembinaan landasan, pemasangan sistem, isyarat dan komunikasi.

Keputusan kerajaan yang menerima pengambilan pekerja

warga China untuk ECRL itu bagaimanapun dikritik banyak pihak yang bimbang peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan akan terjejas.

Pada masa sama, alasan bahasa Mandarin juga dipersoal memandangkan ramai rakyat Malaysia turut menguasai bahasa tersebut.

November tahun lalu, Ketua Pegawai Eksekutif Malaysia Rail Link Sdn. Bhd (MRL), Darwis Abdul Razak dilapor menganggarkan sebanyak 80,000 peluang pekerjaan akan diwujudkan daripada projek tersebut.

Darwis turut memberitahu seramai 3,600 graduan ijazah, diploma dan sijil dalam bidang teknikal dan kejuruteraan

berkaitan pembinaan akan dipilih secara berperingkat untuk menyertai Program Latihan Kemahiran Industri ECRL (PLKI-ECRL) bagi merebut peluang pekerjaan dalam pembangunan ECRL.

Program yang dilancarkan pada 14 Jun 2017 itu diselenggarakan Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Universiti Beijing Jiaotong dan Universiti Southwest Jiaotong dari China.

"Melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) tajaan CCCC ini, pelatih yang berjaya menamatkan latihan akan ditawarkan pekerjaan di MRL, CCCC atau sub kontraktor terlibat," kata Darwis lagi dipetik dari Utusan Malaysia, 17 Nov lalu.

Minda Pengarang

Jentera PH sudah digerakkan seluruh negara

Perkembangan terkini menjelang PRU14, menunjukkan jentera komponen Pakatan Harapan sudah digerakkan di seluruh negara. Memperlihatkan kesungguhan PH untuk memenangi PRU14 itu.

Dari selatan ke utara, dari timur ke barat tanah air, kelihatan pejabat komponen PH sudah dibina di setiap negeri, kawaan parlimen dan Dun. Sementara para petugas sedang melaksanakan jentera pilihan raya, memberi isyarat bahawa PH sangat bersedia menghadapi Umno/BN.

Mengenai Manifesto Pakatan Harapan, diyakini ia akan dapat dilaksanakan. Walaupun mungkin berperingkat-peringkat, seperti mana-mana kerajaan, namun ia mampu dilaksanakan, iaitu mungkin saja dalam penggal pertama atau seterusnya, jika Pakatan Harapan memenangi PRU14 nanti.

Pengerusi PH, Tun Dr Mahathir Mohamad bertegas bahawa semua janji itu dapat dilaksanakan. Ini kerana apa yang dilakukan ketika menyusun manifesto itu, ia sudah dikaji secara terperinci sama ada PH boleh laksana atau tidak.

Tun Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kritikan musuh politik PH mengenai karangan mereka akan kemampuan PH melaksanakannya.

Tentunya sangat diharapkan agar pelbagai ikrar dan saranan dalam manifesto tersebut bukan saja sampai kepada rakyat, tetapi juga difahami dan diterima oleh mereka, justeru ia memang untuk menangani masalah mereka.

Sepuluh janji menjadi inti kepada manifesto itu, yang akan dilaksanakan dalam masa seratus hari dalam manifesto tersebut iaitu:

- Menghapuskan GST dan mengurangkan kos sara hidup rakyat dengan pelbagai inisiatif peduli rakyat.
- Menstabilkan harga minyak dan memperkenalkan semula subsidi petrol secara bersasar.
- Menghapuskan segala hutang tidak

wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda.

- Memperkenalkan skim caruman KWSP untuk suri rumah.
- Menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum.
- Menangguhkan pembayaran balik pinjaman PTPIN kepada semua peminjam yang mendapat gaji kuraang daripada RM4000 sebulan dan memansuhkan dasar senarai hitam ke atas peminjam.
- Menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja 1MDB, Felda, Mara dan Tabung Haji serta merombak semula struktur kepimpinan mereka.
- Menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk segera menyemak dan melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963.
- Memperkenalkan Skim Peduli sihat dengan memberi RM500 pembayaran untuk rawatan asas di klinik swasta yang berdaftar untuk golongan B40.

• Melancarkan kajian terperinci mengenai projek mega yang dianugerahkan kepada negara asing.

Ini intipati dari manifesto tersebut yang bersifat sangat merakyat.

Menghapuskan segala hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda adalah bukti di mana Pakatan Harapan berusaha untuk membela naib peneroka Felda, walaupun diketahui bahawa selama ini pengundi di kawasan Felda menyokong Umno/BN dalam PRU selama ini, tetapi Pakatan Harapan tetap berusaha untuk membela nasib peneroka.

Kita yakin Manifesto Pakatan Harapan diterima oleh peneroka Felda.

PRU14 kali ini memang menjadi 'ibu segala PRU' lantaran ia menjadi titik pemisah dalam usaha memulihkan kehidupan rakyat yang terhempas oleh kebejatan ekonomi dan lain-lain kepada pencerahan kehidupan masa depan rakyat yang akan dibawa oleh PH jika memenangi PRU14 ini.

Larangan umpamakan makhluk dengan Tuhan

SETELAH mentela'ah pendapat/ fatwa para ulama mu'tabar (salaf & khalaf), didapati mereka sepakat memfatwakan bahawa mengucapkan lafaz yang mentasybihkan atau memperumpamakan makhluk dengan Tuhan samada pada zatNya atau perbuatanNya atau sifat dan namaNya, hukumnya adalah haram dan di larang keras mengucapkannya samada secara terang ataupun sindiran.

Melafazkan perkataan seperti "kamu ini Tuhan kah yang boleh tahu begitu begini", atau " kalau saya Tuhan saya akan buat begitu begini" adalah termasuk sebagai lafaz tasybih yang mengumpamakan makhluk dengan Tuhan.

Implikasi daripada melafazkan perkataan yang terlarang itu boleh menjejaskan aqidah tauhid sesiapa yang melakukannya selagi seseorang itu dalam keadaan aqal siuman semasa melafazkannya tanpa sebarang paksaan.

Apabila seseorang telah melafazkannya dengan sengaja atau terlanjur maka ianya tidak terbatal dengan hanya menarik balik apa yang telah di lafazkan. Ini kerana perlanggaran ke atas hukum larangan itu telah berlaku dan ianya adalah perlanggaran ke atas hak Allah. Maka yang di tuntutan ke atas seseorang yang melakukan maksiat perlanggaran itu adalah bertaubat dan memohon keampunan kepada Allah yang Maha Pengampun.



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

USTAZ AHMAD AWANG
Penasihat Umum AMANAH

Adapun larangan tersebut adalah sangat jelas berdasarkan kepada firman Allah dalam surah Asy Syura ayat 11 ;

"...Tiada sesuatupun yang sebanding dengan (ZatNya, sifat-sifatNya, dan pentadbiranNya)..."

(Maksud Asy-Syura 42: Ayat 11)

Juga firman Allah dalam Surah Al Ikhlas ayat 4 ;

"Dan tidak ada sesiapa pun yang serupa denganNya."

(Maksud Al-Ikhlas 112: Ayat 4)

Setelah meneliti rakaman video pertikaman lidah di Dewan Rakyat di antara MP Baling (yang memulakannya) dan MP Sepang (yang memberi respon), serta merujuk kepada *hansard* Parlimen, adalah di dapati kedua-dua MP berkenaan terlibat melafazkan perkataan mentasybihkan makhluk dengan Tuhan yang boleh menjejaskan aqidah tauhid.

Oleh yang demikian, sebagai sahabat dan saudara dalam Islam, saya dengan ikhlas menasihati

kedua-dua MP berkenaan supaya bersegera memohon keampunan kepada Allah dan berinabah kepadaNya. Seterusnya hentikanlah daripada membuat kenyataan yang akan hanya menambah kesalahan. Nasihat ini semata-mata kerana menunaikan kewajipan sesuai dengan sabda Rasulullah SAW bahawa "agama itu nasihat".

Isu ini tidak perlu diambil kesempatan oleh mana-mana pihak untuk kepentingan politik apatah lagi untuk mengalihkan topik perbahasan yang sebenar bagi melindungi kezaliman kerajaan kleptokrasi yang berterusan menyalahgunakan kuasa untuk terus menipu dan menindas rakyat.

Sehubungan dengan ini, sukalah saya menasihati semua pihak agar berlaku adil jika hendak mengulas isu ini dengan menegur kedua-dua MP berkenaan. Bukan dengan hanya menunjuk sasaran teguran kepada MP Sepang semata-mata.

Apabila seseorang telah melafazkannya dengan sengaja atau terlanjur maka ianya tidak terbatal dengan hanya menarik balik apa yang telah di lafazkan. Ini kerana perlanggaran ke atas hukum larangan itu telah berlaku dan ianya adalah perlanggaran ke atas hak Allah.



Arus balik: Perubahan bermula dari Johor

Senario perubahan politik tanah air menjelang PRU14 mengingatkan saya akan novel *Arus Balik* karya novelis terkenal Pramoedya Ananta Toer yang sangat menarik itu.

Dalam novel tersebut diceritakannya bagaimana kebangkitan rakyat selatan (khususnya di nusantara) melawan penjajah dari utara, iaitu kuasa Barat. Atas kebangkitan rakyat dari selatan itu dan berjaya menghalau penjajah dari Barat dengan kelahiran ramai pahlawan nusantara seperti Deponegoro dan lain-lain.

Maka di sini saya membuat bandingan bagaimana kini kesedaran rakyat mahukan perubahan dalam PRU14 ini ternyata dari setan dan tentunya dari Johor. Sokongan rakyat di negeri selatan tanah air ini terhadap Pakatan Harapan semakin jelas. Di manapun rakyat Johor bercakap mengenai perubahan dan men-



yokong parti dalam komponen Pakatan Harapan.

Ceramah mega PH di Tanjung Piai, Parit Sulong, Kukup serta sekitar Johor Baharu, Kota Tinggi, Mersing dan Endau menyerlahkan sokongan ini.

Ribuan rakyat hadir, termasuk di kawasan Felde menyerlahkan sokongan ini, membuktikan kebangkitan ini dari Johor, Rakyat dari negeri selatan tanah air ini telah memperlihatkan kesedaran ini, seperti membenarkan kisah 'Arus balik' dari selatan seperti dalam novel Pramoedya itu.

Di sinilah wajar kita mengucapkan syabas kepada pimpinan

AMANAH negeri Johor – Aminohuda Hasan, Zulkefli Ahmad, Suhaizan Kayat, dan juga pimpinan serta aktivis dari PKR, Bersatu dan DAP. Mereka berusaha sungguh-sungguh menyemarakkan sokongan rakyat kepada PH.

Dalam hubungan ini jangkakan penulis kawakan, Ahmad Lutfi Othman dalam buku terbarunya, 'Parti Amanah Negara', menjangkakan iaitu empat negeri di Semenanjung Malaysia menjadi medan persaingan yang hangat pada PRU14 ini.

Menurutnya, negeri-negeri terabit iaitu Johor, Kedah, Perak dan Selangor. Negeri ini menjadi fokus awal dalam analisisnya sebelum ini yang disiarkan menerusi akhbar Mingguan Amanah.

"Saya cuba menghasilkan beberapa artikel di akhbar *Mingguan Amanah* sebelum terhalang kerana keuzuran."

"Saya sempat memfokuskan

pergolakan di negeri-negeri tertentu. Saya pilih Johor, Kedah dan Perak yang saya jangka medan pertempuran hangat untuk PRU-14 ini," ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Pelancaran dan Bicara Buku *Parti Amanah Negara: Cabaran, Halangan & Potensi Sebagai Parti Islam Berpengaruh, Berintegriti* di Hotel De Palma, Ampang, Selangor baru-baru ini.

Saya bersetuju atas pandangan sahabat saya itu, memandangkan pelbagai petunjuk ke arah itu. Terutamanya di Johor, suatu perubahan yang dianggap luar biasa, seperti saya katakan tadi. Iaitu memandangkan di negeri selatan Semenanjung itulah tapak subur Umno yang lahir di sana dan kukuh seperti tidak akan terkalahkan.

Tetapi keadaan berubah, kehadiran AMANAH, beriringan

dengan kemunculan parti Bersatu pimpinan Tan Sri Muhyidin Yasin membawa ramai bekas ahli Umno membawa gelombang besar akan perubahan ini. Lebih-lebih lagi dengan kehadiran PKR dan DAP yang telah lama di sana.

Demikian juga di negeri Kedah, Perak dan Selangor. Semua negeri ini telah menunjukkan gelombang perubahan yang sangat ketara yang memihak kepada Pakatan Harapan, pimpinan Tun Dr Mahathir Muhammad. Ceramah PH di utara – Perak, Kedah, malah Peris mendapat sambutan luar biasa.

Sebab itu empat negeri ini dijangkakan 'panas' dalam erti pertarungan sengit parti yang bertanding.

Perkembangan terkini, semakin meluas dan rancak gerak kerja pendukung PH di negeri-negeri, baik di kawasan Parlimen mahupun Dun. Menggambarkan PH benar-benar sedang bersedia untuk menghadapi PRU14 ini.

Zaman edan berjemaah

Oleh AL ABROR MOHD YUSUF

ANDAINYA Ronggowarsito masih ada, kita boleh menjangkakan dia akan ketawa terbahak-bahak dalam tempoh sebulan dua ini.

Dan kita yang hidup pada waktu ini akan segera terkenang kepada pujangga besar Jawa itu. Bahawa melihat kepelikan demi kepelikan yang berlaku sejak akhir-akhir ini membuat kita teringat kepada syair Zaman Edan karya pujangga Ronggowarsito.

Edan yang sedang berlaku sekarang entah setara atau lebih dahsyat dengan apa yang disaksikan Ronggowarsito lebih 170 tahun lalu.

Ini adalah waktu kita melihat keanehan yang merata-rata dan perlukan keimanan yang teguh untuk kekal menjadi waras.

Masakan tidak bergegar ketakwaan kita apabila berdepan dengan sekian banyak mekha dan tribulasi yang datang satu demi satu.

Mula-mula begitu ramai wakil rakyat muncul dengan penuh ramah dan tamah selepas empat tahun lalu mereka menghilangkan diri atas nama kesibukan.

Munculnya mereka pula dengan transformasi yang cukup besar.

TERPAHAT DALAM SEJARAH

Tiada lagi gaya berjalan seorang yang berhormat, tiada lagi kereta mewah bercermin gelap. Juga tiada lagi pakaian berjenama mahal yang harganya sama dengan kos dapur warga marhaen selama 30 hari.

Segala-galanya kini adalah benar. Bukan cubaan atau khayalan, apa lagi khabar palsu kerana tidak mungkin kita mahu memperjudikan nasib dan masa depan demi secebis berita tidak benar.

Pada 2 April, Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 diluluskan. Tahniah buat kerajaan yang peka dan prihatin dengan ancaman khabar-khabar palsu yang banyak bergentayangan di negara kita akhir-akhir ini.

Langkah kerajaan itu bukanlah edan. Dan sokongan yang diberikan oleh anggota parlimen kepadanya juga bukan aneh. Kecuali penegasan salah seorang pemimpin kanan Pas.

Tarikh 2 April 2018 wajar diingati sebagai salah satu detik sejarah penting dalam politik negara. Ia bukanlah sangat tentang sokongan anggota parlimen Pas kepada RUU kerajaan.

Sebelum ini pun ada menteri yang menyokong anggota parlimen Pas bawa RUU persendirian

untuk dibentangkan di Dewan Rakyat. Ia adalah sejarah yang lebih besar.

Apa nasib kepada janin berlabel RUU persendirian itu sekarang adalah perkara kedua.

Malaysiakini melaporkan selepas Pas menyokong RUU Antiberita Tidak Benar, Anggota Parlimen Kuala Nerus Datuk Dr Khairuddin Aman Razali memberi jaminan akta itu nanti akan dilaksanakan dengan adil.

"Pas yakin akan memenangi pilihan raya umum (PRU) ke-14. Pas memberi jaminan akta ini akan dilaksanakan secara telus dan adil.

"Apa-apa akta yang baik akan menjadi (lebih) baik apabila ia diuruskan pemerintah yang baik," katanya.

DEMOKRASI PALING SEMPURNA

Khairuddin bukan orang sembarangan. Dia ialah salah seorang pemimpin paling dihormati oleh orang ramai, terutama penyokong Pas.

Selain terpilih menjadi anggota Jawatankuasa Pusat Pas beliau juga ada dalam Majlis Syura Ulama. Lebih daripada itu Khairuddin ialah bendahari Dewan Ulama Pas. Selain bergelar Datuk, Khairuddin ada ijazah dok-

tor falsafah pula.

Dia juga seorang tokoh yang tegas sehingga pernah mahu menyekeh kepala mufti. Mujurlah ada sepinggan martabak buat penyejuk jiwa bersama.

Cuma dalam semakan terakhir, beliau menganggotai sebuah parti yang khabarnya masih berstatus pembangkang.

Begitu juga dengan nasib laporan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang mencadangkan sempadan pilihan raya disusun semula supaya sistem demokrasi negara berlangsung dengan sempurna.

Sebelum ia diluluskan sesetengah ketua Umno bahagian sudah mula bergerak dan menganjurkan pelbagai program di kawasan yang sebelum ini bukanlah terletak di bawah wilayahnya.

Kadang-kadang program itu diadakan di sekolah juga. Ia adalah tempat yang pada asalnya untuk anak-anak kita belajar ilmu pengetahuan tanpa pengaruh ahli politik.

Bagaimanapun kemasukan ketua-ketua bahagian itu ke sekolah untuk mengadakan program juga tidak boleh dipersalahkan kepada mereka.

Kesalahan sebenar wajar diletakkan kepada pihak atau individu yang mula-mula membudayakan menjemput ahli politik untuk merasmikan sesuatu

program di sekolah.

Siapa yang memulakan atau mencetuskan idea itu tidaklah dapat diketahui, tetapi kejinya amalan berkenaan memang tidak dapat dinafikan lagi.

Namun secara keseluruhannya kita semua terdedah kepada laporan khabar palsu. Sedangkan PAS yang dianggotai golongan ulama dan cendekiawan tersohor pun difitnah, apa sangatlah organisasi lain atau orang awam seperti kita kini.

Fitnah pil kuda, misalnya, atau larangan azan di sesebuah negeri yang kita tidak suka adalah antara asam garam yang perlu didepani dari semasa ke semasa.

Justeru akta yang menghukum khabar tidak benar itu adalah pelengkap kepada satu lagi peruntukan yang sudah berkuat kuasa sebelum ini - iaitu akta yang menjaga hati dan perasaan kebanyakan orang daripada disakiti (Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia).

Sementara menunggu parlimen dibubarkan dan pilihan raya umum dijalankan, bersedialah untuk melihat satu demi satu kejadian pelik berlaku di depan mata.

Semoga iman kita diperteguh oleh tuhan.

Kecewa pemimpin Pas dibeli Umno

Oleh ARIF ATAN

GUAR CHEMPEDAK: Meskipun dikenali sarat humor ketika lantang berceramah tetapi Presiden AMANAH, Mohamad Sabu dilihat tidak dapat menyembunyikan rasa kecewanya apabila menyebut tentang adanya pemimpin Pas menerima duit daripada Umno.

Spontan berkata mahu melempar mikrofon yang sedang diguna, beliau tidak menyangka sebahagian pemimpin Pas telah dibeli oleh Umno ketika ahli parti ditekankan tentang nilai perjuangan.

"Kita semua bertungkus-lumus mendharma kepada parti, berjuang menang atau kalah kita ditarbiyahkan untuk sentiasa istiqamah dalam perjuangan.

"Rupa-rupanya sebahagian pemimpin Pas 'mentekedarah' duit Umno. Hey, aku lempar mikrofon ni karang!" tegasnya dalam ceramah sempena Jelajah Pakatan Harapan Kedah, dekat sini, 29 Mac lalu.

Menurut bekas timbalan presiden Pas itu, penyebaran rakaman suara dipercayai Nik Abdul Nik Aziz yang sedang tular pada masa ini amat mengecewakan beliau yang berjuang dalam parti tersebut selama 38



Mohamad dan Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin di pentas ceramah Jelajah PH di Guar Chempedak.

tahun.

"Rupa-rupanya Umno memainkan peranan memecahkan Pas dengan menggunakan wang. Inilah pendedahan yang dibuat oleh Nik Abdul bila dia bertengkar dengan menantu Presiden Pas.

"Menantu Presiden Pas datang bertanya kepadanya. Dia (Nik Abdul) jelaskan. Dalam tape yang panjangnya 20 minit, Nik Abdul menerangkan memang sebahagian pemimpin Pas terima duit Umno.

"Terang-terang diulang tiga kali dalam tape itu. Kita guna duit Umno untuk halau 'jebon' dari Pas," katanya.

Timbalan Presiden Pakatan Harapan (PH) itu memberitahu, gelaran 'jebon' itu merujuk kumpulan yang antaranya terdiri daripada dirinya sendiri, Datuk Mahfuz Omar, Dr Hatta Md Ramli, Husam Musa, Khalid Samad dan Hanipa Maidin.

"Ertinya projek memecahkan Pas datang daripada duit Umno. Inilah tape yang se-

dang beredar di seluruh negara sekarang.

"Kami ke sana ke mari pergi Johor, Negeri Sembilan. Johor dulu nak kembangkan Pas (amat payah). Kadang-kadang penceramah lima orang, yang dengar tiga orang.

"Tapi kita sabar, kita terus sehinggalah Pas berkembang. Bila Pas berkembang nak kalahkan BN, ada pemimpin-pemimpin Pas dibeli oleh Umno," ucapnya lantang.

Mengulas penafian Nik Abdul, beliau menggesa Ahli Parlimen Pasir Mas tersebut supaya tampil mengaku dan bertaubat memandangkan rakaman audio itu sedang dianalisa di luar negara.

"Tunggu. Tape ini sedang dianalisa pusat suara antarabangsa. Kemungkinan tape ini akan digunakan dalam perbicaraan saman Sarawak Report yang akan berjalan di London nanti.

"Lebih baik kamu mengaku dan bertaubat. Senang," ujarnya di hadapan lebih 5,000 hadirin di Dataran Guar Chempedak.

Sehubungan itu, Mohamad menyeru ahli Pas supaya tidak lagi mengundi parti mereka sendiri dan BN.

"Oleh itu ahli-ahli Pas di Jerai, di seluruh Kedah duduk dalam Pas tak mengapa. Jangan undi Pas. Jangan undi BN," katanya lagi.

Malu PM tua tapi tak malu PM terpalit rasuah

KUALA LUMPUR: "Najib malu jika Perdana Menteri (PM) Malaysia terdiri dari orang tua berumur 90 tahun lebih, tetapi Najib tak berasa malu apabila Malaysia mempunyai PM yang dunia kenal sebagai kleptokrat, perasuah dan pencuri," ujar Tun Mahathir Mohamad dalam entri di laman blognya chedet.cc.

Menurut Tun Mahathir, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tidak berasa malu apabila percubaan untuk membersihkan duit yang 'dicuri' dari 1MDB oleh anak tirinya dengan membeli mahligai di London, New York dan Hollywood, membuat filem dan sebagainya didakwa oleh Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) kerana melanggar undang-undang perubahan wang haram negara tersebut.

Malah Najib yang turut dibabitkan dalam saman sivil DoJ itu, katanya tidak berasa sedikit pun malu.

"Kapal layar Equanimity dirampas oleh polis Indone-

sia bersama Federal Bureau of Investigation (FBI) di Biro Penyiasatan Persekutuan Amerika Syarikat.

"TV dan majalah Indonesia melapor kapal ini dibeli dengan duit yang dicuri dari 1MDB oleh Jho Low, sahabat karib Najib. Seluruh Indonesia dan kepimpinannya sekarang tahu Najib terlibat dengan mencuri duit 1MDB, Najib sedikitpun tak berasa malu.

"Malah Najib hadir mesyuarat Asean/Australia di Melbourne tanpa sedikit pun berasa malu berada bersama Presiden Indonesia dan Perdana Menteri Australia dan Singapura, bahkan semua ketua-ketua kerajaan yang hadir tahu akan pencuriannya," tulis beliau.

Sehubungan itu, Tun Mahathir hairan mengapa Najib tidak berasa malu apabila cuba menasihati ketua-ketua kerajaan negara anggota Asean dan Australia akan cara menangani masalah.

Negara kata beliau, malu mempunyai perdana menteri yang telah

menyelewengkan berbilion ringgit duit kerajaan dan Malaysia diklasifikasi sebagai negara rasuah dan kleptokrasi.

Malah tambah beliau, ada di kalangan rakyat negara ini berasa malu sehingga tidak mengakui rakyat Malaysia apabila ditanya di luar negara.

"Rakyat Malaysia malu tetapi Perdana Menteri mereka tidak malu. Kononnya mempunyai Perdana Menteri, berumur lebih dari 90 tahun memalukan Najib.

"Sesungguhnya amat pelik perdana menteri Malaysia ini. Apalah nasib rakyat Malaysia mendapat perdana menteri yang dipandang hina oleh dunia dan tak tahu malu.

"Rakyat malu," kesal beliau.

Sehubungan itu, bekas perdana menteri itu menyifatkan Najib tidak mempunyai perasaan malu kerana masih berlagak sebagai seorang yang boleh menasihati pemimpin negara lain apabila bertemu mereka.

Akta Antiberita Tidak Benar pupuk rasa takut rakyat

KUALA LUMPUR: Pengerusi Kumpulan CIMB yang juga adik perdana menteri, Datuk Seri Nazir Razak, mahu Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 ditangguhkan sehingga ia didrafkan dan didebatkan dengan hati-hati.

Menulis di Instagram miliknya, Nazir berkata RUU itu tidak harus dilaksanakan tergesa-gesa.

"Ini tentang hak asasi kebebasan bersuara bagi setiap individu, dan memupuk perasaan takut dengan hukuman drakonian berdasarkan istilah yang tidak jelas hanya akan merencatkan masyarakat kita," komennya 29 Mac lalu sebelum Dewan Rakyat meluluskan RUU itu dengan sokongan ahli parlimen BN, Pas dan Bebas.

RUU itu dibentangkan di Parlimen pada 26 Mac lalu bertujuan menghukum sesiapa yang didapati bersalah mencipta, menawarkan, menerbitkan, mengagihkan, atau menyebarkan 'berita palsu'.

Akta berkenaan mentafsirkan berita palsu sebagai sebarang berita, maklumat, data dan laporan yang sebahagian atau sepenuhnya palsu, sama ada disiarkan dalam bentuk rencana, visual, rakaman audio atau apa-apa bentuk lain.

Ia juga menjadi satu kesalahan untuk menyediakan bantuan kewangan untuk



Nazir Razak

memudahkan penyebaran berita palsu itu atau bersubahat dengan kesalahan itu.

Bagaimanapun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said mengumumkan hukuman maksimum penjara yang dicadangkan akan dikurangkan daripada 10 kepada 6 tahun.

Kerajaan juga turut mengubah Fasal 4 di dalam RUU itu dengan menggantikan perkataan 'knowingly' (dengan sengaja) kepada 'maliciously' (berniat jahat).

Bagaimanapun, denda maksimum yang dicadangkan kerajaan sebanyak RM500,000 dikekalkan.

RUU Antiberita Tidak Benar itu diluluskan Dewan Rakyat dengan 112 ahli parlimen BN, 11 ahli parlimen Pas dan satu ahli parlimen Bebas menyokong.

Kesemua 63 ahli parlimen Pakatan Harapan (PH) menentang.

Sim Tong Him (Bebas-Kota Melaka) turut menentang namun Tan Sri Khalid Ibrahim (Keadilan-Bandar Tun Razak) menyokong.

Akta itu menerima kritikan hebat pengamal media dan pemimpin pembangkang, yang menyifatkannya sebagai usaha pentadbiran Najib mendiamkan pelbagai isu termasuk skandal 1MDB.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ UMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590		
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

Gerakan Islam iktiraf peranan Tun M perjuang isu Palestin

Peranan Pengerusi Pakatan Harapan, Tun Dr Mahathir Mohamad dalam usaha penyelesaian konflik Palestin-Israel sejak dahulu, diakui dan diiktiraf oleh gerakan Islam yang memperjuangkan isu negara umat Islam itu.

Terbaru, pengiktirafan itu dinyatakan dalam Konvensyen Sedunia Kali Ke-4, Solidariti Bersama Palestin di Lebanon, 11 hingga 14 Mac lalu yang disertai oleh tokoh gerakan Islam, cendekiawan dan pejuang hak asasi dari seluruh dunia.

Bekas perdana menteri adalah satu-satunya pemimpin negara Islam yang diberi penghormatan berucap pada majlis penutup program anjura Global Campaign To Return To Palestine itu bersama-sama dengan Presiden Hamas, Ismail Haniyeh.

Sekalipun tidak dapat hadir, dan hanya berucap melalui rakaman video, penegasan dan dokongan Tun Mahathir terhadap perjuangan Palestin sangat dihargai oleh peserta persidangan itu.

Pernyataan pengiktirafan oleh pihak penganjur itu kemudian disampaikan kepada Tun Mahathir oleh Penasihat Umum Parti Amanah Negara (AMANAH) Ustaz Ahmad Awang bersama timbalannya Ustaz Abdul Ghani Samsuddin dalam satu pertemuan di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya 29 Mac lalu.

Kedua-dua mereka adalah wakil Malaysia ke persidangan peringkat antarabangsa itu sebelum ini.

Ustaz Ahmad berkata, pada pertemuan hampir sejam dengan Tun Mahathir itu, mereka



Ustaz Ahmad Awang dan Ustaz Ghani menyampaikan tanda mata dari penganjur persidangan Palestin di Lebanon.

juga saling bertukar pandangan berhubung isu perjuangan rakyat Palestin dan usaha ke arah pembebasan negara itu dari kongkongan rejim zionis Israel.

"Saya sampaikan ucapan terima kasih dan penghargaan daripada pihak penganjur. Saya nyatakan walaupun beliau tidak dapat hadir, namun video ucapannya yang disiarkan pada majlis penutup itu sangat memberi bertepatan dengan perjuangan pembebasan Palestin dan sangat kesan kepada kami para peserta persidangan.

"Kita juga berbincang soal Palestin dan dia (Tun Mahathir) ini prihatin sangat tentang isu ini," katanya kepada *Mingguan Amanah*.

Beliau juga berkata, pada pertemuan itu Tun Mahathir juga menyatakan persetujuan untuk terus menyokong sebarang usaha ke arah pembebasan Palestin pada masa-masa akan datang.

Tun Mahathir ketika menerajui kerajaan, beberapa kali menyampaikan mesej tegas kepada Amerika Syarikat selaku sekutu rapat Israel agar menyelesaikan isu Israel-Palestin, termasuk dalam

pertemuan dengan dengan Presiden George Bush di persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) di Shanghai pada 2001.

Sementara itu, pada persidangan pertengahan Mac lalu itu, sebanyak 11 resolusi bersama telah dicapai antara lain menyokong gerakan penentangan terhadap kekejaman zionis Israel terhadap Palestin dan juga menggerakkan kempen pulang beramai-ramai ke Palestin.

Turut hadir pada konvensyen itu termasuk cucu kepada tokoh kedaiman dan tokoh spritual India, Mahatma Gandhi dan bapa kepada Rachel Corrie, gadis Olimpia Washington Amerika yang terbunuh dilanggar jentolak tentera Israel sehingga berkecai tubuhnya ketika sedang mempertahankan anak-anak Palestin serta ibu kepada Thomas Hurndall, warga British yang ditembak tentera Israel semasa menentang pendudukan Israel di Gaza pada 2003.

Lebih menarik, turut menyertai konvensyen itu dua orang rabai Yahudi dari New York yang mendukung perjuangan Palestin. Mereka berpendirian bahawa agama Yahudi tidak membenarkan bumi Palestin dijadikan ibu negara Zionis kerana bercanggah dengan ajaran agama mereka.

Kesemua peserta juga di bawa ke Maroun al-Ras, kawasan pergunungan Selatan Lubnan yang bersempadan dengan Palestin di mana deklarasi dan resolusi konvensyen dibaca di situ sebagai simbolik mengisytiharkan perjuangan rakyat Palestin yang didukung oleh seluruh masyarakat dunia.

Kerana jumpa Mahathir, dua ulama dihina

Kerana bertemu dengan calon perdana menteri Pakatan Harapan (PH), lidah rasmi Pas, Harakahdaily telah melebel dua ulama sebagai tunduk kepada Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ia berlaku apabila Pengerusi Penasihat AMANAH Ustaz Ahmad Awang dan timbalannya, Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin menemui Dr Mahathir baru-baru ini.

Ia bertujuan untuk menyampaikann penghargaan masyarakat Palestin terhadap bekas perdana menteri selama 22 tahun itu.

Harakahdaily menyiarkan laporan itu berdasarkan tulisan seorang pensyarah sebuah universiti yang menjadi pembodek parti Islam itu yang baru-baru ini didakwa 'terkucil' di depan bekas perdana menteri itu.

Bagi Ustaz Wan Ji Wan Husin, ia adalah satu tindakan menghina kedua-dua individu berkenaan oleh Harakah.

Walaupun hasrat ustaz Ahmad Awang dan Ustaz Abdul Ghani Samsuddin mahu bergabung tenaga dengan Tun Dr Mahathir yang mahu memastikan BN kalah dalam PRU pada kali ini, pihak Harakah menerbitkan satu tulisan yang menghina dua tokoh ulama Malaysia ini, tulis Wan Ji.

Harakah sebelum ini menjadi akhbar alter-



HARAKAHDAILY.NET

Ahmad dan Ghani tunduk mengalah kepada Tun M

Laporan Harakahdaily mengenai pertemuan Ustaz Ahmad Awang dan Ustaz Ghani dengan Tun Dr Mahathir.

natif paling popular namun kini sudah hilang bisanya.

Harakahdaily juga telah jatuh merudum dari

laman berita nombor dua negara menjelang PRU 13 lalu.

Pembunuhan 16 warga Palestin dikecam

Presiden Pakatan Harapan mengecam sekeras-kerasnya pembunuhan 16 orang warga Palestin oleh askar Israel di Gaza semalam ketika tunjuk perasaan di sana.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail berkata, pembunuhan oleh rejim Zionis ini menimbulkan kemarahan bukan sahaja umat Islam malah juga masyarakat antarabangsa lainnya seperti yang disaksikan kenyataan Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres.

"Saya difahamkan 17,000 warga Palestin menunjuk perasaan di beberapa kawasan sekitar Gaza, tetapi mereka diserang sehingga mengakibatkan beratus tercedera selain kematian yang dinyatakan tadi," katanya.

Sebagai anggota PBB dan OIC, katanya yang juga Ketua Pembangkang Parlimen, Malaysia perlu memainkan peranan lebih proaktif dalam menyelar tindakan rejim Israel ini.

"Selain menggesa siasatan bebas dan terbuka ke atas kejadian ini, saya menggesa Kerajaan Malaysia menghentikan serta menyekat sebarang aktiviti perdagangan dengan negara Israel secara langsung mahu-

Pas sekongkol dengan penyamun, sokong apa yang untung BN

Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin (*gambar*) berpendapat Pas pada masa ini menyokong apa sahaja perkara yang menguntungkan BN sebaliknya berkecuali dalam hal yang mengancam rejim itu.



laku pemimpin BN. "Hasrat sebenar bukanlah untuk kawal berita tidak benar sangat," tegasnya dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

Mengulas pendirian 10 Ahli

Parlimen Pas yang menyokong Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 semalam, Ustaz Zolkharnain menyifatkan parti tersebut bersekongkol dengan penyamun.

"Takkanlah pengalaman MP (Ahli Parlimen) Pas bergelumang dengan politik begitu lama tidak boleh menghidu niat jahat kerajaan BN dalam hal ini?"

"Pas sudah tidak mampu lagi berkata tidak kepada BN. Dedak

yang menyumbat kerongkong mereka (seperti pengakuan suara itu) sudah tidak boleh diluahkan lagi.

"Sungguh, saya kesal sekali apabila MP Pas menyokong akta ini yang membawa maksud menyokong BN menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara.

"Malang sungguh ada parti kononnya benuansa Islam tetapi bersekongkol dengan penyamun," selarnya.

10 wakil rakyat Pas termasuk antara 123 Ahli Parlimen yang menyokong akta baharu itu manakala 64 lagi menolak melalui undi belah bahagi.

Walau bagaimanapun, Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) dan Ketua Penerangan Pas, Nasrudin Hassan (Pas-Temerloh) tidak kelihatan ketika pengundian dijalankan.

Pas bersama Umno sokong Akta Anti Berita Palsu

Dalam keputusan yang sememangnya dijangka, Rang Undang-undang Anti Berita Tidak Benar 2018 akhirnya diluluskan oleh Dewan Rakyat 2 April lalu dengan undian 123 menyokong dan 64 menolak.

Seluruh anggota parlimen blok Pakatan Harapan yang terdiri daripada Parti Amanah Negara (AMANAH), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Keadilan dan DAP termasuk PSM dan Warisan sebulat suara menolak RUU itu.

Bagaimanapun disebalik kelulusan itu, tumpuan terarah kepada kesemua 11 anggota parlimen Pas yang hadir pada hari itu yang telah bersama 112 Ahli Parlimen Umno-BN menyokong RUU itu.

Untuk rekod, Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Marang) dan Ketua Penerangan PAS Nasrudin Hassan (Temerloh) tidak kelihatan semasa pengundian berlangsung.

Ketika perbincangan RUU itu, Ahli Parlimen Pas Kuala Nerus, Datuk Mohd

Khairuddin Aman Razali mengadu partinya menjadi mangsa berita palsu.

Sementara itu, RUU itu memperlakukan sesiapa yang mendapati 'dengan sengaja membuat, menawarkan, menerbitkan, mencetak, mengedar atau menyebarkan' sebarang berita palsu atau penerbitan; boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 6 tahun atau kedua-duanya.

Dalam kes kesalahan yang dilakukan secara berterusan pula, seseorang boleh dikenakan denda tambahan sehingga RM3,000 untuk setiap hari kesalahan itu dibiarkan berterusan selepas sabitan.

Sebagai tambahan kepada hukuman, mahkamah juga boleh memerintah permohonan maaf dibuat secara terbuka atau dengan menerbitkannya di akhbar.

Sesiapa yang didapati memberi bantuan kewangan untuk tujuan melakukan kesalahan itu juga boleh dikenakan denda sehingga RM500,000 atau penjara sehingga 6 tahun atau kedua-duanya.

Membanteras budaya Takfiri politik

BUDAYA takfiri (kafir-mengkafir) politik telah berakar umbi bermula pada tahun 1980-an apabila ianya telah meresap dalam jiwa politik pejuang Islam. Ianya dipercayai bermula selepas berlaku Revolusi Iran yang membangkitkan semangat Islamisme.

Pada dekad tersebut, isu takfiri ini banyak dihubungkan dengan kegagalan pemerintah melaksanakan hukum hudud dan penghayatan ideologi sekular. Perlembagaan negara pula disifatkan sebagai taghut dan istilah mustakbirin digunakan sebagai gelaran kepada pemerintah yang menentang tertubuhnya negara Islam.

Budaya takfiri politik ini banyak dikaitkan dengan Pas kerana ramai di kalangan pimpinan Pas yang mengaitkan akidah dan politik. Ini termasuklah jika tidak menjadi ahli Pas maka tidak dapat masuk syurga atau jika tidak menyokong RUU 355 tajaan Pas maka perlu ditanam di jirat (perkuburan) Cina kerana dianggap sudah bukan Islam.

Dalam satu kajian yang diterbitkan oleh Universiti Malaya bertajuk "Isu Kafir-Mengkafir Dan Implikasinya Dalam Perkembangan Politik Dan Sosial Masyarakat Melayu" oleh Ahmad Zaki Hj Abd. Latiff (Jurnal Usuluddin, Bil 17 [2003] 15-32) menyatakan bahawa isu takfiri dalam politik bukanlah dasar dan pendirian parti Pas kerana pimpinan utama Pas seperti Zulkifli Muhammad, Dr. Burhanuddin Helmy, Datuk Asri Muda, Yusuf Rawa dan Datuk Fadzil Noor tidak pernah mengemukakan isu berkenaan dalam siri ucapan dasar mereka. Mereka sendiri menafikan mengkafirkan Umno.



Datuk Asri dalam bukunya Memoir Politik menegaskan bahawa isu takfiri tidak pernah dibahaskan di peringkat pusat dan bahagian mahupun oleh Dewan Ulama Pas untuk diambil ketetapan mengenainya. Namun demikian, sebilangan ulama Pas terbukti mengambil pendekatan takfiri dalam pertembungan antara parti politik Islam (Pas) dengan parti politik kebangsaan (Umno), kemudian pihak lawan (Umno) mendakwa bahawa mereka dikafirkan oleh PAS berdasarkan peristiwa yang berlaku dalam masyarakat Melayu, terutamanya di Kelantan dan Terengganu.

Menurut penulis itu lagi, fitnah kafir-mengkafir mungkin berpunca sebilangan dari tafsiran yang tidak tepat terhadap ajaran Islam itu sendiri. Di antara fitnah kafir-mengkafir ialah; pertama; kafir kerana terikat dengan orang kafir yang memerintah negara. Kedua; kafir kerana tidak menjalankan hukum Allah sepenuhnya. Ketiga; kafir kerana memisahkan agama dengan kehidupan. Keempat; kafir kerana kerajaan sekarang taghut. Kelima; kafir kerana perjuangan kebangsaan Melayu (Nabi tidak mengaku umat). Fitnah kafir-mengkafir melibatkan juga penafsiran beberapa ayat al-Qur'an yang bertujuan mengkafirkan golongan tertentu, sedangkan ayat-ayat tersebut adalah bersifat umum.

Sehingga kini masih ramai pencera-

mah Pas yang percaya bahawa hanya Perlembagaan Pas yang benar-benar mengikut syariat Islam dan perlembagaan parti lain bahkan Perlembagaan Persekutuan sendiri bukanlah perlembagaan yang menepati kehendak hukum syarak. Mereka juga mendakwa bahawa hanya Pas yang mampu membawa sinar Islam di bumi Malaysia.

Ada juga fahaman lain yang menyatakan bahawa umat Islam telah jauh daripada Islam semata-mata kerana tidak menyokong parti politik Islam. Mereka menganggap umat Islam masih dijajah secara mental. Rakyat yang tidak bersetuju dengan parti politik Islam itu akan dianggap sebagai umat Islam yang tidak mempunyai akidah yang kuat.

Manakala, orang bukan Islam yang tidak bersetuju dengan cara Islam yang dibawa oleh parti politik Islam itu akan dianggap sebagai musuh bagi orang Islam dan perlu diperangi habis-habisan. Contohnya, setiap hari dimomokkan di dalam akhbar atau internet bahawa DAP adalah musuh Islam.

Sampai kepada satu tahap, pence-ramah politik kini sudah berani berdoa kepada Allah Taala untuk memusnahkan parti politik lain semata-mata kerana tidak bersama dengan mereka. Mujurlah, Malaysia masih mempunyai ruang demokrasi dan sikap takfiri sebegini masih tidak membawa kepada pertumpahan darah.

Hal ini menimbulkan kehairanan kepada kita kerana Islam tidak berkembang dengan secara paksaan. Kelemahan umat Islam pada hari ini tidak sepatutnya dipersalahkan kepada

orang bukan Islam. Sebenarnya umat Islam pada hari ini mempunyai pemimpin politik Islam yang lemah yang tidak mampu untuk menonjolkan dirinya dengan membawa Islam yang sebenar yang mampu menarik orang bukan Islam. Inilah aspirasi Islam yang ingin dibawa oleh AMANAH. AMANAH membawa pendekatan yang inklusif dan progresif yang mampu menarik orang-orang bukan Islam dengan nilai-nilai kesederhanaan Islam.

Kita melihat Islam berkembang pesat di Eropah dengan sebab akhlak dan hujah. Tiada sebuah pun negara Eropah yang melaksanakan hudud tetapi Islam telah berkembang subur. Pemimpin Islam di Eropah tidak pernah mendoakan kepada orang bukan Islam untuk mereka hancur atau dimusnahkan Tuhan. Lebih penting lagi, tiada enakmen pentadbiran agama Islam di sana tetapi Islam masih tetap berkembang pesat. Ini menunjukkan

Islam ini mampu berkembang jika hak dan kebebasan bersuara dijamin.

Hak dan kebebasan bersuara secara tersusun boleh membanteras budaya takfiri politik. Budaya takfiri politik ini berkembang disebabkan politik Islam ini telah membuat indoktrinasi terhadap ahli mereka tanpa menggalakkan budaya berhujah dan berdialog.

Masih belum terlambat bagi rakyat Malaysia untuk mengekang budaya takfiri politik ini. Budaya takfiri ini perlu dihapuskan segera memandangkan ianya telah lama berakar umbi dalam masyarakat semenjak tahun 1980-an lagi. Akhirnya, kita berharap AMANAH dapat memelopori budaya politik matang yang sebenar.

Budaya politik yang membawa kesederhanaan dan wasatiyyah yang boleh memacu kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan dan boleh membawa kedamaian bagi semua agama dan bangsa.

DR. OLIVE BODY CARE

Natural Safe Efective

SABUN MANJAKANI KAPSUL MANJAKANI

OTHER PRODUCTS:
SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA
SUPPLEMENTS

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Cabaran Rafizi kepada Naib Ketua Pemuda Umno

Ulang tuduhan di luar Dewan Negara

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Naib Ketua Pemuda Umno Khairul Azwan Harun dicabar mengulangi tuduhannya terhadap Invoke di luar Dewan Negara dan tidak berselindung di sebalik 'kekebalan' parlimen bagi melemparkan tohmahan tidak berasas terhadap Invoke.

Malah tindakan pemimpin Pemuda Umno yang sengaja melemparkan tuduhan palsu dengan mendapat liputan meluas media pro-BN dan Bernama dipercayai bertujuan melumpuhkan operasi Invoke menjelang pilihan raya.

"Ugutan ke atas Invoke adalah untuk menakut-nakutkan rakyat supaya tidak terus tampil menjadi sukarelawan kerana Umno bimbang dokongan rakyat yang menjadi sukarelawan Invoke akan menyukarkan sebarang usaha penipuan pilihan raya," kata pengasas Invoke Rafizi Ramli.


Invoke kini, ujar beliau mempunyai 25,000 sukarelawan yang giat dilatih untuk menjadi ejen kira undi bagi calon-calon PH.

Rafizi yang juga ahli parlimen Pandan berkata, sebahagian ucapan Khairul Azwan di Dewan Negara 27 Mac lalu telah dijadikan bahan berita oleh TV3 dan disiarkan di dalam berita-berita rangkaian Media Prima, selain dimuatnaik di laman Facebook TV3 sebagai buletin berita.

"Ucapan Khairul Azwan Harun (foto) itu turut dilaporkan oleh Bernama dan disiarkan di laman-laman berita, seperti laporan Malaysiakini.

"Semalam Pemuda Umno telah membuat laporan polis dan kepada pihak berkuasa berkenaan agar Invoke disiasat, berdasarkan ucapan yang dibuat oleh Khairul Azwan Harun," ujar Rafizi.

Sehubungan itu beliau dengan tegas menafikan tuduhan palsu



dibuat Khairul Azwan kononnya operasi Invoke dibiayai dana asing dan pemimpin Israel.

"Invoke tidak pernah menerima satu sen pun dari mana-mana badan baik dari dalam dan luar negara. Invoke dibiayai sepenuhnya oleh ribuan rakyat Malaysia yang melanggan khidmat kami atau membeli tiket-tiket/barang kempen yang dijual untuk membi-

ayai operasi Invoke," tegas Rafizi.

Menurut beliau, Invoke telah pun menyiarkan secara terperinci senarai pelanggan dan pembeli yang telah menyumbang kepada Invoke, yang secara jelas menunjukkan ribuan rakyat Malaysia membiayai operasinya.

Invoke juga, tambah Rafizi telah mematuhi segala peraturan dan undang-undang berhubung op-

erainya seperti mana diamalkan badan-badan kaji selidik yang lain seperti Merdeka Centre, Centre for Strategic Engagement (CENSE) dan lain-lain.

"Invoke tidak pernah ada sebarang hubungan dengan mana-mana pihak yang ada hubungan dengan rejim Israel, seperti yang didakwa oleh Khairul Azwan Harun," tegas beliau lagi.

Sehubungan itu, Rafizi mencabar Khairul Azwan mengulangi tuduhannya di luar Dewan Negara supaya beliau boleh mengambil tindakan saman terhadap pemimpin Pemuda Umno itu.

Naib Presiden Keadilan itu juga telah meminta pasukan peguamnya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Khairul Azwan dan TV3 yang secara jelas telah memfitnah Invoke dengan membuat laporan palsu kononnya ia dibiayai badan asing.

Kaji selidik Umno lebih banyak dari Invoke

KUALA LUMPUR: "Jika Invoke dituduh melanggar undang-undang kerana menjalankan kaji selidik, bagaimana pula ratusan kaji selidik yang dilakukan oleh Umno untuk mengukur tahap sokongan ke atas calon-calonnya?" soal pengasas Invoke Rafizi Ramli.

Mengulas tuduhan-tuduhan tidak berasas Naib Ketua Pemuda Umno Khairul Azwan Harun terhadap Invoke di Dewan Negara, 27 Mac lalu, Rafizi mengakui dimaklumkan beberapa ahli parlimen Umno-BN mengenai

kaji selidik melalui telefon yang digunakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak untuk mengenal pasti tahap sokongan setiap wakil rakyatnya.

"Jika Invoke ingin disiasat kerana menjalankan kaji selidik, kenapa pula Umno tidak disiasat secara besar-besaran kerana jumlah kaji selidik melalui telefon yang dibuat oleh Umno adalah jauh lebih tinggi berbanding kaji selidik oleh Invoke?" soal ahli parlimen Pandan itu.

Sehubungan itu, Rafizi yakin tuduhan palsu dilemparkan Khairul Azwan dan laporan meluas media massa pro-BN terhadap ucapan pemimpin pemuda Umno itu, sebagai usaha untuk melumpuhkan Invoke yang kini sudah mempunyai 25,000 orang sukarelawan yang giat dilatih untuk menjadi ejen kira undi bagi calon-calon PH.

"Ugutan ke atas Invoke adalah untuk menakut-nakutkan rakyat supaya tidak terus tampil menjadi sukarelawan kerana Umno

bimbang dokongan rakyat yang menjadi sukarelawan Invoke akan menyukarkan sebarang usaha penipuan pilihan raya," ujarnya.

Sehubungan itu beliau menyeru orang ramai untuk terus tampil mendaftar menjadi sukarelawan Invoke dengan mendaftar di pautan bit.ly/JOMJOININVOKE.

"Lebih ramai rakyat yang mendaftar menjadi sukarelawan, lebih sukar Umno mengugut untuk melumpuhkan operasi Invoke," tegasnya.

Pakar sedang analisa audio suara Nik Abduh

TANJONG MAS: Rakaman audio percakapan Nik Abduh Nik Aziz berhubung kerjasama politik Pas-Umno dan dana diterima pemimpin Pas daripada Umno kini sedang dianalisa di makmal sebuah universiti dan bakal dijadikan bukti di mahkamah London, bulan ini.

Pendedahan perkembangan audio suara yang dipercayai milik Ahli Parlimen Pasir Mas itu, dimaklumkan Naib Presiden AMANAH Husam Musa ketika menyampaikan ceramah, dekat sini, 28 Mac lalu.

Menurut Husam, rakaman audio yang dipercayai suara Nik Abduh itu telah dihantar ke makmal di City University, London.

"Saya difahamkan audio Nik Abduh dihantar kepada seorang pensyarah bahagian fonetik (suara) Profesor Allen Hirson.

"Beliau telah kendalikan 1,100 kes di mahkamah berkaitan mengemaskinikan

orang. Insya Allah kita tidak perlu berbalah di Kelantan ini," katanya.

Laman sesawang Expert Witness Institute mencatatkan latarbelakang kerjaya dan pengalaman Allen Hirson, seorang pensyarah kanan fonetik di City University, London.

Beliau telah mengendalikan sebanyak 1,100 kes yang melibatkan rakaman percakapan dan berpengalaman selama 23 tahun sebagai seorang pakar di bidang tersebut.

Pengarah Makmal Akustik Ucapan itu juga ialah ahli pengasas persatuan profesional di bidang Fonetik Forensik di peringkat antarabangsa (IAFPA) dan ahli Lembaga pakar di Witness Institute.

Pada 1 Mac lalu, Nik Abduh menafikan audio rakaman berdurasi 18 saat yang didakwa mengandungi ucapannya mengenai

penyaluran wang dari Umno kepada Pas.

Penyebaran audio yang tular itu disifatkan Nik Abduh sebagai "sampah di kalangan pemfitnah".

Beliau turut mendakwa AMANAH bertanggungjawab mendedahkan audio itu sebelum menjadi viral di media sosial dan mendapat liputan media.

Bagaimanapun sehingga kini Nik Abduh tidak mengambil tindakan undang-undang terhadap pihak yang menyebarkan rakaman audio beliau itu.

Husam yang juga Adun Salor berkata, walaupun Nik Abduh membuat penafian dan disokong oleh beberapa pemimpin Pas, beliau yakin rakaman audio itu adalah suara Nik Abduh.

"Jika kandungan audio itu betul, Nik Abduh kata Ustaz Hadi terima duit dari Umno, dia dan ayahnya terima duit daripada

Umno, dia berhubung dengan CIA, Pas dan Umno bekerjasama, dalam pilihan raya Dun Sarawak Pas kerjasama dengan Umno jatuhkan DAP, terima duit Umno RM2 juta.

"Jadi perkara ini kena ditentukan khususnya rakyat Kelantan yang nak mengundi sebulan lagi.

"Jika betul Pas terima duit dari Umno, nak ke undi Pas? Ini yang mustahak kena tahu. Jika tak betul, undilah Pas.

"Tetapi jika Pas ambil pith (duit) dari Umno patutkah kita nak undi Pas? Serupa kita undi Umno. Jadi kita rakyat kena tahu audio ini betul ke tidak," katanya.

Menurut Husam, walaupun Nik Abduh mengambil jalan mudah dengan menafikan rakaman audio itu adalah suara beliau, namun dia yakin itu adalah suara ahli jawatankuasa Pas Pusat tersebut kerana telah mengenalinya sejak dari kecil.

Serum alami keluaran *Dr. Olive* Bodycare

ASSALAMUALAIKUM dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jerawat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti dimusim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat dipasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaubagaimanapun, ini tidak

bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu efektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat mneyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi

tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakkan yang berpunca daripada persekitaran.

Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jerawat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cела dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, muka hendaklah dicuci terlebih dahulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti

pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk *Dr. Olive Bodycare*. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk *Dr. Olive Bodycare* dan salam hormat dari kami.

Untuk maklumat lanjut sila layari www.wix.com/drolivebodycare

SERUM

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal
SOAPS . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

+60 13 754 9335

drolivebodycare@gmail.com
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

20% Sale DISCOUNT

Serum 5ml ~~RM 39.90~~ **RM 31.90**

Serum 20ml ~~RM 159.60~~ **RM 127.70**

Jika buruk bahasa hodohlah pemimpin

"OMBAK Melayu pada pilihan raya kali ini bermula dari Johor. Bangsa Johor akan memulakannya!

"Pilihan raya lepas walaupun kemaraan parti pembangkang menghimpit Umno hingga ke Tambak Johor, Pakatan Rakyat gagal.

"Biarpun Salahuddin sanggup meninggalkan kubunya di Kelantan, PKR diperkukuhkan dengan kehadiran tokoh Abim Idris Jauzi..."

Pidato anak muda berbaju merah bersimbol bunga raya itu memang nampak bergaya. Bertenaga dan panas. Pidatonya disambut dengan semangat dan laungan "Hidup Tun! Hidup Tun! Hidup Tun!"

Tan Sri Muhyiddin Yassin tersenyum meleret. Puas.

Johor negeri tempat keputeraan Umno - iaitu sebuah parti Melayu - pada 1946. Umno dilahirkan di dalam istana dan diarak pemimpinnya keseluruhan negara. Umno memang kuat di Johor.

Pas berjinak-jinak menanam padi pada sawah seluas sekangkang yang ada. Sayang padi tidak dituai, lalang pula yang tumbuh. Maka hilang wang pertaruhan dalam pilihan raya.

Namun berkat kesabaran pemimpin Pas waktu itu, mereka mengorak langkah sedikit demi sedikit. Daripada memperoleh kemenangan tanpa bertanding di Senggarang pada pilihan raya umum (PRU) 2004, kemudian menang melalui pertandingan di tiga kerusi Dun.

Kajian INVOKE

Malam itu aku membelek-belek kajian terkini INVOKE. Ia adalah kajian yang melihatkan hampir 800,000 responden di seluruh negara. Justeru ia suatu kajian yang tidak boleh dipandang ringan. Nilai keabsahannya tinggi.

Peta Johor diwarnakan merah tanda negeri itu akan dikuasai oleh Pakatan Harapan (PH) kali ini. Pas pula akan kehilangan dua daripada tiga kerusi yang dikuasainya. Satu kerusi memang sudah awal-awal dibawa pergi oleh bekas pesuruhjayanya yang kini menjadi orang nombor satu AMANAH di Johor, Cikgu Aminolhuda Hassan.

Lama sudah aku kenal bekas cikgu matematik itu yang pernah belajar di United Kingdom. Beberapa tahun lalu kerap kami bertemu dan minum bersama. Sekarang agak jarang.

Sengaja selepas makan tengahari itu, aku mendail nombor telefonnya yang memang masih tersimpan dalam telefon bimbitku. Aku bercerita tentang sebuah kitab lama dari Johor. Aku minta supaya pemimpin membaca atau setidak-tidaknya memahami tentang sebuah kitab lama.

Dengan senang hati, cikgu Aminolhuda melayan khutbah pendek aku. Seorang



Aminolhuda Hasan

cikgu memang begitu sifatnya - sabar dan mendengar.

"Tentang kitab?" tanya Adun Parit Yaani itu apabila aku menyebutkan nama naskah berkenaan.

Kitab itu ditulis pada 1878 di Singapura oleh anak Abdullah Munsyi. Muhammad Ibrahim Munsyi namanya. Kitab itu bertajuk 'Kitab Pemimpin Johor'.

Anehnya apabila dibaca, ia bukanlah sebuah kitab politik tetapi sebuah karya yang memperkatakan nahu atau tatabahasa Melayu!

Apakah Muhammad Ibrahim khilaf dalam memahami penggunaan istilah "pemimpin"? Rasanya, tidak mungkin.

Apakah makna pemimpin pada kurun ke-19 berbeza dengan pemahaman kita pada masa kini? Tidak juga.

'Pemimpin' merujuk 'ketua'

Jika dirujuk beberapa karya terutamanya yang ditulis pada era yang lebih kurang sama, istilah "pemimpin" merujuk "ketua". Lihatlah, di dalam Kitab Suci iaitu terjemahan Bible Melayu yang diusahakan oleh H C Klinker pada 1879 dia menggunakan istilah pemimpin seperti di dalam petikan berikut:

"Turutlah orang yang menjadi pemimpinmu, dan tunduklah kepadanya".

Maknanya pemimpin adalah seorang ketua.

Begitu juga di dalam A Malay English Dictionary susunan R J Wilkinson pada 1901 yang mencatatkan makna pemimpin sebagai "to lead by hand" dan "a mentor" atau "guide". Jelas Wilkinson mengambil tajuk kitab tulisan Muhammad Ibrahim.

Wilkinson menghuraikan makna istilah 'pemimpin' sebagai Johor Guide yang merujuk kepada "the name of a Malay grammar".

Mengapa Muhammad Ibrahim tidak

menamakan kitabnya itu sebagai Kitab Panduan Bahasa Melayu atau apa-apa istilah yang berkaitan dengan bahasa?

Apakah rahsia di sebalik pemilihan istilah "pemimpin" sebagai tajuk buku tentang bahasa?

Jika dilihat beberapa tulisan tentang tata-bahasa Melayu pada kurun ke-19 yang ditulis orang-orang Barat, mereka menggunakan istilah "nahu". Penulisan terawal tentang bahasa dan kesusasteraan Melayu ditulis oleh Francois Valentijn, John Crawford dan seorang paderi Swiss, G H Werndly.

Pada 1736, Werndly menulis sebuah buku yang bertajuk Maleische Spraakunst (Nahu Bahasa Melayu). Dia bekerja dengan Belanda di Sumatera dan sangat berminat terhadap manuskrip Melayu.

Sebanyak 69 manuskrip dihimpunkan dan disenaraikannya dalam buku Maleische Spraakunst. Pada 1876, seorang Perancis L'Abbe P Faure menulis buku bertajuk Grammaire de la Langue Malaise (Kitab Ilmu Nahu Dari Bahasa Melayu).

Memang orang Melayu tidak menulis hukum-hukum berbahasa kerana hukum bahasanya disusun dalam adab dan adat. Tatabahasa orang Melayu lahir dari jiwa. Tidak direka untuk bermegah-megah sebaliknya kedengaran cukup mendalam, indah dan segar.

Orang asing terpaksa menulis tentang tatabahasa Melayu kerana mereka mahu memahami bahasa yang dimiliki oleh bangsa pelaut yang hebat ini.

Peribadi pemimpin teruk

Dengan memahami bahasa sesuatu bangsa, jiwa bangsa akan dapat diterokai dan difahami.

Sebenarnya jiwa bangsa Melayu tersimpan dalam bahasanya. Kukuh bahasa, megahlah bangsanya. Buruk bahasanya,



lemahlah bangsanya.

Muhammad Ibrahim mempunyai pemahaman bahawa istilah "pemimpin" sebagai istilah "bahasa". Dia menggunakan istilah "pemimpin" sebagai "bahasa" kerana memahami bahawa bahasa adalah pemimpin.

Kitab itu mengandungi 23 bab pendek yang membincangkan sifat-sifat bunyi bahasa, penggunaan kata dan lain-lain tentang bahasa Melayu. Pada mukadimahnyanya, Muhammad Ibrahim menerangkan sebab beliau menulis buku Kitab Pemimpin Johor.

Sebab pertamanya ialah sebagai penambahan ilmu pengetahuan tentang bangsa Melayu. Keduanya, dia menulis "supaya menjadi pemimpin bagi tiap-tiap mereka yang belum sempurna pelajaran di dalam ilmu teks menulis Melayu".

Nyatalah syarat untuk menjadi pemimpin adalah memahami ilmu teks menulis dalam bahasa Melayu.

Sesuatu yang lebih menarik, Muhammad Ibrahim menyebutkan sebab terakhir dia menulis kitab itu. Katanya kitab tersebut akan menjadi panduan jika berlaku persepilihan faham atau pertenggaran antara mereka.

Ketinggian bahasa

Kini dengan dunia yang terbentang luas, kehidupan masyarakat dipadatkan dengan perselisihan atau pertenggaran yang sia-sia. Kebanyakan perselisihan atau pertenggaran akibat daripada penggunaan bahasa yang teruk. Itulah gambaran peribadi pemimpin yang teruk.

Mempunyai ketinggian bahasa adalah syarat utama menjadi pemimpin Melayu yang baik. Cakapnya tidak celupar, gelojoh dan kasar. Tulisannya indah, bermakna dan berkesan. Tingkahnya menyenangkan dan memperkukuhkan kebenaran.

Tahu berbahasa bukan sekadar mengetahui hukum berbahasa tetapi mengetahui bagaimana memimpin masyarakat adalah teras tertegaknya bahasa Melayu.

■ **Penulis ialah Naib Pengerusi AMANAH Perak.**

Gaji rakyat tidak setimpal kos hidup, akui Gabenor BNM

KUALA LUMPUR: Sudah tiba masanya rakyat memperoleh paras gaji yang bersesuaian dalam usaha negara mencapai status negara berpendapatan tinggi, kata Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Muhammad Ibrahim.

Beliau berkata paras gaji dalam pasaran buruh adalah rendah dengan separuh daripada tenaga kerja menerima pendapatan kira-kira RM1,700 sebulan, manakala purata gaji permulaan bagi pemegang diploma hanyalah RM1,550 iaitu RM350 melebihi gaji minimum RM 1,200 ditetapkan kerajaan.

"Sejak 2014, pendapatan kumpulan isi rumah 40 peratus terendah (B40) naik sebanyak 5.8 peratus setiap tahun, bersamaan dengan RM156 sebulan.

"Bagaimanapun perbelanjaan mening-

kat pada kadar yang lebih cepat sebanyak enam peratus atau RM120 sebulan, menjadikan kumpulan B40 mempunyai wang yang sedikit untuk berbelanja," katanya pada taklimat media mengenai Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran BNM 2017, dekat sini, 29 Mac lalu.

Muhammad berkata paras gaji di Kuala Lumpur (KL) pada 2016 dianggarkan sebanyak RM2,700 bagi golongan dewasa, RM4,500 bagi pasangan tanpa anak dan RM6,500 bagi pasangan dengan dua anak.

"Ini hanya garis panduan yang digunakan oleh banyak negara maju untuk memberi idea mengenai paras gaji yang dianggap sesuai.

"Di Malaysia, kos sara hidup paling tinggi sebenarnya di sini, dan pada

tahap tertentu, cadangan gaji minimum juga boleh diaplikasikan di Pulau Pinang dan Johor Bahru.

"Jika anda bujang menetap di Muar dan memperoleh RM2,700, anda akan hidup selesa kerana kadar sewa dan kos sara hidupnya rendah," katanya.

Penetapan gaji juga perlu sepadan dengan produktiviti, dan boleh menjadi langkah ke arah kualiti hidup yang lebih tinggi di Malaysia, katanya sambil menambah gaji boleh menjadi panduan kepada tahap pendapatan yang diperlukan untuk mencapai taraf hidup yang boleh diterima.

Muhammad berkata, sebanyak 27 peratus daripada isi rumah di KL memperoleh pendapatan di bawah gaji minimum, dan mereka kebanyakannya lepasan sekolah menengah dengan kemahiran

kerja yang rendah hingga sederhana.

Sebaliknya, jelas beliau mereka yang memperoleh pendapatan melebihi gaji minimum kebanyakannya graduan dengan kemahiran yang tinggi.

Beliau berkata dapatan turut menekankan kepentingan untuk mewujudkan tenaga kerja yang dilengkapi dengan keupayaan untuk memperoleh kemahiran yang lebih tinggi dan pekerjaan dengan gaji yang tinggi, membawa kepada taraf hidup yang lebih tinggi.

Muhammad berkata BNM merancang untuk menubuhkan Biro Perangkaan Buruh Malaysia pada tahun depan, yang akan membolehkan kerajaan memantau mengenai peluang pekerjaan dan gaji bulanan.

Malangnya rakyat bila tarikh pilihan raya jadi teka-teki

JEMPOL: Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan secara sinis menganggap rakyat Malaysia dalam keadaan malang apabila masih tidak diberitahu tarikh pilihan raya.

Menurutnya, pengundi di tiga negara lain di Asia Tenggara tidak berteka-teki mengenai tarikh pilihan raya seperti rakyat di Malaysia.

"Malang jadi rakyat Malaysia, tarikh pilihan raya pun tak tahu. Kalau di Indonesia, mereka sudah tahu tarikh pilihan raya.

"Masyarakat dan pengundi di Thailand dan Singapura pun mereka tahu bila tarikh mengundi. Kita di Malaysia ini berteka-teki (tarikh pilihan raya)," tegasnya dalam Ceramah Umum AMANAH dekat sini, 2 April lalu.

Turut berucap Pengerusi PPBM Negeri

Sembilan, Baharuddin Ahmad.

Sehubungan itu, Sany memberi jaminan Pakatan Harapan (PH) tidak akan meneruskan sikap merahsiakan tarikh pilihan raya seperti diamalkan kerajaan Umno-BN selama ini.

"Kalau Indonesia, Singapura dan Thailand, boleh. Kenapa Malaysia tidak boleh?" tegasnya.

Timbalan Ketua Pemuda PH itu turut menyifatkan pembangkang di negara ini terpaksa berlawan dengan segala



Mohd Sany Hamzan

instrumen kerajaan bukan sekadar menentang parti Umno-BN.

Walhal, jelasnya situasi musim pilih-

an raya berbeza di negara-negara jiran apabila parti pembangkang juga diberi ruang bersiaran di televisyen dan menganjurkan program di prasarana sama yang diguna parti pemerintah.

"Kita masuk pilihan raya bukan hanya berlawan dengan Umno-BN. *Buletin Utama* di TV3 dari jam 8 sampai 8.45 malam, dia hentam PH.

"Kalau di Indonesia, parti kerajaan diberi peluang bercakap selama dua jam di televisyen. Malam esoknya, parti dari pembangkang pula dibenarkan bercakap dua jam di kaca televisyen. Itu di Indonesia.

"Di Thailand, kalau parti kerajaan buat ceramah raksasa di stadium, esoknya parti pembangkang juga dibenarkan guna stadium untuk program sama," tambah Sany.

Jangan taksu parti, contoh Rafidah

KUALA LUMPUR: Ahli dan penyokong Umno dan Pas disaran mencontohi veteran Umno Tan Sri Rafidah Aziz yang berani mengkritik pemimpin parti kerana melakukan perkara-perkara yang merugikan rakyat dan negara.

Naib Presiden AMANAH Datuk Mahfuz Omar berkata, ahli-ahli dua parti Melayu itu perlu berani menegur pemimpin mereka yang sudah jauh tersasar dari hala tuju perjuangan, mementingkan diri sendiri, menghambakan ahli-ahli dan menyalahgunakan kedudukan.

"Saya yakin ramai ahli parti politik itu tahu bahawa pemimpin mereka melakukan kesalahan, tetapi tidak berani menegur atau berubah kerana bimbang dianggap menderhaka, pengkhianat, jahat dan lain-lain.

"Justeru mereka mengambil sikap

mendiamkan diri dan hanyut dalam arus parti sendiri yang semakin reput dan condong menanti rebah," ujarnya.

Sehubungan itu, ahli Umno perlu merubah pemikiran mereka manakala ahli Pas perlu membuang ketaksuban sehingga enggan menegur pemimpin. Mahfuz merujuk kepada tulisan Rafidah di laman facebook mutakhir ini yang lantang mengkritik pemimpin Umno-BN walaupun masih menganggotai parti itu.

Ini mengundang kritikan beberapa pemimpin Umno antaranya Ahli Majlis Tertinggi Umno Tan Sri Nazri Aziz dan Ketua Penerangan Umno Tan Sri Annuar Musa.

Rafidah ialah bekas Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (1987-2008) dan bekas Ketua Pergerakan Wanita Umno (1984-1996).

"Rakyat dan ahli Umno khususnya diingatkan agar jangan terlalu terikat kepada parti itu selamanya. Saya berpendapat bahawa Tan Sri Rafidah sedang berusaha untuk meleraikan doktrin pemikiran karut bahawa tanpa Umno negara akan musnah, tanpa Umno Melayu akan mundur, akan diperintah oleh bangsa lain, negara akan dijajah, bangsa Melayu akan merempat, Islam akan hilang dari negara dan macam-macam lagi khurafat yang ditanam dalam minda ahli-ahli,"ujarnya.

Malah bekas naib presiden Pas itu menasihati ahli Pas supaya tidak terlalu sentimental dan taksu dengan parti dan pemimpin.

Beliau turut menyentuh gelagat sesetengah pemimpin politik yang hanya muncul di khalayak umum menjelang pilihan raya umum.

Negara, tegasnya memerlukan peru-

bahan dan sekarang adalah masa untuk rakyat bangkit membuat perubahan bagi membina semula negara.

Kata beliau, sudah tiba masanya kepimpinan negara diserahkan kepada pemimpin yang tidak mementingkan diri, amanah, adil, telus, bertanggungjawab dan jujur.

"Pemimpin dan parti yang sedang berkuasa menguasai kerajaan Malaysia sekarang mesti dihumban kerana telah terpalit dengan pelbagai skandal, penipuan, mementingkan diri sendiri, zalim dan menghambakan rakyat.

"Kita dapat melihat contoh bagaimana negara lain telah membuat perubahan dan menikmati iklim demokrasi sebenar. Malaysia perlu bergerak ke arah itu, dan pengundi bebas dari kongkongan parti adalah penentuannya," jelas beliau.

Duduk di kampung, Felda pun kena GST

Oleh ARIF ATAN

JEMPOL: Cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang sudah dikuatkuasakan sejak 1 April 2015 menyebabkan masyarakat luar bandar berpendapatan rendah juga tidak terkecuali.

Pengerusi PPBM Negeri Sembilan, Baharuddin Ahmad berkata, GST dikenakan pada segenap rakyat sedangkan konsep cukai sepatutnya hanya wajar dikenakan kepada golongan berkemampuan sahaja.

"Segenap peringkat rakyat kena bayar cukai. Tidak kira kaya, miskin, yatim piatu, cacat apa saja. Semua kena bayar. Ini konsep percaikuan yang salah.

"Cukai ini sepatutnya dikenakan kepada yang mampu atau barang yang mahal-mahal. Di Indonesia, cukai GSTnya 24 peratus tapi tidak dikenakan ke atas rakyatnya yang

“Cukai ini sepatutnya dikenakan kepada yang mampu atau barang yang mahal-mahal. Di Indonesia, cukai GSTnya 24 peratus tapi tidak dikenakan ke atas rakyatnya yang tidak mampu.”

tidak mampu.

"Cukai itu dikenakan kepada barang-barang mewah dan import saja. Kita ini, duduk di kampung dan Felda, GST tetap kena bayar," jelasnya dalam Ceramah Umum AMANAH Kawasan Jempol, dekat sini, 2 April lalu.

Sehubungan itu, beliau hairan sekiranya masih ada rakyat tidak marah dengan pelaksanaan cukai enam peratus itu yang menjadi penyebab kenaikan melambung kos sara hidup.

Baharuddin menegaskan Pakatan Harapan (PH) akan menunaikan janji menghapuskan GST jika diberi mandat pada pilihan raya umum akan datang.

"Kalau tuan-tuan tidak marah cukai GST ini, tak tahulah. Janji PH dalam tempoh 100 hari mendapat mandat di Putrajaya, GST akan dihapuskan," tegasnya lagi.

Baru-baru ini, Pasukan Komunikasi Strategik BN menyediakan senarai lapan soalan lazim berserta jawapan mengenai apa yang dianggap mereka sebagai salah faham men-

genai GST di negara ini.

Antaranya, pasukan tersebut menganggap GST di Malaysia tidak boleh dianggap sebagai tambahan cukai tidak seperti di lain-lain negara yang melaksanakan GST seperti di UAE dan Arab Saudi.

Senarai soal jawab tersebut dikeluarkan serentak pada hari Kempen Rakyat Tolak GST Bersama Presiden PPBM, Tan Sri Muhyiddin Yassin di hadapan gedung beli-belah Sogo di ibu negara.

Untuk rekod, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mendapat kutipan GST sebanyak RM41.2 bilion sepanjang 2016 dan menasarkannya sebanyak RM42 bilion untuk tahun 2017.

Ini bermakna secara purata kerajaan mengutip cukai GST kira-kira RM3.5 bilion setiap bulan sejak dilaksanakan tiga tahun lalu.

Usia bukan halangan bantah penipuan pilihan raya

KUALA LUMPUR: Terik matahari tidak mematahkan semangat Pak Amjal untuk turut berarak membantah syor Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), 28 Mac lalu.

Berusia 82 tahun, pemilik Restoran Amjal di Jalan Pantai Baharu dekat Universiti Malaya (UM) ini tekad membantah persemipadanan semula kawasan pilihan raya yang tidak adil.

Datuk kepada lebih 22 cucu ini dengan nama sebenarnya, Jalaluddin Ab Manap antara kira-kira 1,000 peserta yang menyertai unjuk rasa di Jalan Parlimen ketika pembubaran sidang Dewan Rakyat semakin hampir.

"Persempadanan semula ini hanya muslihat untuk menyekat kemenangan Pakatan Harapan (PH). Rakyat kena faham dalam



Jalaluddin Ab Manap

soal perjuangan usaha mesti berterusan. Ada ruang begini, turunlah ke jalan raya.

"Kita dah tahu tidak boleh bersekongkol dengan kebatilan. Jadi tugas kitalah untuk memper-

juangkan yang hak mengikut cara masing-masing. Jangan jadi macam Pas," tegasnya ketika ditemui semasa perarakan.

Menurutnya, Ahli Parlimen sepatutnya bangkit menentang tindakan Perdana Menteri membentangkan laporan persemipadanan semula untuk kawasan pilihan raya di Semenanjung tengah hari itu.

"Kalau jadi Ahli Parlimen hadir persidangan dan bangkitlah berbahas bertegang urat dengan BN di Dewan Rakyat.

"Kita sebagai rakyat biasa ini, berarak beginilah cara kita untuk memberitahu kerajaan jangan sewenang-wenangnya memperbodoh rakyat," ujarnya lagi.

Laungan slogan 'tolak laporan' dan 'tangkap penyamun' keden-

garan sepanjang perarakan dari kawasan Tugu Negara menuju ke bangunan Parlimen sebelum dihalang barisan polis kira-kira 200 meter dari pintu pagar Parlimen.

Terdahulu mereka yang sebahagiannya berpakaian Bersih berhimpun di lokasi Tugu Negara mulai pukul 8 pagi dengan mendengar siri ceramah daripada wakil Bersih, para pemimpin PH dan aktivis badan bukan kerajaan (NGO).

Peserta dengan turut membawa sepanduk kemudiannya mengiringi delegasi BERSIH untuk menyerahkan memorandum bantahan kepada Speaker Dewan Rakyat bagi mengelak laporan SPR dibahaskan memandangkan kes bantahan masih berjalan di mahkamah.

SPR perlu sahkan dokumen pengenalan diri pengundi

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu mewujudkan mekanisme untuk mengenal pasti kesahihan dokumen pengenalan diri para pengundi bagi mengelak proses pengundian dimanipulasi pihak tidak bertanggung jawab.

Dalam satu kenyataan bersama ahli parlimen Pakatan Harapan dan Parti Warisan Sabah (Warisan), mereka merujuk pendedahan pada sidang Dewan Negara bahawa terdapat pendatang asing tanpa izin (Pati) telah menyalahguna MyKad untuk mendapat perkhidmatan di hospital-hospital kerajaan.

Ini kerana hospital-hospital kerajaan tidak mempunyai pembaca MyKad (card

reader) untuk mengesahkan kad-kad pengenalan yang digunakan Pati terbabit.

Hal ini, tambah mereka bukan sahaja amat memeranjatkan malah menimbulkan keraguan berkaitan proses pengundian pilihan raya.

Kenyataan media bersama itu dibuat Tan Sri Muhyiddin Yassin (PPBM-Pagoh), Nurul Izzah Anwar (Keadilan-Lembah Pantai), Ong Kian Ming (DAP-Serdang), Khalid Samad (AMANAH-Shah Alam) dan Darell Leiking (Warisan-Penampang).

Mereka turut merujuk taklimat diberikan SPR kepada wakil Pakatan Harapan (PH) Wilayah Persekutuan pada 24 Mac lalu bahawa antara dokumen pengesahan identiti yang boleh diguna pakai pengundi adalah

MyKad, passport, laporan polis kehilangan MyKad dan lesen memandu.

"Namun apabila ditanya bagaimana dokumen-dokumen identiti ini boleh disahkan, wakil SPR berkata bahawa tiada sebarang alat pengesahan akan diberikan di setiap saluran mengundi.

"Ini adalah sesuatu yang cukup memeranjatkan dan sangat membimbangkan," kenyataan itu dipetik.

Mereka melahirkan kebimbangan jika kes penipuan MyKad oleh Pati di hospital kerajaan ekoran ketiadaan alat pengesahan boleh berlaku di pusat-pusat pengundian.

"Bukankah ketiadaan alat pengesahan MyKad, passport dan lesen memandu di

saluran-saluran mengundi memungkinkan dokumen-dokumen palsu disalahguna pengundi-pengundi hantu untuk mengundi?" soal mereka.

Oleh kerana kemungkinan perkara ini berlaku amat tinggi dan bakal mencemar proses pengundian PRU14, mereka menggesa SPR merombak semula Prosedur Operasi Standard (SOP) proses pengundian dan menggunakan alat-alat pengesahan MyKad, passport dan lesen memandu bagi memastikan hanya pengundi yang sah keluar mengundi.

"Jika tidak sudah pasti PRU14 bakal menjadi PRU paling kotor dalam sejarah Malaysia," kenyataan itu dipetik.

Pemimpin AMANAH jayakan Bersih

Oleh ARIF ATAN

AMPANG: Peranan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu sejak berada dalam Pas lagi diakui telah menjayakan perhimpunan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) pada 10 November 2007 yang kemudiannya menyumbang tsunami politik pada pilihan raya umum (PRU) empat bulan selepas itu.

Mesra memanggil Mohamad sebagai 'Bang Mat', Ahli Jawatankuasa Eksekutif (CEC) DAP, Liew Chin Tong berkata, keputusan PRU 2008 hasil daripada demonstrasi menuntut pilihan raya yang bebas penipuan itu.

"Saya jadi sekretariat (Bersih dengan) Dr Dzulkefly, Dr Hatta. Peranan Bang Mat penting.

"Kalau tiada Bang Mat, tiada perhimpunan Bersih pada 2007 yang begitu penting untuk mempengaruhi keputusan PRU 2008.

"Ini peranan pemimpin Bang Mat juga pemimpin-pemimpin lain yang kemudian melibatkan diri dalam AMANAH," akunya pada slot Diskusi Buku 'Parti Amanah Negara' dekat sini, 27 Mac lalu.

Ahli Parlimen Kluang itu berpendapat sejumlah pemimpin AMANAH yang pada 1999 berada dalam Pas sebenarnya mempertahankan idea gabungan parti pembangkang dalam menentang BN.

Menurutnya, kumpulan tersebut bagaimanapun bertembung dengan golongan konservatif yang dilihat mengamalkan pendekatan memecahkan kesepakatan antara parti pembangkang dan pada masa sama menjadikan BN selesa.

"Pemimpin AMANAH adalah mereka yang mempertahankan idea gabungan alternatif sejak lama lagi.

"Kawan-kawan yang terlibat dalam AMANAH adalah pemimpin yang sama apabila Barisan Alternatif (BA) ditubuhkan pada 1999.

"BA hampir hancur sebelum PRU 2004. Salah satu sebab ialah kemunculan Abdullah Ahmad Badawi sebagai perdana menteri baharu," katanya.

Namun katanya, dokumen Negara Islam yang dibentangkan puak konservatif dalam Pas turut menjadi punca keretakan BA.

Chin Tong memperoleh tesis sarjana di Australia dalam penyelidikan ilmiahnya mengenai dinamika politik Pas.

Beliau menambah, kajiannya itu meneliti perbandingan antara dokumen dikemukakan Dr Dzulkefly Ahmad yang kini Pengarah Strategi AMANAH menerusi Memorandum Pas Kepada Rakyat Malaysia Dalam Konteks Demokrasi Abad ke-21 dengan dokumen Negara Islam yang ditulis bekas Mursyidul Am Pas, Allahyarham Datuk Dr Haron Din.

"Wujud dua aliran dalam parti Pas pada masa itu. Satu, mementingkan idea gabungan alternatif. Satu lagi, mementingkan idea Pas sebagai satu parti tanpa mengambil kira konteks," hujahnya.

Pengarah Pendidikan Politik DAP itu berkata, usaha mempertahankan idea gabungan alternatif sangat sukar ekoran tindakan balas BN untuk menggagalkannya.



Ahmad Lutfi menyampaikan cenderahati kepada Chin Tong pada majlis pelancaran buku Parti Amanah Negara di Ampang.

“Dalam wawancara Ustaz Ahmad Awang dalam buku ini (Parti Amanah Negara) ada disebut 'selepas 2008 saya (Ustaz Ahmad) meragui pendirian Haji Hadi apabila (bekas) Pesuruhjaya Pas Selangor, Hasan Ali berunding dengan Khir Toyo untuk menubuhkan kerajaan Umno-Pas Selangor yang hampir terlaksana kalau tidak kerana peranan Khalid Samad menggagalkannya' .”

"Parti kerajaan BN faham kalau ada satu alternatif yang setanding, dia mungkin kalah.

"Idea yang paling baik untuk BN ialah gabungan politik untuk semua tetapi Pas serang Umno daripada perspektif Melayu, DAP serang MCA daripada perspektif Cina. Ini yang paling baik bagi BN.

"Tapi apabila DAP bergabung dengan Pas dan parti-parti lain atas agenda bersama, dia (BN) takut dia hancur," katanya.

Chin Tong turut menyifatkan Penasihat Umum AMANAH, Ustaz Ahmad Awang yang juga bekas Pesuruhjaya Pas Perak serta pimpinan AMANAH lain sama berperanan menyelamatkan idea gabungan oposisi.

"Dalam wawancara Ustaz Ahmad Awang dalam buku ini (Parti Amanah Negara) ada disebut 'selepas 2008 saya (Ustaz Ahmad) meragui pendirian Haji Hadi apabila (bekas) Pesuruhjaya Pas Selangor, Hasan Ali berunding dengan Khir Toyo untuk menubuhkan kerajaan Umno-Pas Selangor yang hampir terlaksana kalau tidak kerana peranan Khalid Samad menggagalkannya'.

"Kalau tiada peranan semacam Ustaz Ahmad Awang, Khalid Samad dan kawan-kawan, negara kita tidak menikmati hasil demokrasi pada 8 Mac 2008," tegasnya dalam diskusi yang dimoderatkan Ketua Pemuda AMANAH Wilayah Persekutuan, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan.

Sehubungan itu, Chin Tong berkata, kesepakatan blok pembangkang menerusi Pakatan Harapan pada masa ini juga wujud kerana pendirian politik Datuk Seri Anwar Ibrahim yang celik dengan muslihat BN.

"Saya mahu kongsi mungkin mengingatkan apa berlaku PRU-13. Selepas Mei (PRU-13), Yusuf Kalla yang kini Wakil Presiden jadi perantara antara Datuk Seri Anwar dan Datuk Seri Najib.

"Najib minta Anwar masuk kerajaan, Anwar kata dia tidak akan masuk selain rundingan di antara Pakatan Rakyat dengan BN bukan antara PKR dengan BN.

"Kerana itu, hari ini Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam penjara. Kita mesti beri penghormatan kepada beliau," tegasnya serentak disambut tepukan gemuruh hadirin yang majoritinya pimpinan dan penyokong AMANAH.

Beliau yang juga Pengerusi DAP Johor mengingatkan taktik halus pemimpin BN adalah mematahkan kesepakatan blok pembangkang dengan menyerang satu demi satu pemimpin parti.

"Tujuan Najib mudah saja. Dia mahu hancurkan pakatan. Dia keluarkan Anwar (masuk penjara). Selepas itu PKR, dia mendekati Pas.

"Dia beritahu pembangkang itu DAP sahaja dan DAP itu Cina. Kalau Melayu undi pembangkang maka Lim Kit Siang jadi perdana menteri.

"Itu hujah (BN). Mudah saja tapi ada pimpinan AMANAH, ada kawan-kawan Saifuddin Nasution (Setiausaha Agung PKR) serta kami semua mempertahankan idea gabungan alternatif," tambahnya.

Ahli politik jangan takutkan pengundi, gesa Patriot

KUALA LUMPUR: Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) mengingatkan ahli politik supaya tidak mengeluarkan kenyataan yang menimbulkan kebimbangan serta menakutkan pengundi khususnya pengundi pos. Presidennya, Brig Gen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji mahu proses pilihan raya berlangsung tanpa dicemari rasuah dan ugutan kerana pilihan raya yang adil dan bebas adalah tonggak demokrasi.

"Macam mana boleh seorang menteri kanan berkata kepada khalayaknya bahawa undi mereka boleh dipantau dan mereka boleh tahu calon mana yang mereka undi?"



Brig Gen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji

"Ini bermakna menteri terbabit telah mengugut dan menekan, dan ia merupakan satu kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

"Ia bertentangan dengan jaminan yang diberi oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bahawa undi adalah rahsia dan tidak ada sesiapa pun yang akan tahu siapa yang seseorang itu undi pada hari pengundian," kata

beliau dalam satu kenyataan.

Patriot juga mengingatkan ahli politik supaya bersikap rasional sewaktu berce-ramah dan mengelakkan diri daripada menyemai kebencian terhadap lawan mereka menjelang PRU ini.



Rakaman dari udara menerusi drone milik Media Oren menyaksikan sambutan luar biasa rakyat Kedah.

Lau had Pak

Oleh ARIF ATAN

GUAR CEMPEDAK:

Lebih 5,000 rakyat Kedah membanjiri ceramah perdana Jelajah Pakatan Harapan (PH) di Guar Chempedak 29 Mac lalu dengan kemuncak pidato oleh calon perdana menteri Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pada masa sama, siaran langsung menerusi Facebook PH juga menarik perhatian seluruh negara apabila mencatatkan jumlah mencecah lebih 7,000 tontonan ketika giliran Tun Mahathir berucap.

Lautan kehadiran masyarakat setempat pada malam cuti bagi negeri di utara tanah air itu sekali gus menyaksikan sambutan paling menggalakkan selepas berlangsungnya enam siri jelajah yang sama ke negeri-negeri lain sebelum ini.

Gelanggang ceramah perdana didahului ba-

caan doa dan tahlil ringkas untuk bekas Menteri Besar Kedah, Allahyarham Tan Sri Sanusi Junid yang meninggal dunia pada 9 Mac lalu yang dipimpin Ustaz Mohamad Hassan dari Bersatu.

Pengerusi PH Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir seterusnya membuka gelanggang pidato pada ketika hujan renyai sebelum diikuti aktivis Bersih, Hishamuddin Rais.

Selepas nyanyian lagu Negaraku dan lagu PH, slot ceramah diteruskan dengan Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail dan Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng yang juga Setiausaha Agung DAP.

Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin merangkap Timbalan Presiden PH seterusnya mengambil giliran dalam ceramah perdana yang dipengerusikan Ketua Bahagian PPBM Kulim-Bandar Baharu, Datuk Azimi Daim.

Pentas ceramah di belakang Pasaraya Long Wan itu selanjutnya dihangatkan dengan pe-

nampilan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu.

Ceramah tokoh pidato yang hanya 14 minit seperti rata-rata pemedato lain bagaimanapun dilihat tidak memuaskan hati penonton.

Mereka bersorak seketika mahukan Timbalan Presiden PH yang berceramah disulami nada humor dalam fakta itu diberi tempoh lebih lama.

Suasana ceramah kemudiannya bertukar sedikit hiba apabila rakaman video amanat Datuk Seri Anwar Ibrahim bersiaran sebelum diceritakan kembali dengan dendangan lagu 'Kamilah Penyamun' dari filem P.Ramlee yang melatari bingkisan grafik berkenaan skandal rompakan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Kemuncak ceramah PH tentunya penampilan yang paling dinantikan negarawan Tun Dr Mahathir. Ceramah 32 minit Pengerusi PH itu dimulai dengan status Umno dan Pas pada masa ini.

"Saya hentam Umno nak bagi runtuh Umno.



Pengerusi AMANAH Kedah Datuk Dr Ismail Salleh (dua dari kiri) bersama para pemimpin PH negeri.



Ketibaan Tun Mahathir disambut hangat orang ramai.

Lautan rakyat Kedah menghadiri ceramah Jelajah PH di Guar Chempedak.

Jelajah PAKATAN HARAPAN

KHAMIS | 29 MAC 2018 | 9.00 MALAM
BELAKANG PASARAYA LONG WAN,
GUAR CHEMAPEK

BERSAMA
YABHG. TUN DR MAHATHIR MOHAMAD | YB. DATUK SERI WAN AZIZAH ISMAIL
TN. HJ MOHAMAD SABU | YAB. LIM GUAN ENG | YB. TAN SRI MUHYIDDIN YASSIN

#PakatKalahBagiElok #SelamatkanMalaysia

Lautan rakyat Kedah hadhiri ceramah Jelajah Pakatan Harapan



Anak-anak muda pelbagai bangsa juga tidak ketinggalan menghadiri ceramah PH.



atuk Mahfuz Omar dan Datuk Amiruddin Hamzah antara yang hadir.

Ucapan Tun Mahathir ditunggu-tunggu orang ramai.

Sebab apa? Umno sudah mati. Yang ada itu bukan Umno, tapi Parti Najib.

"Begitulah juga dengan Pas. Ini bukan Pas (zaman) dulu. Bukan Pas Burhanuddin Al-Helmy, bukan Pas (pimpinan) Datuk Asri, bukan Pas Nik Aziz.

"Ini Pas lain. Saya tidak payah sebut nama. Dah tukar. Sebab itu saya keluar Umno dan Mohamad

Sabu keluar Pas.

"Kita tubuh parti bukan nak jawatan. Kita mahu buat kebaikan kepada negara kita," katanya dalam program yang mendapat liputan rasmi Media Oren itu.

Ceramah berakhir kira-kira jam 11.30 malam dengan diakhiri laungan "Pakatan Harapan" oleh Tun Mahathir sebanyak tiga kali.

'Jangan takut undi Pakatan Harapan'

Kelolaan ARIF ATAN

Timbalan Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH), Sany Hamzan mengingatkan pengundi supaya tidak takut untuk memilih blok gabungan empat parti itu pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Menurutnya, sepanjang sembilan tahun Datuk Seri Najib Razak menjadi perdana menteri pelbagai kepincangan urus tadbir dan pemborosan berlaku sekali gus merugikan rakyat di negara ini.

Walhal, ujarnya, pengalaman Pakatan Harapan mentadbir Selangor dan Pulau Pinang menyaksikan segenap lapisan usia rakyat memperoleh banyak manfaat.

Sebaliknya, Ketua Pemuda AMANAH Nasional berkenaan berkata, Najib menabur duit kepada



rakyat hanya ketika menghampiri PRU-14 sedangkan wang itu sebenarnya adalah milik rakyat.

"Hari ini Najib umumkan macam-macam.

Sebab itu kita kata, dia bagi, kita ambil. Duit itu bukan duit mak bapa dia. Duit itu duit kita.

"Sebab itu kita jangan lupa, masa (Najib) mula-

mula ambil jawatan perdana menteri pada 2009, dia baiki kediaman rasmi perdana menteri di Putrajaya RM70 juta.

"Yang pernah tinggal di kediaman rasmi itu hanya Tun Mahathir dan Pak Lah. Itu duit siapa? Kalau dia berniaga nasi lemak pagi-pagi terpujulanglah," tempelaknya pada Ceramah Umum AMANAH di Jempol, 2 April lalu.

Beliau juga mengingatkan pengundi tentang perbelanjaan mewah untuk aktiviti keluarga Najib apabila ada antara majlis itu menggunakan 'Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan' sebagai alamat penganjur.

"Jangan lupa dia sambut hari jadi beli kek RM85,000 sebiji. Majlis pertunangan anaknya (pada 17 Jun 2011) saja habis RM500,000.

"Majlis kahwin anak buat di Kuala Lumpur beli bunga hidup dari Belanda RM3 juta. Jangan

lupa. Kita kais pagi makan petang, kais petang makan esok paginya. Kalau pilih juga Umno-BN tak tahulah.

"Jangan takut untuk undi Pakatan Harapan. Kita ada sejarah memerintah di Selangor dan Pulau Pinang. Di Selangor, daripada kanak-kanak masuk universiti dapat duit dan meninggal dunia dapat RM2,500.

"Kerajaan negeri Selangor biayai RM50. Kalau (kos rawatan) RM65, kena bayar RM15 saja. Kerajaan negeri juga beri ibu-ibu yang jaga anak berusia kurang 18 tahun bantuan KISS (Kasih Ibu Smart Selangor) sebulan RM200.

"Mereka boleh ambil barang dari kedai. Sebulan RM200, kalau setahun dapat RM2,400. Berbeza dengan BR1M dapat RM1,200," jelas Sany lagi.

Islam larang cenderung pada kezaliman tapi Pas bersekongkol dengan Umno

Sikap Pas yang menyokong Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 bukti mereka juga sudah bersekongkol dengan Umno bagi menutup segala kepincangan pentadbiran kerajaan pada masa ini, kata Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil.

Menurutnya, kenyataan Ahli Parlimen Kuala Nerus, Datuk Khairuddin Aman Razali yang memberi jaminan Pas akan bersikap adil dalam melaksanakan undang-undang itu menunjukkan sikap sebenar Pas sebagai 'king maker' untuk bersama Umno dan Barisan Nasional semasa dan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

"Di samping itu, kenyataan Ahli Parlimen Pasir Mas, Nik Mohamad Abduh Nik Abdul Aziz bahawa undang-undang ini menepati ciri-ciri Islam jauh meleset kerana Islam melarang umatnya untuk cenderung kepada kezaliman seperti mana firman Allah di Surah Hud, ayat 113.

"Sebaiknya, nas agama tidak disalahgunakan untuk kepentingan politik," tegasnya dalam satu kenyataan mengulas pendirian 10 Ahli Parlimen Pas antara 123 wakil rakyat yang menyokong RUU tersebut diluluskan melalui undi belah bahagian pada 2 April lalu.

Beliau berpendapat undang-undang terbaharu kerajaan kleptokrasi Umno-BN itu dilihat bersifat drakonian kerana menyekat kebebasan rakyat terutama pemimpin pembangkang dan media dalam menerbitkan berita-berita benar tentang kepincangan pentadbiran kerajaan tetapi dianggap palsu oleh kerajaan.

"Kebebasan bersuara yang dijamin Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan semakin hari semakin terhakis.

"Undang-undang ini juga dilihat digubal bagi melindungi skandal-skandal korupsi dan salah laku pemimpin kerajaan di mana Seksyen 7 memberikan kuasa kepada mahkamah untuk membuang berita yang disahkan palsu,"

ujarnya.

Mengulas lanjut RUU yang ditolak 64 Ahli Parlimen Pakatan Harapan, Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan Warisan itu, Faiz berkata, kebenaran skandal kemasukan RM2.6 bilion wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB) ke akaun peribadi Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Tun Abdul Razak boleh dianggap palsu oleh kerajaan.

Hal ini memandangkan, jelasnya, skandal tersebut telah pun dibersihkan oleh autoriti yang dikuasai Perdana Menteri seperti pihak polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Dengan itu, undang-undang ini jelas sekali akan disalahgunakan kerajaan Barisan Nasional pimpinan kleptokrat Datuk Sri Najib Tun Abdul Razak untuk memadamkan berita berkaitan skandal tersebut daripada terus diterbitkan untuk pengetahuan umum.

"Undang-undang zalim sebegini seharusnya ditentang habis-habisan oleh rakyat. Kenaikan kos sara hidup akibat pelbagai skandal korupsi berbilion ringgit hari ini akan berterusan jika rakyat dinafikan hak bersuara dan hak untuk mengetahui maklumat sebenar kerana amalan rasuah dan penyelewengan pentadbiran kerajaan akan dibisukan tanpa dapat ditentang," tegas Faiz lagi.

RUU Antiberita Tidak Benar 2018 dilihat diperkenalkan kerajaan secara tergesa-gesa untuk menghadapi PRU-14 selepas skandal kleptokrasi 1MDB hangat dibangkitkan oleh sejumlah media antarabangsa.

Walaupun Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said di Parlimen pada 2 April lalu berkata, tidak wujud soal 'pendakwaan berpilih' tetapi banyak pihak termasuk pengamal undang-undang bimbang peruntukan itu akan membenarkan menteri atau kerajaan memutuskan apa yang benar dan palsu.

Polis tolak notis himpunan #TangkapPencuri



Wakil Anak Muda Cari Jho Low (AMCJL), Shazni Munir Mohd Ithnin memberitahu pihak polis telah menolak untuk menerima notis himpunan #TangkapPencuri mengikut Akta Perhimpunan Aman (APA) yang dihantar pada 4 April lalu.

Beliau berkata, pegawai di IPD Dang Wangi memaklumkan notis yang dihantar AMCJL itu tidak menyertakan dokumen lengkap seperti yang dikehendaki.

"Justeru itu, AMCJL akan menghantar sekali lagi notis dan surat pemakluman himpunan #TangkapPencuri mengikut Akta Perhimpunan Aman (APA)," ujarnya dalam satu kenyataan 4 April lalu.

Sehubungan itu, Shazni yang juga Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional menegaskan AMCJL telah melunaskan tuntutan asas berdasarkan Seksyen 9 (1) akta berkenaan.

"Maka Himpunan #TangkapPencuri yang dijadualkan berlangsung pada 14 April ini akan

tetap diteruskan," jelasnya lagi.

Himpunan #TangkapPencuri yang bertempat di perkarangan gedung beli-belah Sogo di ibu negara itu menuntut supaya hartawan kontroversi yang terpalit dengan skandal kleptokrasi 1Malaysia Development Berhad (1MDB), Jho Low diheret ke muka pengadilan.

Jho Low dan seorang individu dinamakan dalam saman sivil Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DoJ) sebagai Malaysian Official 1 terlibat menyeleweng berbilion dolar dana 1MDB.

Pada 27 Februari lalu, sebuah kapal layar Equanimity yang diburu DoJ telah dirampas oleh pihak berkuasa Indonesia di Bali.

Rampasan kapal mewah itu dilihat menjadi bukti penting wujudnya aktiviti pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan Jho Low.

Pemilik nama Low Taek Jho dari Pulau Pinang itu dikatakan rakan kepada Riza Aziz iaitu anak tiri Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Benarkan mahasiswa berfikir

Kelolaan **ARIF ATAN**



Proses berfikir paling penting sebelum membuat keputusan kerana orang yang membuat keputusan tanpa berfikir akan dipengaruhi emosi dan reaksi atau spontan, tegas pensyarah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Maszlee Malik.

Menurutnya, emosi dan reaksi dalam membuat keputusan lazimnya mendatangkan kesan negatif termasuk dalam konteks menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Beliau berkata rakyat sepatutnya didedahkan dengan perbandingan manifesto dan pidato pimpinan ketiga-tiga blok parti sama ada BN, Pakatan Harapan dan Gagasan Sejahtera tentang hala tuju yang mereka hendak bawa selepas PRU-14.

Jelas pensyarah kanan di Jabatan Fiqh dan Usul al-Fiqh berkenaan, budaya dialog itu penting supaya masyarakat mendapat maklumat daripada semua pihak sebelum keluar mengundi.

"Tapi masalahnya dalam kampus pun tidak boleh (perbandingan). Banyak mahasiswa di IPTA hendak buat debat dalam kampus, HEP (Hal Ehwal Pelajar) tidak benarkan.

"Itu nak buat keputusan bagaimana? Sedangkan yang terpilih ke IPTA adalah orang

yang mempunyai IQ yang tinggi. Sepatutnya mereka didedahkan maklumat dan perdebatan," ujarnya dalam Seminar Nasional Maqasid Shari'ah 2018 bertemakan 'Maqasid Shari'ah Dalam Pilihan Raya' di Shah Alam baru-baru ini.

Dr Maszlee berkata, pendedahan mahasiswa kepada maklumat pilihan raya akan membolehkan golongan terbabit kemudiannya berperanan sebagai ejen pendidikan demokrasi dalam masyarakat.

"Mereka ini akan membantu keluarga dan masyarakat sekeliling (membuat keputusan). Tapi kalau mereka pun tidak dibenarkan mengadakan perbincangan, bagaimana mereka hendak membuat keputusan?" soalnya.

Sehubungan itu, beliau menyifatkan pendekatan realistik paling wajar bagi membantu masyarakat membuat pilihan pada PRU-14 bukannya bersikap begitu idealistik, retorik mahu pun simplistik.

Pengarang buku Orkes Masyarakat Manusiawi itu berkata, peranan moral dan kesan daripada keputusan yang dilakukan kepada masyarakat, alam sekitar dan generasi seterusnya perlu diambil kira pada PRU-14.

"Kita kena bersikap realistik



bagaimana nak buat pilihan pada pilihan raya umum akan datang. Kita kena realistik dalam pilihan raya kali ini bukan antara Saidina Umar atau Saidina Ali.

"Bukan kita naik pilih antara Saidina Abu Bakar atau Saidina Umar. Kita tidak hidup pada zaman itu. Kita hidup pada realiti hari ini yang ada kelebihan dan ada kekurangan yang tidak maksum walaupun serbannya tebal dua inci, berjubah atau apa gelaran sekalipun.

"Ada kelemahan dan kekuatan. Kalau kita katakan maqasid syariah sebagai ukurannya, masing-masing ada hujah maqasid syariah sendiri hatta yang mencuri berbilion-bilion pun ada orang mempertahankannya," ujarnya.

Sebaliknya, sikap segelintir individu yang menyerahkan aktiviti berfikir untuk membuat keputusan kepada agamawan bercanggah dengan nilai maqasid syariah dan kemanusiaan.

"Kita serahkan pada orang lain.

Kita tidak mahu berfikir. Dari segi maqasid syariah dan kemanusiaan tidak betul, sebab yang akan buat keputusan adalah kita dan yang menyebabkan kesan adalah kita.

"Manusia bertamadun seorang mukallaf, seorang mukmin dalam hendak membuat keputusan, dia perlu berada dalam keadaan sedar dan tahu bahawa keputusan yang dibuat adalah amanah," hujah Dr Maszlee lagi.

'RM120 boleh makan seminggu'

GABUNGAN kumpulan pro-mahasiswa Universiti Malaya (UM) membantah tindakan kolej kediaman memaksa pelajar mengeluarkan bayaran sehingga RM120 untuk majlis makan malam tahunan di hotel.

Mereka berpendapat kadar bayaran yang diwajibkan itu membebaskan pelajar khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah.

Pertubuhan tersebut iaitu UMANY, Angkatan Mahasiswa dan Demokrat UM menyifatkan pengurusan kewangan berhubung dana program tersebut perlu telus.

Mereka mencadangkan agar penuntut yang menetap di kolej kediaman diberi lebih pilihan termasuk dikenakan jumlah bayaran lebih rendah dengan maksimum hanya RM100.

Sehubungan itu, gabungan tiga pertubuhan mahasiswa itu melancarkan

kempen petisyen untuk menghapuskan pembayaran wajib serta mengembalikan hak dan kebebasan pelajar untuk membuat pilihan.

"Adalah benar-benar tidak masuk akal bahawa pihak berkuasa kolej memaksa pelajar untuk menghadiri acara tanpa persetujuan mereka.

"Lebih-lebih lagi, pelaksanaan dasar sedemikian jelas merupakan pendekatan 'penculikan yang halus' kerana pelajar yang mulanya tidak mahu mengorbankan RM120 mereka akhirnya terpaksa turut serta walaupun mereka tidak berniat untuk berbuat demikian.

"Lagipun, RM120 bukan jumlah yang kecil kepada kebanyakan kita. Jika seseorang membelanjakan RM5 untuk satu hidangan di UM, itu boleh jadi elaun makanan kami selama seminggu!" dipetik daripada petisyen tersebut.

Kes aktivis UKM selesai di luar mahkamah

AKTIVIS mahasiswa, Asheeq Ali Sethi Alivi memberitahu kes rayuan samannya terhadap Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) diselesaikan di luar Mahkamah Persekutuan selepas mengambil kira beberapa perkara.

Keputusan pada 2 April lalu itu sekali gus menggugurkan saman ke atas universiti pengajiannya selepas UKM membenarkan beliau menduduki peperiksaan akhir dalam tempoh tiga bulan lagi.

Menurutnya, persetujuan bersama mereka juga menjadikan penggantungan Asheeq tidak akan membawa kesan kepada majlis graduasi penuntut jurusan undang-undang berkenaan pada tahun ini.

Beliau berkata, walaupun keputusan tersebut bukan matlamat akhirnya tetapi peserta himpunan Tangkap MO1 pada 2016 itu menganggap itu merupakan satu kemenangan buat dirinya.



"Kalau saya tunduk dengan kuasa mereka dua tahun yang lalu, melepaskan saya nak bergraduasi," ujarnya dalam satu kenyataan di Facebook beliau.

Sehubungan itu, Asheew menyeru rakan mahasiswanya tidak akan bertolak-ansur dengan sebarang bentuk ketidakadilan.

"Ingat, jangan pernah sekali pun anda berkompromi dengan penindasan. Perjuangan kita masih panjang

melawan rejim Umno-BN," tegasnya lagi.

Pentadbiran UKM mengenakan tindakan tatatertib gantung pengajian sebanyak dua kali ke atas Asheeq kerana menyertai aksi protes #TangkapMO1 di ibu negara pada 2016.

Kali pertama selama tiga minggu pada November 2016 dan sekali lagi bermula 14 Mac lalu selama sebulan. Ekoran itu Asheeq bertindak memfailkan saman pemula mencabar Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU).

Bagaimanakah kita meng'upaya'kan rakyat?



Pementasan Teater di Sawah Padi 'UdaDanDara' adalah sebahagian usaha bagi mengupayakan rakyat, melalui aktiviti seni-budaya.

JANUARI lalu saya menulis mengenai pilihan Seniman Paksi Rakyat (PAKSI) untuk 'mengupayakan' rakyat, dan bukannya berpolitik merebut kuasa untuk menjadi penguasa yang mahu mengatur kehidupan rakyat dengan menggunakan kuasa politik berkenaan.

Mengapa perlu mengupayakan rakyat? Kerana rakyat Malaysia kini pada umumnya adalah tidak berupaya. Kehidupan menjadi semakin susah dan tertekan; suasana keamanan kedamaian dan kemakmuran semakin terhakis, namun tidak ada mana-mana pihak yang tahu dan sanggup melakukan sesuatu yang berkesan bagi mengatasinya, atau mengubahnya.

Itulah keadaan rakyat yang tidak berupaya, atau tidak mempunyai keupayaan untuk menentukan keadaan hidup mereka sendiri. Kemuncaknya mereka terpaksa mengangkat semula pemimpin yang pernah mereka berjuang bertahun-tahun untuk menyingkirkannya, kini dia diangkat semula menjadi ketua bagi memimpin mereka ke arah perubahan yang lebih baik.

Saya melihat itu adalah bukti ketidakupayaan rakyat Malaysia hari ini. Ketidakupayaan apa? Ketidakupayaan untuk bertindak bagi menyingkirkan faktor yang menyebabkan kehidupan mereka menjadi susah dan tertekan serta kehilangan rasa aman damai dan makmur; atau ketidakupayaan untuk keluar dari situasi hidup yang susah dan tertekan itu.

Mengapa terjadinya ketidakupayaan itu? Jawapan saya sebagai pemerhati kehidupan masyarakat, (bukan sebagai pengkaji yang menggunakan metode dan teori-teori tertentu), ialah akibat daripada dasar-dasar pentadbiran Dr Mahathir sendiri, sewaktu beliau Perdana Menteri selama lebih 20 tahun itu. Rakyat diasuhnya menjadi materialistik,

oportunistik dan tidak mepedulikan tanggungjawab sosial dan tanggungjawab agama. Yang memperlihatkan ada tanggungjawab agama pun kebanyakannya bersalut dengan sifat materialistik dan oportunistik juga.

Akibatnya, rakyat hilang upaya dan daya untuk bertindak bagi kesejahteraan umat, bahkan rakyat hilang kepercayaan kepada 'kuasa' ke atas kehidupan mereka selain daripada kuasa politik yang berada di tangan penguasa politik pada masa itu.

Lalu bagaimanakah mengatasinya? Atau bagaimanakah kita 'mengupayakan' semula rakyat?

Mengupayakan rakyat (atau mengupayakan semula rakyat) bererti menghidupkan semula keupayaan yang sememangnya ada pada mereka sebelum ini. Mengupayakan semula rakyat bererti perlu berusaha ke arah mengurangkan sifat-sifat materialistik dan oportunistik yang telah tertanam sebatik dalam jiwa kebanyakan mereka (hasil didikan dari dasar-dasar pemerintahan Dr Mahathir dulu itu).

Apakah yang menghakis dan menghilangkan keupayaan rakyat? Yang menghakis dan menghilangkannya ialah kuasa politik yang digerakkan oleh penguasa yang sentiasa berusaha menambah kuasanya untuk mengupayakan dia menguasai negara dan rakyat keseluruhannya. Dan sekarang rakyat dikatakan hendak menabalkan semula penguasa itu. Tidakkah ini suatu ironi?

Ya memang ia suatu ironi. Tetapi ironi atau tidak, kita nampaknya tidak ada pilihan lain lagi buat masa ini. Saya telah bincangkan hal ini sebelum ini. Dan sebagai seniman-budayawan yang menyedari tanggungjawab sosial, saya bersama Seniman Paksi Rakyat (PAKSI) sudah lama menggerakkan apa yang kami panggil 'Tekad Budaya', sebagai

usaha ke arah 'pengupayaan' rakyat, melalui aktiviti-aktiviti seni-budaya yang menjunjung kemanusiaan dan kerakyatan.

Seperti saya tulis sebelum ini, gerakan Tekad Budaya memfokus lebih kepada rakyat, kepada umat, bukan kepada teraju kepemimpinan. Fokus Tekad Budaya lebih kepada nilai-nilai kehidupan rakyat, dan bukan kepada kuasa yang dikawal oleh sekelompok orang politik.

Tekad Budaya percaya bahawa aktiviti politik di Malaysia adalah berlebihan, dan itu tidak sihat untuk kehidupan rakyat. (Antaranya, kehilangan keupayaan untuk bertindak, seperti dibincangkan tadi). Maka itu kami memilih untuk memperbanyakkan aktiviti seni-budaya, bagi melahirkan keseimbangan kepada kehidupan yang keterlaluan berpolitik di kalangan masyarakat kita.

Adapun aktiviti seni-budaya yang dimaksudkan dalam Tekad Budaya bukanlah semata-mata berpuisi, berteater, menyanyi, menari, melukis dan yang seumpama itu sahaja. Aktiviti seni-budaya dalam Tekad Budaya merangkumi juga hal-hal keilmuan, keintelektualan, kemanusiaan, dan kewajaran berfikir.

Bagi mengimbangi keaktifan orang-orang politik berpolitik berlebihan pula Tekad Budaya mensasarkan gerakan di kalangan kaum budayawan, intelektual, profesional dan seniman. Inilah empat golongan masyarakat yang dipercayai boleh menghidupkan usaha-usaha bagi mengupayakan semula masyarakat/rakyat.

Halangan utama pengupayaan rakyat ialah sikap materislistik dan oportunistik yang tidak mengenal tanggungjawab sosial dan tanggungjawab agama (yang



bebas materialistik-oportunistik). Melepasi halangan utama ini bukanlah suatu ikhtiar yang mudah. Ia adalah perkara abstrak yang sukar difahami; dan ia juga menyentuh soal sikap dan sifat manusia yang sukar untuk disedari dan sangat sukar untuk diubah.

Pengalaman saya sendiri cuba menumpukan komitmen kepada gerakan Tekad Budaya telah bertembung dengan beberapa salah faham yang bukan sahaja timbul di kalangan orang politik, tetapi juga di kalangan seniman-budayawan sendiri. Dan inilah cabaran yang terbesar dalam ikhtiar mengupayakan rakyat.

Fahaman bahawa politik itu faktor yang paling penting dan utama dalam kehidupan bermasyarakat, bahawa politik itu yang mempunyai kuasa untuk membuat perubahan dan menyelesaikan permasalahan manusia dan masyarakat, telah terlalu kuat mencengkam minda dan sebatik dalam jiwa para seniman, budayawan dan intelektual kita.

Maka dalam situasi-situasi tertentu apabila bertembung dua hal berkenaan – seni-budaya dan politik – pilihan tidak jarang diberikan kepada agenda politik. Oleh budayawan yang mengerti dan memperjuangkan Tekad Budaya sendiri pun. Apatah lagi oleh orang lain!

Jadi, dapatlah dibayangkan betapa sukarnya cabaran-cabaran yang perlu diharungi oleh usaha-usaha yang perlu dibuat bagi mengupayakan rakyat ini.



Dr Mahathir jika ditakdirkan menjadi perdana menteri sekali lagi, akan mempunyai regu atau rakan dalam kabinet yang lebih kritikal, berintegriti dan bertanggungjawab.

Bangkai gajah tak boleh disorok

DI saat ini, semua pihak yang terlibat dengan politik pilihan raya di Malaysia sedang sibuk-sibuk-sibuknya. Ahli-ahli nujum politik mulai menjangka bahawa sebelum berakhir minggu ini, parlimen pasti dibubarkan.

Tilikan kali ini muncul bersandarkan kepada fakta nyata bahawa ini adalah minggu terakhir bersidangnya Dewan Rakyat, dan Najib Razak sendiri dijadualkan akan mengumumkan manifesto Barisan Nasional pada hujung minggu. Adalah menjadi tradisi buat Barisan Nasional untuk mengumumkan manifesto mereka sehari selepas parlimen dibubarkan.

Dengan begitu sahaja, semua orang kini berada dalam mod berjaga-jaga. Di peringkat akar umbi parti politik, jentera pilihan raya satu-persatu dihidupkan. Ada yang kecil, ada yang besar namun persediaan memang sedang mengambil tempat.

Barisan Nasional sendiri melalui pemimpin-pemimpinnya telah giat bertemu dengan jentera masing-masing sepanjang minggu ini. Gendang perang pasti akan dipalu tidak begitu lama lagi.

Biar pun semua sedang disibukkan dengan kekalutan persediaan pilihan raya ini, Barisan Nasional masih lagi sempat menghentak kita melalui parlimen baru-baru ini

melalui Akta Anti-berita Tidak Benar, yang hangat digelar sebagai Akta Fake News oleh netizen hari ini. Akta ini baru sahaja diluluskan bacaan kali keduanya selepas disokong oleh bukan sahaja wakil rakyat Barisan Nasional, sebaliknya juga oleh wakil rakyat daripada Pas.

Dengan demikian sahaja, kita selangkah lagi ke hadapan (atau mundur sebenarnya) dalam usaha menjadikan negara ini makin tidak demokratik. Akta Fake News ini ditentang oleh pembangkang (Pakatan Harapan) dan masyarakat sivil, kerana ia adalah satu pencabulan ke atas bukan sahaja hak melaporkan maklumat, malah juga hak untuk rakyat sendiri mendapatkan maklumat.

Untuk penggemar karya sastera, situasi ini pasti sekali mengingatkan ramai dengan karya penting oleh George Orwell, 1984. Di dalam naratif ciptaan Orwell melalui karya ini, kerajaan digambarkan sebagai pemilik mutlak kepada kebenaran. Betapa gelap dan hodohnya tamadun mereka apabila 2 + 2 adalah 5 jika keraja-



an mengatakan demikian. Andai ada yang berani mengatakan kebenaran, bahawa 2 + 2 itu adalah 4, seperti yang sepatutnya, mereka dianggap ancaman besar masyarakat – hukuman berat menanti mereka.

Apakah bukan itu juga yang sedang dirancang untuk berlaku di negara kita? Melalui akta mengarut ini, mana-mana laporan berita yang dianggap tidak benar, pelapornya harus bersedia menerima hukuman penjara sehingga enam tahun lamanya, dan denda sehingga RM500,000.00.

Apakah negara kita tidak cukup undang-undang lagi yang sudah sedia selama ini menyekat penyebaran maklumat atau pendapat yang tidak selari selera kerajaan sehingga sebuah kata baharu perlu diwujudkan? Kita sudah ada Akta Hasutan, kita juga sudah lama hidup di bawah Akta Mesin Cetak. Apakah akal waras kita tidak mahu bertanya langsung – perkara apa yang mahu diselindung oleh kerajaan ini?

Saya hampir tidak boleh percaya, bahawa dalam tahun dan era serba baharu 20-18 ini, masih ada lagi sebuah kerajaan dalam dunia ini yang bertindak bodoh dengan memperkenalkan undang-undang regresif sebegini. Menutup mulut rakyat dan media tidak akan sama sekali menja-

dikan mereka makin kuat. Menyekat mulut rakyat dan media dalam era maklumat tersebar luas seluas-luasnya ini hanya membuka ruang untuk kerajaan mencipta lebih ramai musuh.

Malah betapa bodohnya kerajaan ini, menyangkakan bahawa undang-undang dengan hukuman sebegini rupa mampu menghentikan serangan dan pendedahan ke atas mereka hari ini. Mungkin Najib Razak lupa bahawa hukum internet dalam zaman serba tular ini, satu berita yang cuba dipadam, sepuluh yang lain akan muncul melaporkan lagi.

Bangkai gajah tak mungkin boleh disorok.

Tidak mengapalah, kita biarkan Najib Razak mencuba nasib untuk memulihkan imej beliau melalui akta sebegini. Orang yang terdesak memang fikirannya tidak boleh lagi menilai apa yang patut dan apa yang tidak. Mungkin beliau melalui menteri seperti Salleh Keruak boleh menutup blog atau portal tempatan semahu mereka kelak, namun bolehkah agaknya mereka menutup pula mulut media asing yang sama giat hari ini?

Apa pun, yang pasti, Harakah akan ter Selamat dari akta ini. Jika tidak, sia-sialah wakil rakyat mereka bersolidariti dengan Najib Razak di parlimen tempoh hari.

Mengapa Pas begitu lurus menyangka baik akta bisukan rakyat?

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

KHABARNYA, semua Ahli Parlimen (MP) Pas yg hadir Dewan Rakyat (11 orang) mengundi menyokong Akta Antiberita Tidak Benar.

Dalam lidah rasmi parti itu, ada MP yang berputar lidah memberi sekian banyak justifikasi keperluan akta itu disokong.

Dari satu sudut, itu hak mereka sebagai MP untuk sokong akta itu atau bantah.

Tapi dari satu sudut lain, sokongan itu menambah koleksi bukti Pas menyokong BN untuk terus membuli rakyat dengan akta tidak perlu.

Akta itu secara tersurat memang nampak bagus. Tetapi, secara tersirat, ia adalah senjata BN untuk membisukan mulut rakyat.

Hal ini sama seperti pindaan kawasan pilihan raya. Secara tersurat BN nampak patuh kepada kehendak Perlembagaan.

Tetapi secara tersirat, itu antara senjata terakhir BN untuk kekal berkuasa. Bukti, lihat saja cara BN susun semula kawasan pilihan raya yang menyelubuhinya.

BN bukannya bodoh untuk membawa suatu akta ke parlimen dalam suasana hampir pilihan raya kecuali akta itu ada

tujuan tersirat yang menguntungkan dalam pilihan raya.

Kenapa BN tak bawa RUU 355? Secara tersurat akta itu seperti bagus. Tapi BN faham, akta itu tidak menguntungkan secara tersirat dalam tempoh ini.

Begitu lama Pas lawan dan kritikal terhadap BN, tiba-tiba kini Pas menjadi begitu lurus dan begitu mudah menyangka baik kepada BN?

Nampaknya, apa-apa yang menguntungkan BN, Pas akan sokong. Tapi apa-apa yang mengancam BN, Pas akan berkecuali. Undi bajet misalnya.

Akta itu memang bertujuan menutup mulut rakyat bercakap mengenai salah laku pemimpin BN. Hasrat sebenar bukanlah untuk kawal berita tidak benar sangat.

Kerana, berita tidak benar membolehkan tindakan sivil diambil. Dengan tiba-tiba ia dijenayahkan. Masakan tiada muslihat?

Dengan denda yang begitu besar, apa tujuannya kecuali menutup mulut rakyat daripada mengkritik kerajaan dan bercakap tentang salah laku pemimpin kerajaan?

Dalam situasi kerajaan boleh memanipulasi pelbagai sumber maklumat, tentulah mudah bagi kerajaan untuk menga-



Gambar hiasan

takan sesuatu maklumat sebagai tidak benar.

Takkanlah pengalaman MP Pas bergelumang dengan politik begitu lama tak boleh menghidu niat jahat kerajaan BN dalam hal ini?

Pas sudah tidak mampu lagi berkata tidak kepada BN. Dedak yang menyumbat kerongkong mereka (seperti penga-

kuan suara itu) sudah tidak boleh diluahkan lagi.

Sungguh, saya kesal sekali apabila MP Pas menyokong akta ini yang membawa maksud menyokong BN menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara.

Malang sungguh ada parti kononnya bernuansa Islam tetapi bersekongkol dengan penyamun.

RUU Antiberita Tidak Benar **rompak** kebebasan tegur pemerintah

ISLAM memperakui fenomena penjaan akal melalui berbagai cara berfikir terhadap apa yang berlaku di sekeliling kita.

Antara saranan Nabi s.a.w. adalah menegur kezaliman pemerintah hasil pemahaman seseorang terhadap perkara yang menceroob hak mereka dan hak orang lain. Sabda Nabi s.a.w.:

"Demi sesungguhnya hendaklah kamu mengajak kepada makruf dan mencegah daripada kemungkaran dan hendaklah kamu menyekat perbuatan penzalim dan membawanya kepada kebenaran dan meninggalkan kepalsuan." (Abi Daud, Tirmizi)

Menurut para ulama, siasah adalah hak manusia berpartisipasi dalam urusan pemerintahan demi memelihara maslahat. Untuk berbuat demikian maka ruang memberi pendapat dan pandangan diiktiraf malah kebebasan menegur pemerintahan adalah hak walaupun pandangannya menyentuh perihal sang pemerintah.

KEBEBASAN MEDIA SOSIAL

Sememangnya media sosial punya dua wajah yang kontradik umpama raksasa mitos Rom bernama Janus, seperti yang digambarkan oleh beberapa penulis media sosial. Namun persoalannya apakah wajah baik dan buruk ini perlu dikekang ataklah memerlukan undang-undang dan sekaligus mengancam prinsip kebebasan bersuara?

DILEMA UNDANG-UNDANG

Selalunya di atas nama antiberita palsu, kebebasan bersuara menjadi mangsa kerana tujuan perundangan tidak menjadikan asas kebebasan bersuara sebagai premis tetapi



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF

menjadikan perlindungan kepada pemerintah sebagai asas.

Premis ini bertentangan dengan asas bahawa kebebasan bersuara menjadi tunggak yang harus dipelihara oleh kerajaan yang memerintah bukan Kebebasan Bersuara tunduk kepada kehendak

pemerintah.

Teknologi media sosial adalah tentang keantasan maklumat yang boleh diakses oleh berjuta peserta pada waktu yang sama. Ia seumpama epidemik sama ada untuk kebaikan atau keburukan contohnya Twitter.

Media sosial tidak mengenali perbezaan antara baik dan buruk dalam penyebaran berita, malah Albert Einstein pernah berkata: "Menjadi sesuatu yang jelas mengejutkan bahawa teknologi yang kita cipta sendiri telah menjangkau garis nilai kemanusiaan".

Sememangnya realiti ini adalah kebenaran yang menguasai masyarakat manusia hari ini. Seperti yang digambarkan oleh beberapa penulis:

Walaupun demikian para pengamal dan penggubal undang-undang amat berhati-hati untuk tidak hilang arah dalam memastikan eksploitasi sosial media tidak semuanya dibuat pelabelan umum bahawa ianya merosakkan kerana khawatir rumusan ini menjejaskan prinsip kebebasan bersuara yang merupakan mercu tanda ketamadunan.

Hanya kebebasan bersuara yang melahirkan masyarakat yang huru hara perlu diberi pengecualian melalui proses perundangan yang adil bagi memutuskan mana yang merosakkan dan mana yang membina.

PIAWAIAN FITNAH DAN PALSU

Dalam soal berita fitnah dan palsu, piawaian

'niat sebenar' memastikan perlindungan terhadap kebebasan mengkritik tokoh awam dan pegawai awam dan tanggungan bukti sama ada ia fitnah atau benar terpikul oleh yang mendakwa jika ianya melibatkan kepentingan awam. Perlu dibezakan garis pemisah antara kenyataan palsu dan pandangan bebas, hanya kenyataan palsu yang boleh diambil tindakan bukan kebebasan pandangan.

Malangnya hari ini di Malaysia, kepentingan awam yang menjadi persoalan seperti 1MDB tidak disampaikan secara telus malah parlimen sendiri disekat daripada mendapat maklumat sebenar.

Pihak yang bertanggungjawab terhadap menguruskan keadilan dan undang-undang Peguam Negara diikat oleh eksekutif manakala media kawalan kerajaan tidak memberitakan secara adil.

Laporan Ketua Audit tentang 1MDB disekat dengan Akta Rahsia Rasmi (OSA). Bagaimanakah kita boleh mempercayai bahawa Akta Antiberita Tidak Benar benar-benar berniat untuk memelihara sebaran berita-berita palsu? Jikalau maklumat disembunyikan, bagaimana kita menyekat orang ramai membuat andaian tersendiri lalu menuduh ianya palsu?

PENYALAHGUNAAN KUASA

Perlembagaan Persekutuan memastikan kebebasan bersuara sebagai hak asasi kepada setiap rakyat Malaysia. Tujuan RUU Antiberita Tidak Benar ini tidak mengambill kira garis pemisah antara kebebasan memberi pandangan dan kepalsuan berita, seolah-olah ia 'merompak' hak mengkritik salahguna kuasa pemerintah.

Kejujuran kerajaan dalam memelihara kebebasan bersuara sepatutnya memperkenankan Akta Kebebasan Maklumat bukan Akta Antiberita Tidak Benar yang seolah-olah menolak jarum jam ke belakang. Kega-

galan menentukan garis pemisah antara cetusan keganasan dengan pandangan yang keras akan menjejaskan prinsip hukum berjalan dengan betul.

Bezanya pemerintahan demokrasi dan pemerintahan kuku besi adalah kebebasan pandangan. Kita mungkin tidak suka mendengar pandangan yang berbeza dengan kita tetapi tetap perlu memelihara hak seseorang untuk berbuat demikian.

RUMUSAN

RUU Antiberita Tidak Benar datang dalam suasana mencurigakan apabila dalam suasana sekarang kebebasan media disempitkan. Malaysia berada di tangga ke-144 daripada 180 negara dalam kebebasan media oleh Reporters Without Border.

Reformasi institusi masih jauh dari sudut ketelusan dan akauntabiliti serta kebebasan maklumat yang disekat dalam isu-isu yang ada kepentingan awam dan menjejaskan kepercayaan awam.

Salah guna undang-undang sedia ada menimbulkan kebimbangan apakah akta baru ini akan menjamin ia tidak disalahguna?

Definisi berita palsu terlalu kabur dan lebih cenderung melindungi pihak berkuasa daripada melindungi kebebasan bersuara.

Saya bersetuju rakyat perlu dididik supaya tidak menyebarkan berita palsu atas nama kebebasan bersuara. Saya juga bersetuju kebebasan bersuara perlu dijalankan secara bertanggungjawab, tetapi saya tidak bersetuju undang-undang antiberita palsu digubal kerana ia lebih cenderung kepada melahirkan ugutan rasmi untuk melindungi pemerintah dan salah laku yang disembunyikan kepada pengetahuan awam.

Dato' Dr Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.

Moral yang pelik

PRESIDEN Pas dilapor media berkata, Pas mengambil pendekatan melalui pertimbangan aspek moral semasa menyokong RUU Antiberita Tidak Benar.

Beliau juga dilaporkan berkata langkah atau pendirian yang sama pernah juga dilakukan sebelum ini sewaktu Pas menyokong Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Justifikasi beliau adalah keselamatan negara.

Saya tidak pasti ketika dia sendiri tidak hadir dalam sidang Parlimen dan tidak mengundi jauh sekali berdebat, wajarkah dia bercakap isu moral? Tapi seperti dalam Hadis 40 Imam Nawawi, "Jika kamu tidak malu, buatlah apa yang kamu mahu."



(Riwayat Al-Bukhari)

Saya juga tidak pasti adakah beliau tahu kenapa Pakatan Harapan (PH) bertungkus lumus menentang RUU tersebut? Tapi bila melihat dulu bagaimana dia kata saman Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) adalah campur tangan asing, saya hampir pasti beliau tak begitu arif tentang RUU tersebut dan 'repercussion'nya.

Bagi saya, mana-mana undang-undang

yang drakonian dan digubal untuk melindungi kebajikan pihak tertentu meskipun telah wujudnya "sufficient laws to deal with fake news" ianya adalah undang-undang yang tidak bermoral. Titik. Dan kedua-dua ciri itu wujud pada ISA dan RUU Antiberita Tidak Benar.

ISA yang terang-terang benarkan penahanan tanpa bicara adalah zalim. Maka tidak ada sebarang justifikasi untuk pertahan akta zalim itu. Mempertahankan akta itu dan menyokongnya "for whatever reason" (apa lagi dari puak agama) adalah tidak bermoral.

Tahukah pak haji ini bahawa dalam RUU yang Pas sokong ini, segala pendakwaan

perlu izin bertulis dari Peguam Negara (AG) terlebih dahulu. Nak tanya sikit pak haji, apabila AG sendiri memilih tutup kes wang RM2.6 bilion dalam akaun peribadi MO1, diandaikan alasan yang AG beri untuk tutup kes itu adalah tergolong dalam berita tidak benar, adakah pak haji rasa AG bersedia bagi keizinan bertulis untuk dakwa AG?

Tolong jawab sikit Pak Aji yang bermoral tinggi.

Mohamed Hanipa Maidin ialah Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH dan Ahli Parlimen Sepang.

RUU sekat suara rakyat, rampas pilihan raya

KUALA LUMPUR: Dr Mohd Hatta Ramli (AMANAH-Kuala Krai) bimbang pembentangan Rang Undang-Undang (RUU) Antiberita Tidak Benar 2018 hanya bertujuan menjaga kepentingan BN pada pilihan raya ini.

Menurutnya, akta baharu berkaitan berita palsu itu nanti akan menjerut kebebasan bersuara rakyat Malaysia walaupun sudah termaktub dalam semangat Perlembagaan.

"Kita pun sudah mendengar pelbagai kritikan pelbagai pihak bahawa akta berita palsu ini semata-mata menghalang kritikan kepada kerajaan khususnya atau individu-individu yang hendak dilindungi.

"Sebenarnya dari segi roh menghalang kebebasan untuk bersuara di kalangan rakyat Malaysia sedangkan dibenarkan Perlembagaan," tegasnya ketika ditemui pada himpunan Bersih menentang syor persempadanan semula kawasan pilihan raya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), di Tugu Negara berhampiran Parlimen, 28 Mac lalu.

Dr Hatta menyifatkan pelbagai perunt-

ukan undang-undang sedia ada sudah jauh mencukupi jika benar kerajaan mahu menangani penyebaran berita palsu.

"Memang apa jua akta yang ada dalam bab menipu, menghina dan memfitnah semua boleh dibawa ke mahkamah dengan peruntukan undang-undang sedia ada baik tuduhan tribunal atau pun tuduhan sivil. Boleh kemukakan saman dan sebagainya.

"Jadi, apa perlunya kita merangka akta sebegini dalam keadaan terdesak dan perlu di-segerakan melainkan kerana kita akan menghadapi pilihan raya," bidasnya.

Sehubungan itu, beliau berpendapat akta tersebut diguna untuk menakut-nakutkan rakyat daripada menjalankan kempen untuk menolak kepimpinan Datuk Seri Najib Razak.

"Jadi kita harap rakyat Malaysia tetap tegas berdiri teguh tidak tergugat dengan undang-



Dr Hatta Md Ramli

-undang ini. Kita akan lawan yang pentingnya kita akan tumpaskan BN pada pilihan raya akan datang," tambahnya.

'Berita palsu' dalam RUU itu ditakrifkan sebagai "apa-apa berita, maklumat, data dan laporan, yang sebahagiannya atau keseluruhannya adalah palsu, sama ada dalam bentuk rencana, visual atau rakaman audio atau dalam apa-apa bentuk lain yang boleh menggambarkan perkataan atau idea".

Habis belanja baru minta Dewan lulus

AMANAH menegur amalan kerajaan dalam peruntukan bajet tambahan yang sering kali dibuat selepas ia dibelanjakan.

Datuk Dr. Mujahid Yusof (AMANAH-Parit Buntar) berkata, perkara sebesar itu yang melibatkan kepentingan rakyat terbanyak perlu dibuat secara teratur sesuai dengan semangat reformasi yang mahu dilakukan terhadap sistem parlimen di negara ini.

"Beberapa rakan daripada sebelah sana juga seolah-olah bersetuju dan semua kita tahu ini amalannya Tuan Yang di-Pertua bahawa semua yang kita bincang lebih kurang RM8.2 bilion ini sudah pun dibelanjakan, bukan benda yang kita kata belum dibelanjakan.

"Proses legislatif yang kita bangga mengikut hala Westminster ini Tuan Yang di-Pertua, tidak ada di sana satu check and balance di dalam Dewan ini. Apa yang ada ialah belanja, bahas, tidak cukup duit pakai, bawa mai Parlimen belanja.

"la jangkaannya semua perlu bersetuju, tidak ada bantahan, sebab kalau tidak setuju nanti kata duit hendak pakai. Macam mana nanti kita hendak duit yang sudah dipakai ini," soal beliau.

Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH berkata, untuk masa hadapan, perkara melibatkan hutang yang tinggi perlu dilakukan secara semak imbang.

Sehubungan itu beliau turut mencadangkan satu jawatankuasa kewangan ditubuhkan bagi membincangkan tentang bajet dan perjalanannya.

"Bagaimana duit itu dibelanjakan? Ada komiti, yang komiti itu bukan datang daripada jawatankuasa yang dibentuk oleh Kabinet sebab Kabinet, Jawatankuasa Kabinet, dia tidak akan menegur apa yang dibuat oleh Kabinet.

"Akan tetapi dalam jawatankuasa yang dibuat di dalam Dewan ini, saya kira tidak ada isu-isu yang setelah dibelanjakan, setelah berlaku penyelewengan, kemudian minta untuk kita bahas di Dewan.

"Sudahlah itu ada setengah-setengah perkara yang embargo, tidak boleh

bincang. Ada setengah-setengah perkara yang soalnya tidak boleh diajukan. Jadi ini mengekang lagi Tuan Yang di-Pertua, kaedah 'check-and-balance' (semak dan imbang) yang saya kira adalah satu perkara yang amat-amat diperlukan," katanya.

Sementara itu mengulas jumlah bajet tambahan, Dr Mujahid berkata sejak dari 2010 hingga 2018, bajet yang diminta kadang kala dua kali setahun dan telah menjangkau RM110 bilion.

Keadaan ini kata beliau, suatu indikator yang tidak baik kerana menggambarkan kegagalan kerajaan untuk mengurus kewangan negara dengan baik.

"Apabila habis duit atau sudah dipakai duit yang telah diperuntukkan, diminta lagi.

"Oleh sebab itu kerajaan yang baru mesti memikirkan cara berfikir yang baru dalam konteks mereformasikan cara bagaimana budget spending, cara bagaimana check-and-balance itu berlaku, cara ketelusan itu diinstitusikan, bukan ketulusan yang direktorikan," katanya.

Persempadanan semula SPR panjangkan hayat BN

DATUK Seri Mohamed Azmin Ali (Keadilan-Gombak) mendakwa tindakan kerajaan melaksanakan persempadanan semula kawasan pilihan raya bertujuan menjamin survival BN.

Azmin mendakwa, BN menggunakan semua cara untuk kemenangan dalam PRU akan datang.

"BN curi kemenangan daripada Pakatan Harapan (PH), kalau sistem ini adil, PH sudah berada di sana (Putrajaya)

mentadbir kerajaan persekutuan.

"Maka kali ini sekali lagi menjelang PRU14 makin sengit dan semakin dahsyat kerana nyawa Umno sudah sampai di penghujungnya," katanya ketika sesi perbahasan usul Laporan Kajian Semula Persempadanan Kawasan Pilihan Raya, 28 Mac lalu.

Menteri Besar Selangor itu turut mempersoalkan ketidakseimbangan dalam perbandingan jumlah pengundi paling besar dan paling kecil yang berlaku di Selangor.

"Dun Sungai Air Tawar ada 16,314 pengundi berbanding di Dun Subang Jaya 70,494 orang.

"Begitu juga di Jeram kawasan (diwakili) Umno pengundi hanya 19,771 orang bolehlah bagi dedak pergi sumbat untuk menang, tapi bagaimana di Kinrara 72, 479 orang manakala di Bukit Lanjan 64, 279, Kajang 62,239 orang dan di Balakong 61,740 orang pengundi," ujarnya.

Beliau mempersoalkan, adakah SPR



Dewan Rakyat lulus usul persempadanan semula SPR

USUL kajian semula persempadanan kawasan pilihan raya diluluskan Dewan Rakyat 29 Mac lalu setelah mendapat sokongan majoriti anggota Parlimen melalui undi belah bahagi.

Usul itu yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sehari sebelumnya telah menerima sokongan 129 anggota Parlimen berbanding 80 yang menolak.

Keputusan tersebut diumumkan Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Pandikar Amin Mulia selepas undian dijalankan.

SPR mengesyorkan perubahan nama pada 12 kerusi Parlimen dan 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) di Semenanjung.

Usul SPR itu juga mengesyorkan tiada perubahan bilangan kerusi Parlimen dan Dun di Tanah Melayu, menjadikan bilangan kerusi Parlimen pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) kekal 222 kerusi dan kerusi Dun keseluruhannya kekal 587 kerusi.

Terdahulu Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi menggalang perbahasan usul itu setelah dibahaskan 14 anggota Parlimen dari BN dan pembangkang.

Ahmad Zahid menggalang perbahasan usul itu.

Antara wakil pembangkang yang berpeluang berbahas ialah Nurul Izzah Anwar (Keadilan-Lembah Pantai) dan Lim Guan Eng (DAP-Bagan) dan Datuk Takiyuddin Hassan (Pas-Kota Bharu).

Wakil kerajaan yang diberi peluang berbahas ialah Liang Teck Meng (Sim-pang Renggam), Khoo Soo Seang (Teb-rau) dan Datuk Irmohizam Ibrahim (Kuala Selangor).

Laporan itu perlu mendapat perkenan Yang di-Pertua Agong Sultan Muhammad V sebelum diwartakan untuk digunakan pada PRU14 nanti.

tidak nampak ketidakseimbangan yang wujud dalam persempadanan semula kawasan pilihan raya.

Azmin yang juga Timbalan Presiden Keadilan berkata, tindakan SPR mengubah persempadanan kawasan pilihan raya menggugat keharmonian kaum di Selangor dan Pulau Pinang.

"Mengapa SPR pecahkan perpaduan kaum ini? Ikut parti perkauman yang sempit," katanya.

PH mampu buat kejutan di Kedah

Oleh **HUSIN MAHAT**

ALOR SETAR: AMANAH Kedah yakin membuat kejutan pada pilihan raya umum (PRU) akan datang berdasarkan sokongan Melayu terhadap Pakatan Harapan (PH) juga faktor Tun Mahathir Mohamad di negeri itu.

Pengerusi AMANAH negeri Datuk Dr Ismail Salleh berkata, walaupun masih baru di negeri itu, AMANAH telah membuat persiapan bagi menghadapi pilihan raya umum yang bakal berlangsung pada bila-bila masa.

PH negeri, katanya telah pun selesai melancarkan pengagihan kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dengan PPBM bakal bertanding di 14 kerusi, AMANAH (10), Keadilan (10) dan DAP (2).

Beliau bagaimanapun enggan menyatakan kerusi-kerusi Dun yang bakal ditandingi oleh parti-parti gabungan PH kerana rundingan pertukaran kerusi sedang berjalan khususnya antara PPBM dan Keadilan.

Bagi kawasan parlimen yang telah ditahui lebih awal, AMANAH akan bertanding di tiga kawasan, Keadilan (6) dan PPBM (6).

Dr Ismail menambah, kajian yang dilakukan beberapa pihak termasuk Invoke men-

dapati angin (mood) perubahan pengundi Melayu di negeri Kedah adalah paling tinggi berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung.

Berdasarkan kajian Invoke, ujar beliau sokongan pengundi Melayu terhadap PH menjangkau 41%.

"Kita dapati angin perubahan itu jelas namun tidak pasti peratusannya. Perubahan pengundi Melayu ini akan memberi kemenangan kepada PH," ujarnya.

Menyentuh tentang pengaruh Pas yang pastinya turut meletak calon dalam PRU akan datang, beliau menyifatkan pertandingan tiga penjuar tidak memberikan kesan yang signifikan kepada PH.

Ini kerana, katanya Pas hanya akan mendapat 20 hingga 25% undi yang terdiri daripada penyokong tegar parti itu dan



Dr Ismail Salleh

'pengundi atas pagar'.

"Pertandingan sebenar adalah antara BN dan PH yang masing-masing kini menguasai hampir 40% sokongan pengundi," katanya.

Dr Ismail juga yakin PH mampu memperoleh 2/3 kerusi Dun Kedah jika angin perubahan rakyat kekal menjelang PRU.

Ditanya faktor angin perubahan pengundi Melayu di negeri itu, beliau berkata isu kos sara hidup menjadi penyumbang utama memandangkan ia memberi kesan kepada majoriti rakyat.

Menurut beliau, daripada 2.2 juta rakyat negeri ini, lebih 600,000 keluarga terdiri daripada golongan B40 (pendapatan bulanan isi rumah di bawah RM3,900).

Ramai di kalangan rakyat Kedah, katanya menyara hidup sebagai petani, penoreh getah, pesawah dan nelayan yang pastinya terkesan dengan kenaikan harga barang keperluan harian.

"Jika kita pergi ke pasar, kerang dijual dengan harga RM8 sekilogram, ikan kembung kini menjangkau RM18 sekilogram," katanya.

Dengan pendapatan yang tidak meningkat malah berkurangan seperti penoreh

getah, kehidupan rakyat katanya semakin tertekan.

Faktor kedua yang mendorong angin perubahan di kalangan rakyat termasuk golongan muda, jelas beliau adalah pengaruh Tun Dr Mahathir Mohamad.

Kelantangan Dr Mahathir mengkritik kepincangan pentadbiran Datuk Seri Najib Razak, katanya memberi kesan kepada rakyat Kedah yang sememangnya menghormati tokoh negarawan itu.

Sebagai Pengerusi PH dan bekas perdana menteri, beliau yakin Tun Mahathir mampu melakar perubahan politik di negara ini khususnya Kedah.

Dr Ismail yang juga Timbalan Pengerusi PH negeri turut yakin dengan sokongan masyarakat bukan Melayu terhadap PH.

Dapatan kajian Invoke, katanya mendapati sokongan masyarakat Cina kepada PH menjangkau 81% manakala India 50%.

Beliau juga yakin majoriti masyarakat Siam akan menyokong parti-parti gabungan PH pada PRU akan datang.

Dengan organisasi yang stabil dan kerjasama erat parti-parti gabungan PH, Dr Ismail yakin AMANAH mampu melakukan kejutan di Kedah.

Pemandu teksi mengadu semakin tertekan

Oleh **AMNI JAGAT**

TAMPOI: "Kami rasa semakin tertekan dengan keadaan hari ini yang semuanya begitu mencengkam. Kos sara hidup semakin tinggi dan permintaan teksi semakin kurang sekarang," keluh seorang pemandu teksi.

Keluhan itu disuarakan kepada Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub yang berkunjung ke sebuah pasaraya, dekat sini, baru-baru ini.

"Inilah masalah yang dialami oleh pemandu teksi seperti saya di negara ini," kata pemandu teksi yang mahu dikenali sebagai Pak Long itu.

Beliau turut membangkitkan soal persaingan yang semakin sengit serta tiadanya

bantuan daripada mana-mana pihak bagi membela nasib pemandu teksi.

Pada masa yang sama, Pak Long turut memaklumkan kepada Salahuddin Ayub berkenaan pembayaran sewa kereta bulannya yang tertanggung selama dua bulan.

Selain Pak Long, beberapa pemandu teksi turut mengadu bahawa pendapatan mereka terjejas teruk.

Jika dahulu mereka mampu mendapat pendapatan sekitar RM100 sehari, namun kini pendapatan sebanyak itu hanya diperoleh dalam masa tiga hari.

Salahuddin yang juga pengarah pilihan raya Pakatan Harapan (PH) Johor berjanji keluhan para pemandu teksi itu akan diberi perhatian wajar.



Salahuddin (kiri) tekun mendengar keluhan para pemandu teksi yang ditemui.

Bekas Setiausaha Pas Besut sertai AMANAH

BESUT: Bekas Setiausaha Pas Kawasan Besut, Anuar Ayub bersama 48 ahli Pas yang lain menyerahkan borang keahlian AMANAH dalam satu majlis ceramah, dekat sini, baru-baru ini.

Borang keahlian diserahkan Anuar kepada Ketua Biro Profesional AMANAH Besut, Datuk Dr Kamaruzaman.

Turut serta bekas Penasihat Undang-undang Pas, Hisham Fauzi.

Majlis turut menampilkan Ketua PPBM Bahagian Ketereh Dr Mohd Radzi Jidin sebagai penceramah utama.

Tindakan Anuar dan kumpulan ahli Pas

kawasan Besut menyertai AMANAH didorong kesedaran bahawa Pas telah jauh melencong dari matlamat asal.

"Mereka juga mula menyedari sikap pemimpin Pas yang sentiasa berdolak dalik dengan kenyataan mereka sendiri," kata Anuar.

Dr Kamaruzaman menyifatkan penyerahan ahli baru itu menyuntik semangat kepada AMANAH kawasan untuk terus mengadakan siri penerangan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat bagi melakukan perubahan politik.



Anuar (kiri) menyerahkan borang keahlian AMANAH kepada Dr Kamaruzaman.

PRU-14 giliran orang Sabah tukar kerajaan

TAMPARULI: Ketua Pemuda AMANAH Sabah Khairuddin Daud yakin pilihan raya umum (PRU) ini menjadi giliran kepada rakyat Sabah untuk menukar kerajaan.

Berucap dalam majlis ceramah Jelajah Pemuda Pakatan Harapan (PH) dekat sini, baru-baru ini, beliau berkata perubahan politik perlu dilakukan secara menyeluruh di negeri itu tanpa terikat dengan kaum dan etnik.

"PRU14 di Sabah ini bukan giliran orang Bajau untuk tukar kerajaan, bukan giliran orang Kadazan Dusun Murut (KDM) untuk menukar kerajaan, bukan giliran orang Suluk, Bugis atau lain-lain untuk tukar kerajaan tetapi PRU14 kali ini adalah giliran kita rakyat Sabah untuk menukar kerajaan Umno/BN.

"Kita sebagai rakyat Sabah tanpa mengira bangsa, agama atau warna kulit dan kita merentasi semua perkara itu untuk melakukan perubahan.

"Malah dalam lagu kebangsaan Sabah sendiri ada menyeru anak muda untuk bangun bersatu dalam negeri Sabah



Sany berucap dalam program 'walkabout' Jelajah Pemuda PH Sabah.

yang merdeka daripada segala bentuk penjajahan," katanya.

Khairuddin berkata, walaupun politik perkauman di Semenanjung tidak lagi mendapat tempat namun secara tidak sedar ia

dijadikan bahan propaganda BN bertujuan untuk mendapatkan undi.

Beliau menyifatkan BN dalam keadaan terdesak untuk memenangi pilihan raya apabila turut mengadakan program pada hari dan

waktu yang sama di daerah Tamparuli.

BN menganjurkan majlis pemberian bantuan RM300 dan pertandingan karaoke berhampiran tapak program PH pada jarak kira-kira 200 meter.

"Ini bukanlah kali pertama BN mengganggu program PH. Sebelum ini di Tuaran, BN meminta ceramah kolompok di rumah penduduk kampung dibatalkan. Akhirnya, program tersebut dipindahkan ke tempat lain. Ini sekaligus membuktikan terdesaknya Umno/BN untuk memenangi PRU-14 ini," jelas beliau.

Jelajah Pemuda PH Sabah telah berkunjung ke beberapa kawasan pantai barat negeri ini merangkumi kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) Luyang, Dun Tamparuli dan Dun Api-Api.

Pada program berkenaan, manifesto Tawaran Anak Muda PH diedarkan kepada orang ramai sambil memperkenalkan calon-calon anak muda dalam PH Sabah.

Jelajah ini turut disertai Ketua Pemuda PH yang juga Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Nik Nazmi Nik Ahmad serta Timbalan Ketua Pemuda PH merangkap Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzan.

Saksi pendakwa akui Guan Eng beli rumah ikut harga pasaran

GEORGETOWN: Saksi pendakwa dalam kes dakwaan rasuah Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng mendedahkan bahawa rumah di Jalan Pinhorn tidak dibeli di bawah nilai pasaran.

Peguam Gobind Singh Deo berkata, saksi pendakwa Pengarah Henry Butcher cawangan Pulau Pinang Teoh Poh Huat, memberitahu mahkamah bahawa nilai rumah itu adalah RM2.5 juta pada 2008.

"Jelas saksi pendakwa mengaku perjanjian berkaitan harga hartanah yang menjadi pertikaian dibuat sebelum Ogos 2013.

"Kami akan membuktikan dalam perbicaraan ini bahawa sebenarnya persetujuan untuk harga rumah dicapai pada suku pertama 2012.

"Kami bertegas ketua menteri tidak melakukan apa-apa kesalahan, begitu juga tertuduh kedua, Phang Li Koon seperti

yang didakwa," katanya kepada media di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, 28 Mac lalu.

Tegasnya, dakwaan mengatakan Guan Eng membeli rumah tersebut pada tahun 2015 dengan nilai semasa RM4.27 juta adalah tidak berasas sama sekali.

Pasukannya berpendirian bahawa bukti akan menunjukkan nilai rumah yang disetujui dicapai pada suku pertama tahun 2012.

"Ia adalah tuduhan tak berasas dan kita akan terus melawan," kata Gobind dilapor *Rocketkini.com*.

Terdahulu, perbicaraan hari pertama kes ini menimbulkan keyakinan wujudnya elemen konspirasi politik yang cuba menjatuhkan reputasi dan imej Guan Eng sebagai Ketua Menteri.

Keterangan saksi, seorang blogger pro-BN Mohsin Abdul Latif, 34, atau lebih dikenali sebagai 'Mamu Parpu' mengaku tidak tahu bila dan berapa bilangan rumah yang dimiliki Guan Eng.



Guan Eng diiringi Gobind berjalan keluar daripada mahkamah.

Mohsin juga tidak tahu menahu mengenai harga dan tarikh pembelian rumah tersebut malah mengakui dia membuat laporan kep-

ada Suruhanjaya Siasatan Rasuah Malaysia (SPRM) terhadap Guan Eng berdasarkan laporan *berita TV3*.

ECRL dikhuatiri ancam Empangan Batu

KUALA LUMPUR: Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang turut melibatkan kawasan utara Selangor dibimbangi mengancam Empangan Batu apabila dibina berdekatan dengan kawasan tadahan air di Gombak itu.

Presiden Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Puan Sri Shariffa Sabrina Syek Akil berkata, empangan itu mempunyai kapasiti lebih 30 juta liter air untuk bekalan kepada penduduk sekitar Lembah Klang.

Beliau berkata, pihaknya membantah sekeras-kerasnya cadangan projek dengan kerjasama sebuah syarikat gergasi dari China itu kerana dikhuatiri memusnahkan ekosistem alam sekitar termasuk habitat haiwan.

Untuk rekod, PEKA telah menghantar surat bantahan pembinaan ECRL bernilai RM55 bilion itu bagi peringkat Fasa Satu pada 6 Jun 2017.

Empangan Batu yang dibina pada tahun 1984 dan siap tiga tahun selepas itu dengan kos RM20 juta terletak di hilir Sungai Batu

dan Sungai Tua, Gombak kira-kira 16 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur.

Berkeluasan 50 kilometer persegi, Empangan Batu menyalurkan air kepada tiga juta penduduk di Lembah Klang pada setiap hari serta pada masa sama berperanan besar memastikan banjir di Kuala Lumpur terkawal.

Menurut Shariffa, beliau turut difahamkan pembinaan terowong untuk projek ECRL akan melalui penempatan penduduk di Taman Jasa Utama dan Jasa Perwira yang terbabit dengan pengambilan tanah bagi

jajaran di Selangor.

"Saya rasa projek mega ini tidak betul kerana kawasan tadahan air lebih penting daripada apa-apa pembangunan yang menyebabkan kerosakan.

"Kami membantah sekeras-kerasnya projek mega ECRL dan akan terus bekerjasama dengan Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Tree.

"Usah terlalu bangunkan muka bumi ini kerana itu adalah kawasan tadahan air dan khazanah kita," lapor Sinar Harian.

PH Kota Bharu dahului lawan



Antara peserta program pemantapan jentera PH Kawasan Kota Bharu.

KOTA BHARU: Jentera kempen Pakatan Harapan (PH) Kota Bharu berada di hadapan pihak lawan apabila berjaya menggabungkan empat parti berlainan latar belakang.

Pengerusi PH Kelantan, Husam Musa juga bersyukur kerana proses menyatupadukan jentera kesemua parti dalam PH di Kelantan telah selesai dengan cemerlang.

"Di Kota Bharu kita telah selesaikan parti-parti yang bakal bertanding.

"Dun Kota Lama kita peruntukkan kepada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) walaupun semua parti lain juga memohon untuk bertanding di situ.

"Dengan semangat tolak ansur dan setia kawan kita perlu bekerja keras

untuk pastikan semua calon kita akan menang," katanya di majlis pemantapan jentera PH Parlimen Kota Bharu di Bilik Operasi Pilihan Raya (BOP) Bunut Payong, dekat sini, baru-baru ini.

AMANAH dan PPBM katanya akan mewakili pengundi Melayu yang berlainan ragamnya seperti yang diwakili Pas dan Umno sebelum ini.

"Keadilan pula mewakili golongan tersendiri dalam masyarakat yang cintakan keadilan dan kebenaran tetapi kurang sempat bergiat sebagai aktivis masyarakat.

"DAP pula walaupun sebuah parti untuk semua jelas ada pengaruh besar di kalangan bukan Melayu," katanya.

Peranan DAP di Kelantan, katanya tetap penting walaupun tiada kerusi yang di-



Husam berucap merasmikan kursus pemantapan jentera PH Kawasan Kota Bharu.

tandingi parti itu kali ini.

"Kita sedar percubaan pihak tertentu yang cuba membuat persepsi kononnya parti lain dalam PH hanyalah 'kuda tunggangan' DAP.

"Kita tegaskan dalam PH tiada siapa kuda tunggangan siapa. Kemenangan kita adalah kemenangan rakyat," katanya.

Memasuki kempen pilihan raya kata beliau, tiada lagi perbezaan antara parti dalam PH.

"Kalau satu kerusi kalah semua kita kalah, kalau kita menang kemenangan adalah milik bersama.

"Semua kita mesti memahami konsep gabungan yang dulu dibuat oleh BN sahaja.

"Sekarang PH berjaya wujudkan keadaan

serupa di mana kita turun sebagai satu gabungan bukannya sebagai parti-parti berasingan," katanya.

Pembahagian kerusi peringkat Dun di Kelantan katanya telah selesai semuanya dan hanya menunggu pengumuman.

"Dengan itu pihak kita telah bersiap sepenuhnya untuk berhadapan pilihan raya pada bila-bila masa.

"Dengan jentera yang telah siap sedia ini saya yakin dapat turun untuk mendapat keyakinan rakyat dengan cara yang paling berkesan," katanya.

Lebih 300 petugas peringkat Pusat Daerah Mengundi (PDM) menjalani simulasi gerak kerja pilihan raya dan memperkemas arahan tugas di majlis itu.

Jangan guna hujah agama sokong akta zalim

KOTA BHARU: Menyebarkan berita tidak benar sememangnya bercanggah dengan Islam dah sudah termaktub sebagai jenayah dalam perundangan Islam.

Bagaimanapun Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar yang diluluskan Dewan Rakyat baru-baru ini tidak boleh secara mudah dianggap bersesuaian dengan Islam, kata Naib Pengerusi AMANAH Kelantan Che Ibrahim Mohamed.

"Untuk menilai suatu RUU atau akta itu selaras atau tidak dengan Islam, kita hendaklah melihat kepada kandungan undang-undang tersebut, bukannya tajuk

kepada RUU berkenaan," jelas beliau.

Apa yang perlu dipersoalkan, katanya adalah tafsiran 'berita palsu' yang menjadi semangat kepada RUU tersebut.

"Apakah asas berita palsu mengikut Islam atau hanya palsu di sisi pemerintah atau parti penongkatnya," soal beliau.

Di sudut aspek lain pula katanya, pemakaian undang-undang antiberita palsu ini hingga kepada kesalahan yang dilakukan di luar negara dan oleh bukan warganegara adalah sesuatu yang luarbiasa di segi undang-undang dan bercanggah dengan Islam.

"Islam sendiri menghadkan kuasa

hakim hanya setakat wilayahnya sahaja.

"Bagi kesalahan zina sebagai contoh, jika perbuatan zina tersebut dilakukan di luar negara walaupun oleh warganegara sendiri, apa lagi oleh bukan warganegara, maka ianya tidak boleh dianggap satu kesalahan di segi undang-undang Malaysia walaupun di segi hukum syarak ianya tetap berdosa," katanya.

Beliau turut menyeru orang ramai khususnya masyarakat Islam supaya tidak terpedaya dengan dakwaan kononnya RUU-355 yang masih belum dibahas di Dewan Rakyat adalah untuk memperkasakan Mahkamah Syariah.

"Akta tersebut berkaitan mahkamah syariah, sedangkan pindaan hukuman yang dicadangkan (sebat 100 rotan, denda RM 100,000 dan penjara 30 tahun) tidak berasaskan konsep hukuman/uqabah dalam Islam," katanya.

Dewan Rakyat 2 April lalu meluluskan bacaan kedua RUU Antiberita Tidak Benar dengan 123 undi menyokong dan 64 menolak.

Kesemua 11 anggota parlimen Pas menyokong RUU berkenaan kecuali Nasrudin Hassan (Pas-Temerloh) serta Datuk Seri Abdul Hadi Awang (Pas-Marang) yang tidak hadir.

Lima tips untuk pilih pemimpin

KOTA BHARU: Masyarakat perlu membuat pilihan tepat dalam memilih pemimpin atau parti semasa pilihan raya umum yang bakal diadakan nanti, kata Timbalan Ketua Wanita Pakatan Harapan (PH) Kelantan Dr Hafidzah Mustakim.

"Al Quran telah mengajarkan kita untuk memilih pemimpin dan parti berdasarkan dua kriteria umum utama iaitu Quwwah dan Amanah," jelas beliau.

Menurut Dr Hafidzah, Quwwah yang dimaksudkan berhubung kait dengan kekuatan luaran.

"Ini boleh dinilai pada sudut kebolehan dan kemahiran serta mempunyai visi untuk memimpin negara serta mengurus tadbir khazanah yang akan diserahkan kepadanya," ujar beliau dalam satu kenyataan.

Manakala amanah pula, jelasnya adalah kekuatan dalaman yang ada pada seseorang

pemimpin yang akan bertanding nanti.

"Ia boleh dinilai dari sudut integriti, bebas dari amalan rasuah dan penyelewengan yang merosakkan negara," ujar Dr Hafidzah.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau mengajak masyarakat memerhatikan lima tip yang boleh diguna pakai dalam memilih calon pemimpin.

"Pertama akhlak dan keperibadian calon,

kedua adalah memiliki visi dan matlamat dan tahu cara untuk mencapainya, ketiga seorang yang adil dalam meletakkan setiap perkara pada tempatnya.

"Keempat individu yang amanah lagi dipercayai bebas daripada amalan rasuah dan sebarang penyelewengan, dan kelima peribadi yang bertanggungjawab dan berdisiplin dalam setiap perkara yang dilakukan," hurainya.

Derita, luka rakyat tidak terawat

APA yang dideritai oleh rakyat miskin di negara ini sekarang amat keterlaluan sekali. Apa yang sering dilaungkan oleh Anwar Ibrahim sewaktu memimpin gerakan belia dahulu bahawa di negara ini "yang kaya bertambah kaya, yang miskin papa kedana" adalah sebuah kenyataan yang sedang berlaku dari dahulu hingga kini.

Teringat saya pada seorang sahabat, seorang penulis prolific Azizi Haji Abdullah yang menulis sebuah buku yang semasa hidupnya dihadiahkan kepada saya. Buku berjudul Luka Rakyat terbitan Persatuan Pengguna Pulau Pinang amat mengesankan.

Di pembukaannya beliau menulis: "Malah Forbes melaporkan ada enam orang paling kaya di dunia, termasuk seorang tua yang hanya mampu bertoingkat dan terketar-ketar kerana lesu dan letih tua. Namun apabila ditanya, dia mahu hidup seribu tahun lagi, untuk mengaut kekayaan demi masa tuanya.

"Kenapa dengan miskin? Biarkan! Pedulikan! Jangan tanya kenapa, mengapa atau apa-apa. Yang nyata jurang di antara negara di dunia terutama Utara-Selatan menjadi semakin terkerenyuk...

"Bagaimana masa kini? Tunggu sakit, siapkan kapan, baca yasin ketika nazak kemudian kapan. Titik"

Bayangkan pemegang Bonuslink mencapai RM7 bilion. Oang seperti ini tak kisah jika membeli kerusi urut Fella Design bernilai RM6,999. Si miskin papa kedana? Jangankan nak makan pizza, nak beli kacang kuda pun kena fikir tiga

kali. Habis bagaimana?

Ah! Jawabnya apa yang anda nampak di tepi jalan dan di ladang, di laut dan di bukit, di pinggir bandar dan rumah setinggan, itulah kemiskinan. Manakala mereka yang berkuasa, terus menguasai dengan cara yang pelbagai, termasuk melukakan rakyat bawahan.

Dalam laporan UNICEF Malaysia, "Children Without: A study of urban child poverty and deprivation in low cost flat in Kuala Lumpur" (Feb 2018), sejumlah 97% daripada isi rumah yang ditemui di rumah-rumah flat rakyat mengatakan bahawa harga makanan yang tinggi menghalang mereka dari menyediakan makanan berkhasiat kepada anak-anak mereka.

Satu dari dua isi rumah tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk membeli makanan, 15% daripada mereka kerap mengalami hal ini. Seorang responden memberitahu kepada enumerator, "Percaya atau tidak, sekarang ini ada sekilo beras saja di rumah saya".

Tun Dr Mahathir Mohamad mengatakan pada kata pengantar Buku Harapan, manifesto PH untuk pilihan raya umum ke-14 (PRU14) bahawa manifesto ini komprehensif dan meliputi setiap perkara yang penting bagi rakyat yang banyak terutamanya golongan yang memerlukan.

Sepanjang masa kami bersedia ditegur dan mendengar pendapat rakyat. Dalam manifesto PH pada teras pertama: Meringankan bebanan kehidupan rakyat; Pakatan Harapan beriltizam

untuk meringankan bebanan rakyat dengan melaksanakan janji-janji yang terkandung di dalam buku ini dengan penuh tanggungjawab iaitu;

1. Menghapuskan GST
2. Menurunkan tekanan kenaikan harga yang membebani rakyat
3. Berkongsi kekayaan negara secara bersasar
4. Menambah program perumahan mampu milik dan mampu sewa
5. Meringankan beban hidup yang ditanggung oleh anak muda
6. Menghapuskan kutipan tol
7. Menyediakan subsidi minyak bersasar
8. Memperbaiki kualiti dan liputan pengangkutan awam
9. Mempertingkatkan akses dan kualiti perkhidmatan kesihatan
10. Menjamin keperluan makanan asas rakyat dan menjaga kebajikan petani

Kami percaya sekiranya semua ini dapat dilaksanakan setelah Pakatan Harapan diberikan mandat, keadaan kemiskinan yang meruncing dalam masyarakat di negara ini boleh diperbaiki.

Luka rakyat yang disebut oleh Azizi Abdullah akan dapat dirawat sekiranya pemerintah mempunyai komitmen untuk menentang dan membasmi kemiskinan.

Azizi Abdullah memetik beberapa rangkap pantun untuk menggambarkan betapa rakyat miskin boleh diperlakukan bagaimana sahaja apabila pemerintah tidak mempunyai rasa kemanusiaan

MERENTAS WAKTU

ANUAR TAHIR



yang tinggi.

Luka rakyat memang menghiris rasa; Di sini hilanglah pandangan, Penjahit penebas lalang, Di sini hilanglah badan, Sudah ghaib mata memandang.

Zaman dahulu bertikar pucuk, Zaman ini bertikar mengkuang, Zaman dahulu kita dipujuk, Zaman ini kita dibuang.

Mengkuang kononnya kayu Petani, Tersandar di kayu kelat, Terbuang sudah rupanya kami, Bagai ikan di luar belat.

PRU14 yang jika dimanfaatkan oleh para pengundi dengan sebaik-baiknya akan dapat merawat dan mengubat derita rakyat-luka rakyat. Jangan tersilap pilih untuk sekian kalinya. Rakyat miskin, melarat dan papa kedana boleh berdaulat sekiranya menggunakan kuasa undi yang keramat itu.

■ Penulis ialah Setiausaha Agung AMANAH.

Selesaikan masalah kemiskinan B40 dan pengangguran

PADA minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak membentangkan Laporan Program Transformasi Nasional (NTP) 2017.

Pelbagai kejayaan disebut beliau termasuklah penurunan kadar kemiskinan sejak NTP mula dilaksanakan pada 2010.

Dalam perutusan itu, Najib juga mendakwa berlaku peningkatan purata pendapatan bulanan isi rumah dalam kategori B40 iaitu daripada RM1,440 pada tahun 2009 kepada RM2,848 pada tahun 2016.

Tetapi apabila semalam Bank Negara Malaysia (BNM) turut mengeluarkan laporan bagi 2017, wujud situasi yang cuba digelapkan atau mungkin dinafi serta diabaikan oleh pentadbiran Umno-BN iaitu mengenai kadar kemiskinan B40 khususnya di Kuala Lumpur.

Menurut laporan BNM, walaupun antara tahun 2014 dan 2016 berlaku peningkatan gaji sebanyak enam peratus iaitu



PENDAPAT DR SITI MARIAH

daripada RM2,537 kepada RM2,848. Tetapi pada masa sama kenaikan kos sara hidup juga turut meningkat.

Maka, peningkatan pendapatan yang berlaku hanya sekitar 3.8 peratus atau RM311 sahaja.

Keadaan ini menyebabkan BNM juga terpaksa mencadangkan kepada kerajaan supaya dilaksanakan 'Gaji Kehidupan Wajar' supaya kumpulan B40 ini mampu menikmati kehidupan yang sedikit

selesa berbanding sebelum ini.

Perbandingan antara laporan NTP dan BNM menyebabkan saya terfikir apakah sebenarnya yang cuba dicapai oleh kerajaan ketika ini?

Walaupun kerajaan bertegas Malaysia sedang menuju status negara berpendapatan tinggi, tetapi pada hemat saya, itu semua tiada gunanya jika pada masa yang sama penduduk negara ini masih hidup dalam tekanan kewangan yang amat mendesak.

Apatah lagi laporan BNM turut mendedahkan kadar pengangguran berlaku antara 3.2 peratus hingga 3.5 peratus berbanding 3.4 peratus pada tahun lalu. Kadar ini melebihi kadar pengangguran negara sebanyak 3.1 peratus. Adakah ini menunjukkan sukarnya para graduan mendapatkan kerja selepas berhempas pulas menuntut di Institusi Pengajian Tinggi (IPT)?

Dalam keadaan masih ramai yang

menganggur, bagaimana pula kerajaan boleh mencapai status negara berpendapatan tinggi kerana salah satu prasyaratnya adalah peralihan kepada tenaga kerja yang 'berproduktiviti tinggi, berpendapatan tinggi' seperti yang disebut oleh BNM?

Saya menggesa kerajaan segera mengambil langkah proaktif dengan memberikan perhatian tentang masalah kemiskinan dan pengangguran ini. Tolong jujur dalam menguruskan masalah negara dan bukan bermain politik angka dan data demi kepentingan kuasa Umno-BN semata-mata.

Malang sekiranya tenaga kerja yang masih muda dan produktif ini gagal digembleng dengan baik untuk menyumbang kepada kemajuan negara.

■ Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen Kota Raja dan Ketua Awan Nasional.

A change of government can end Malaysia's international shame

By **LIM KIT SIANG**

TODAY (April 3, 2018) is the ninth anniversary of Datuk Seri Najib Razak as Prime Minister of Malaysia. Parliament is expected to be dissolved on Friday, April 6, 2018.

All patriotic Malaysians are given an opportunity in the 14th General Election which should be held in a month's time to ensure that Najib will not be able to mark his 10th anniversary as Prime Minister of Malaysia on this day next year.

Malaysia must rise again in the international community respected and admired by the world as a top world-class nation and not tarnished and scorned as a global kleptocracy doubling up as a truant parliamentary democracy.

It is most ironic that on the 9th anniversary of his premiership, Najib's political legacy lies in ruins.

What has happened to his 1Malaysia objective to build a Malaysia where every Malaysian regards himself as Malaysian first and his or her race, religion, region or socio-economic status second?

Najib's 1Malaysia objective has been smashed to smithereens by the Election Commission's Constituency Redelineation Report which for the first time in the nation's history uses racial polarisation as chief principle to redelineate parliamentary and state assembly constituencies for the 14th General Election.

Constituencies are turned into super-large non-Malay voter constituencies or mini Malay voter constituencies in Peninsular Malaysia, believing that this is the formula to keep Najib and Umno/BN in power in Putrajaya and in the various states.

But these premises and calculations would be proved gravely wrong if voters in the 14th General Election vote more as Malaysians, than as Malays, Chinese, Indians, Kadazans or Ibans, especially in electing new governments at both at the Federal and various State levels committed to Save Malaysia from the triple infamy, ignominy and iniquity of a global kleptocracy doubling up as a rogue parliamentary democracy.

Today, the Anti-Fake News Bill will be debated and passed by the Senate, after it had been steamrolled through the Dewan Rakyat yesterday and I expect it to be put on the statute books before Parliament is dissolved on Friday.

As Steven Gan of *Malaysiakini*, a victim of selective prosecution, has soberly and somberly warned, the aim of the Anti-Fake News law is clear – to sow fear among Malaysians and terrorise them into unquestioned submission, describing it as "the final nail in the coffin of our already floundering democracy".

It is not a law to protect the people but to protect the Najib government.

As I predicted at the DAP forum "Has

PAC cleared Najib of wrongdoing over 1MDB?" at Tropical Inn, Johor Baru on Sunday, the Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Seri Azalina Othman, who is piloting the Anti-Fake News Bill through Parliament, would not dare to respond to the query whether Najib will be the first to be charged under the Anti-Fake News Act 2018 for the fake news that he has been cleared by the PAC of any wrongdoing in the 1MDB scandal when the Bill becomes law.

Her omission and evasion of this question will be the best proof that the Anti-Fake News legislation is not to fight fake news especially those coming from BN quarters, but the latest censorship to stop continuing expose of corruption and abuses of power in the country, like the 1MDB scandal.

At the forum, I referred to a long and detailed article which appeared in Swiss magazine, *Republik*, on corruption in Sabah in the past 15 years entitled: "UBS in the jungle", as the magazine's journalists had examined more than one thousand pages of bank statements and court documents, and carried out extensive interviews with more than a half-dozen people involved in Europe and Asia.

But the story which is available online, of the corruption and money-laundering scandal about logging in Sabah in the past 15 years, including reports on anti-

corruption investigations and arrests, had been buried by the global corruption and money-laundering scandal – the 1MDB scandal!

The expose of corruption in Sabah by the Swiss magazine last week is further proof of the depths Malaysia has fallen in international esteem and respect in being regarded worldwide as a global kleptocracy.

Undoubtedly, one of the first tasks of a new Pakatan Harapan Government in Putrajaya after the 14GE will be to ensure that there is a truly independent Election Commission fully cognisant of its mandate spelt out in the Constitution about commanding public confidence and the conduct of free, fair and honest elections.

The other is the repeal of the Anti-Fake News Act.

Only a change of government in the 14th General Election can end Malaysia's long night of international shame as a global kleptocracy and a rogue democracy.

Whether Malaysia can be saved from the triple ignominy, infamy and iniquity as a global kleptocracy and a democracy gone rogue will be decided by the Malaysian voters in the 14th General Election, which will also decide whether Najib is able to mark his tenth anniversary as Prime Minister of Malaysia!

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Leader and MP for Gelang Patah.**

The difference between political parties and the government

By **MARIAM MOKHTAR**

CIVIL servants play an important role in ensuring that government policies and laws are effectively carried out. Their work often affects people's everyday lives.

Our ministers are aided by a massive army of 1.5 million civil servants who work in various ministerial departments and agencies. To maintain efficiency, employees can be transferred between departments without losing their benefits and employment rights.

The fluid movement of staff is especially useful when government departments are restructured, for instance when there is a change in leadership.

Many speculate that a job as a civil servant is a job for life. But why do people say this? Is it because civil servants appear to be the first group of workers whom politicians want to please? Is it because they have easy

access to loans? Is it because some people think they have too little work to do, thanks to the reputation gained from little Napoleons?

In the late 1990s, visiting a government department was a nightmare, at least in Ipoh. Civil servants would knock off before the official end of the day. In the lead-up to Hari Raya or other major holidays, many would leave work early.

One can imagine the frustration of taxpayers when faced with such incompetence. But they are reluctant to speak out, perhaps because they fear the civil servants will place their file or request at the bottom of the pile as punishment for complaining.

In truth, though, civil servants are just like the rest of us. Some of our actions may annoy others, but we are only doing our jobs.

And although the civil service serves the government of the day, it maintains a politically independent status to en-

sure the stability and security of the system.

Two weeks ago, though, Pasir Salak MP Tajuddin Abdul Rahman sparked outrage when he told a group of retired civil servants that they should be thankful to the government.

Tajuddin said they were 'lucky chaps' to have been given the opportunity to work as civil servants. He said they should appreciate the government's help in supporting them from their youth to their old age, and in raising and educating their children.

He also criticised some civil servants whom he said had forgotten that they owed their success and 'enjoyable' life to the government, and rebuked them for not supporting the government.

He also lashed out at DAP and told the retirees that the party had not done anything to serve them. He added that civil servants should remember their debt to the government in GE14.

One furious retiree slammed Tajuddin, saying: "The Pasir Salak MP cannot pull the wool over our eyes. We were employed because of our skills or level of competence. We worked hard. We tried to be politically neutral.

"Does he know the difference between a political party and the government of the day? If the opposition were to win the mandate to rule, civil servants would still serve the government of the day. We do not serve political parties."

Another retired civil servant said: "We have our service to the nation. It is the politicians and ministers who owe us a debt of gratitude, not the other way around.

"The ruling party may change, but civil servants continue to serve the rakyat and the nation."

■ **Mariam Mokhtar is an FMT columnist.**

Tiga helah Najib untuk singkirkan Pakatan Harapan

DENGAN rating populariti yang merosot, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak tahu bahawa beliau semakin kehilangan sokongan rakyat, maka beliau cuba menyingkirkan pakatan pembangkang sejak pilihan raya umum (PRU) 2013.

Menjelang PRU 2018 yang semakin hampir tiba, Najib mempunyai tiga musuh utama - persempadanan semula, Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar dan penangguhan pendaftaran pakatan pembangkang oleh Pendaftar Pertubuhan (RoS).

Presiden MCA Datuk Seri Liow Tiong Lai, Timbalan Presiden MCA Wee Ka Siong dan Pengerusi Gerakan Pulau Pinang Teng Chang Yeow menyelar DAP kerana ingin menyingkirkan MCA dan Gerakan. Sedangkan, sebenarnya Najib yang cuba segala cara untuk menyingkirkan pembangkang daripada landskap politik Malaysia.

Selepas kejutan pada PRU ke-13, Najib faham bahawa sekiranya BN bertembung secara langsung dengan Pakatan pimpinan Datuk Seri Anwar Ibrahim sekali lagi, BN akan kehilangan kuasa di peringkat persekutuan. Untuk menumbangkan pembangkang, Najib cuba menghapuskan Pakatan Rakyat dengan menyingkirkan Anwar, selain mengumpukan Pas menyokong Umno dan memainkan sentimen kononnya pakatan



PENDAPAT
LIEW CHIN TONG

pembangkang didalangi DAP dan Lim Kit Siang.

Namun Najib tidak menjangkakan isu 1MDB bertukar menjadi skandal yang begitu besar yang akhirnya menyebabkan perpecahan Umno. Beliau juga tidak menyangka Tun Dr Mahathir Mohamad akan menubuhkan Parti Pribumi

Bersatu Malaysia (PPBM) dan menyertai Pakatan Harapan, yang seterusnya membolehkan pembangkang bangkit semula lebih kuat berbanding sebelumnya.

Dengan menamakan Dr Mahathir sebagai calon perdana menteri ke-7 dan Anwar yang ke-8, selain penyelesaian rundingan untuk 165 kerusi parlimen di Semenanjung pada 7 Januari 2018, diikuti pelancaran manifesto rasmi - yang digelar sebagai Buku Harapan - Pakatan Harapan bersedia untuk mengambil alih Putrajaya.

Pada PRU ke-14, Najib akan cuba sedaya upaya "mencuri" pilihan raya. Itu yang sedang dilakukannya sekarang, dengan tiga musuh bertujuan menyingkirkan Pakatan Harapan.

Pertama, dengan memanipulasi sistem pilihan raya melalui persempadanan semula. Dengan persempadanan baru kawasan pilihan raya, BN mampu meraih 60% kerusi Parlimen dengan hanya memerlukan 40% undi popular. Wong Chin Huat dalam menjelaskan hal ini malah memberitahu

“ Pada PRU ke-14, Najib akan cuba sedaya upaya “mencuri” pilihan raya. Itu yang sedang dilakukannya sekarang, dengan tiga musuh bertujuan menyingkirkan Pakatan Harapan.”

kemungkinan dengan 40% undi itu, BN mampu meraih 2/3 majoriti.

Pilihan raya umum akan jadi begitu mencabar buat Pakatan Harapan, terutamanya di Johor, Selangor dan Perak.

Muslihat kedua Najib adalah dengan mengekang media digital. Penggantungan portal berita The Malaysian Insight dan penggantungan beberapa kumpulan media sosial yang berpengaruh dalam tempoh beberapa minggu sebelum PRU boleh dilihat sebagai percubaan Najib mengekang media atas talian.

RUU Antiberita Tidak Benar dibentangkan di sesi Parlimen kali ini juga akan disalahkan ketika pilihan raya sebagai alat untuk menindas pengkritik kerajaan dan pemimpin pembangkang sementara cybertrooper BN menyebarkan fitnah di medium sama dengan menyerang Pakatan Harapan.

Kerajaan BN secara langsung dan tidak langsung mengawal semua media perdana namun masih takut dengan pengaruh media digital. Maka, undang-undang antiberita palsu dicipta bagi menghalang pembangkang menggunakan platform lain yang ada untuk menyampaikan maklumat kepada umum.

Ketiga, kerajaan Najib masuk campur dalam proses RoS pendaftaran pakatan pembangkang, termasuk cuba membatalkan pendaftaran DAP dan PPBM. Sejak era Pakatan Rakyat sedekad lalu sehingga pembentukan Pakatan Harapan hari ini, kita cuba mendaftar sebagai pakatan rasmi dan bertanding di bawah satu logo yang sama namun permohonan itu tidak pernah diluluskan RoS.

Akhirnya, semua ini menyebabkan perlawanan di padang yang tidak rata dengan BN dan Najib memiliki semua kuasa dan sumber memanipulasi pilihan raya. Namun tanpa sokongan rakyat, semua ini akan jadi tidak bererti.

Dalam menghadapi taktik kotor Najib yang mahu menghapuskan Pakatan Harapan, kita perlukan penyertaan daripada semua rakyat Malaysia bagi mengubah situasi dan memenangi perlawanan ini.

Saya menyeru semua rakyat Malaysia tampil dan menjadikan PRU ke-14 sebagai titik permulaan dalam membaharui negara kita.

Liew Chin Tong ialah Ahli Parlimen Kluang dan Pengerusi DAP Johor.

ECRL: Apa yang dulu dibimbangi kini mula menjadi

SAYA merujuk kenyataan Timbalan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, 3 April lalu yang menjawab soalan tentang kelulusan kebenaran pekerjaan warga negara China untuk projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL).

Semasa projek mega ECRL diumumkan akan diberi kepada Syarikat CCCC dari China, kami telah merakamkan kebimbangan dari segi cara pemberian dan pelaksanaan projek tersebut.

Pandangan tersebut berasaskan pengalaman serta contoh buruk apa yang berlaku di negara lain seperti di Sri Lanka dan negara-negara Afrika. Banyak kesan negatif termasuk tunjuk perasaan rakyat telah berlaku di negara-negara tersebut.

Di sini sekali lagi disenaraikan isu-isu yang akan merugikan Malaysia serta rakyat tempatan.

a) Peluang pekerjaan rakyat Malaysia
Pengumuman kerajaan untuk



PENDAPAT
RAJA BAHRIN SHAH

menggunakan pekerja dari China secara beramai-ramai telah kami sebut dari awal sebagai di antara kesan negatif.

Alasan kerana peralatan dan jentera menggunakan teknologi China yang memerlukan kefahaman bahasa Mandarin tidak boleh diterima. Ramai rakyat Malaysia baik bangsa Cina atau Melayu belajar bahasa Mandarin malahan begitu ramai orang Melayu memasuki Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Kalau alasan ini hendak diterima, kenapa projek menggunakan

peralatan Jerman tidak memerlukan pekerja dari Jerman?

Dijangka amat ramai pekerja negara China akan mengambil peluang pekerjaan rakyat tempatan seperti jurutera dan juru teknik.

b) Di waktu ramai graduan universiti dan penuntut pekerjaan biasa tidak mempunyai pekerjaan, peluang mereka akan dirampas oleh rakyat asing.

Dimanakah laungan "rakyat didahulukan" yang kini telah menjadi slogan kosong dan tidak bermakna?

c) Aspek keistimewaan 'kerahsiaan' projek dari negara China seperti 'Tembok Besar China' yang didirikan di Gebeng, Pahang bertambah menjadi persoalan besar rakyat. Kenapa perlu 'tembok kerahsiaan' projek melibatkan negara China?

d) Aspek kewangan seperti pinjaman wang melalui bank dari negara China menjadi persoalan

yang lebih besar.

Bukan hanya Malaysia akan berhutang besar dengan negara China atas pinjaman ini, bertambah buruk lagi aliran keluar wang dari pembayaran gaji warga China. Ia adalah satu kerugian besar. Contohnya pekerja warga China di kilang sedia ada, Eastern Steel China di Kemaman, Terengganu yang dibayar gaji dua atau tiga kali ganda berbanding pekerja tempatan.

Keadaan ini kemungkinan besar akan berulang dan berterusan dalam projek ECRL.

e) Kami juga menjangkakan bekalan barangan seperti bahan-bahan binaan seperti besi, skru, pendawaian dan lain-lain peralatan juga akan dibawa dari China.

Jentera dan peralatan dari China yang disebut Timbalan Perdana Menteri adalah contoh awal yang nyata sebelum barangan yang kecil pun akan dibawa dari negara itu.

Persoalan utama di sini adalah, dimanakah peluang pekerjaan besar-besaran untuk rakyat Malaysia seperti dijanjikan kerajaan?

Dimanakah peluang membekal barangan binaan (hardware) bagi syarikat tempatan jika konsep ini diamalkan?

Mengapakah aliran keluar wang ke negara China dengan jumlah yang besar dan merugikan negara dibenarkan melalui pinjaman dari bank China dan bayaran gaji warga China, sedangkan rakyat negara ini dipinggirkan dari segi peluang pekerjaan?

Adakah ECRL kini menjadi Extraordinary China Railway Project Letdown kepada rakyat Malaysia?

Kera di hutan disusukan, anak di rumah mati tak makan.

Raja Bahrin Shah ialah Ahli Parlimen Kuala Terengganu dan Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH.



Usah terkejut jika PH menang di Marang

MARANG: Ketua AMANAH kawasan Marang, Ustaz Miqdad Zakaria berkata, berdasarkan senario semasa, Pakatan Harapan (PH) mempunyai potensi yang besar, justeru usah terkejut sekiranya PH menang di Parlimen Marang pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14) nanti.

Kata Miqdad, maklum balas yang diberikan oleh pengundi di kawasan parlimen berkenaan memihak kepada PH.

Kerusi Parlimen Marang adalah salah satu daripada tiga Kerusi Parlimen yang akan ditandingi AMANAH di Terengganu pada PRU14. Dua yang lain ialah Parlimen Kuala Terengganu dan Parlimen Kuala Nerus.

Kerusi Parlimen Marang kini disandang oleh Pas dengan wakilnya Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang juga Presiden Pas.

Jelasnya, Parlimen Marang yang mempunyai lebih kurang 95,000 pengundi itu (sebelum persempadanan semula sekitar 105,000) sebahagian besarnya terdiri daripada mereka yang tidak menjadi ahli mana-mana parti dan mereka ini adalah golongan atas pagar.

Dan golongan ini jelasnya, agak lebih terbuka berbanding ahli mana-mana parti.

Pas Marang sendiri pun katanya,



Ustaz Miqdad Zakaria

hanya mempunyai lebih 8000 ahli sahaja yang layak mengundi pada PRU14 ini.

Kata Miqdad, PH setakat ini telah melaksanakan lebih 75 peratus program kunjungan ke kediaman pengundi di Marang, dan daripada kunjungan tersebut, maklum balas yang diterima mendapati sebahagian besar menguntungkan PH.

"Dan tidak dinafikan, kita juga mendapat tentangan daripada sebahagian mereka," katanya ketika ditemui.

Manakala pengundi Cina yang terdiri daripada sekitar 4000 orang yang dahulunya bersama Pakatan Rakyat, tambahnya kini telah bersama PH tanpa belah bahagi.

Begitu juga dengan pengundi India, Miqdad yakin mereka bersama PH biarpun bilangannya agak kecil.

Hubungan antara PH dengan golongan pengundi bukan Islam di Marang kata beliau, amat rapat.

Jelas Timbalan Pengerusi PH Terengganu itu, PH mengambil kaedah harmonis dalam mendekati pengundi di Marang menjelang PRU14 ini.

"Dalam kunjungan-kunjungan yang kita buat, kita tidak memakai jubah atau uniform parti. Tidak membawa lambang. Kita berpakaian biasa dan dengan keadaan begitu, mereka bersedia dan mudah menerima kita.

"Dalam pertemuan tersebut kita sampaikan maklumat," katanya.

Begitu juga kata beliau, PH tidak menganjurkan program-program yang provokatif seperti konvoi bermotosikal membawa bendera parti seumpamanya.

"Saya sendiri telah mengarahkan kepada petugas-petugas parti agar tidak ghairah memacak bendera dan menaikkan poster parti jika tidak perlu dan tidak menguntungkan kerana kita tidak mahu menimbulkan sesuatu yang tidak diinginkan.

"Kita cuba elakkan, yang penting bukan bendera tetapi pengundi, kita mahu mendekati pengundi," tambahnya.

Parlimen Marang mempunyai empat kawasan Dun di bawahnya iaitu Alor Limbat, Bukit Payung, Rhu



Meru tanda pekan Marang.

Rendang dan Pengkalan Berangan.

Dun Alor Limbat akan ditandingi oleh Keadilan, Dun Bukit Payung oleh AMANAH, Dun Pengkalan Berangan dan Dun Rhu Rendang oleh PPBM.

Jelas Miqdad lagi, kerjasama antara anggota PH di Marang sangat harmonis dan mantap sehinggakan kata beliau, pejabat bagi semua parti ini dikongsi bersama dan ia dinamakan Pejabat PH.

Sehingga kini banyak program dibuat secara bersama seperti program dialog, agihan limau pada masyarakat Cina dan beberapa yang

lain.

Berhubung persempadanan semula, Miqdad berkata sebahagian pengundi Marang telah dipindahkan ke Parlimen Kuala Terengganu.

Berhubung isu pilihan raya pula, Miqdad berkata, PH akan membangkitkan isu-isu berkaitan, khususnya isu tempatan apabila parlimen dibubarkan.

Buat masa ini kata beliau, PH tidak mahu mewujudkan sesuatu yang 'panas'.

AMANAH tawarkan yang terbaik untuk penduduk Marang

AMANAH menawarkan sesuatu yang lebih baik kepada rakyat serta pengundi Marang untuk dibuat pilihan, kata Ketua AMANAH Marang Ustaz Miqdad Zakaria.

Sehubungan itu kata beliau, semua pihak perlu berlapang dada dan memberi ruang kepada pihak lain untuk sama-sama melakukan kebaikan dan berbuat kebajikan.

Kata beliau, mereka yang memiliki minda Islam tidak boleh menafikan hak orang lain yang mahu membuat kebaikan.

"Begitu juga dengan amalan demokrasi, kita perlu sama-sama mengejar untuk berbuat kebajikan," katanya.

Sehubungan itu, kata Miqdad apa juga parti yang ingin bertanding di Marang dengan matlamat membawa kebaikan, seharusnya dialu-alukan.

Jelasnya, Pas dan Umno telah menunjukkan corak dan kualiti pemerintahannya sebelum ini di Terengganu, namun sekiranya ada pihak lain yang mahu menawarkan yang lebih baik, dua parti Melayu itu seharusnya berlapang dada.

"Pas dan Umno tidak boleh terlalu menekankan bahawa cara dan kaedah mereka sahaja yang terbaik," kata beliau.

Islam tegasnya menekankan supaya manusia berlumba-lumba membuat kebaikan.

Justeru tambahnya, kehadiran AMANAH di Marang tidak perlu dijadikan isu.

Semua pihak, katanya perlu menggembleng tenaga untuk menjadikan Marang sebuah daerah yang maju dan ianya selaras dengan matlamat serta visi AMANAH di Parlimen Marang.

Jelas beliau, istilah maju yang perlu dipakai bukanlah apabila Marang memiliki bangunan-bangunan cantik dan moden, tetapi AMANAH mahu memastikan rakyat di daerah ini terbela dan diberi kemudahan.

"Anak-anak dibesarkan dalam keadaan diberi pendidikan sempurna, diberi bimbingan untuk meneruskan pengajian dan kemudian dibantu

membina karier hidup.

"Orang yang sakit diberi rawatan sewajarnya dengan kos rawatan yang tidak membebankan.

"Wakil rakyat pula perlu beraksi sebagai wakil kepada semua rakyat di daerahnya dan bukan sebagai wakil parti.

"Kita mahu menjadikan Marang sebuah daerah yang maju," jelas beliau.

Menjelang PRU14 ini, AMANAH dan PH Marang ujarnya akan menjelaskan tawaran dibuat kepada pengundi dan penduduk di daerah ini.

Persempadanan semula taktik terdesak BN untuk kekal kuasa

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

GUAR CHEMPEDAK: Persempadanan semula yang diluluskan Parlimen adalah salah satu taktik kotor untuk menekan parti pembangkang khususnya Pakatan Harapan (PH) disamping memastikan BN terus bertapak di Putrajaya.

Berucap pada majlis Jelajah Pakatan Harapan Negeri Kedah yang diadakan di Guar Chempedak 29 Mac lalu, Naib Presiden PPBM Datuk Seri Mukhriz Mahathir berkata, usaha ini juga dibuat bagi memastikan Datuk Seri Najib Razak kekal berada di Seri Perdana.

"Mereka bukan saja menjadikan persempadanan semula ini sebagai kaedah untuk memastikan BN menang dan berkuasa dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang, malah memeralatkan pelbagai akta dan undang-undang baru kerana semakin cuak dan bimbang dengan sentimen rakyat yang tidak berpihak kepada BN.

"Namun begitu mereka tidak boleh mengawal gelombang kebangkitan rakyat yang mahukan perubahan," jelas beliau lagi.

Malah kata Mukhriz, Rang Undang-undang (RUU) Antiberita Tidak Benar yang dibentangkan secara tergesa-gesa di parlimen juga salah satu kaedah untuk menekan dan menyekat maklumat kepincangan kerajaan.

"Kerajaan pula akan menetapkan mana-mana berita yang akan dikategorikan sebagai palsu. Dari mahkamah sivil ia akan dibawa pula ke mahkamah jenayah.

"Lebih merbahaya apabila hendak bercakap pun akan menjadi suatu jenayah," kesal beliau.

Tambah Mukhriz lagi, walau apa jua taktik kotor yang digunakan, rakyat harus sedar dan menolak segala usaha mengekalkan kuasa BN menjelang PRU akan datang.

"Setakat ini pelbagai janji peruntukan yang dibuat Najib sejak menjelajah beberapa negeri adalah janji-janji manis pilihan raya semata-mata.

"Macam-macam janji pilihan raya yang telah pun beliau taburkan sehingga mencecah berbilion ringgit.

"Yang menjadi tanda tanya dari mana datangnya duit berbilion ringgit yang akan diberikan oleh Najib," tanya beliau lagi.



Mahfuz menerima borang keahlian AMANAH.

Walau bagaimanapun katanya, PH berani berjanji untuk menghapuskan cukai barang dan perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan kerajaan BN jika berjaya memenangi PRU ke-14 nanti.

"Rakyat tidak patut ditekan oleh kerajaan melalui cukai GST yang dikenakan sehingga enam peratus.

"Cukai ini terbukti membebaskan rakyat dan akan dinaikkan lagi sehingga mencecah antara lapan hingga dua belas peratus sekiranya BN menang lagi.

"Sehubungan itu PH telah berjanji akan menghapuskan cukai tersebut dalam tempoh seratus hari seandainya berjaya menguasai kerajaan pusat tidak lama lagi," tambahnya.

Dalam pada itu ribuan hadirin enggan berganjak daripada tapak ceramah di pekan Guar Chempedak walaupun hujan turun renyai-renyai.

Selain Mukhriz turut menyampaikan ucapan pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad, presiden AMANAH Mohamad Sabu, presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution Ismail, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng dan aktivis Hishamuddin Rais.

Turut hadir para pemimpin parti gabungan PH Negeri Kedah.



Ketibaan para pemimpin PH disambut meriah orang ramai.



Walaupun hujan renyai, hadirin tetap tidak berganjak mengikuti ceramah.

PROMOSI TERBARU!!

JOM IKLAN DENGAN MINGGUAN AMANAH SERENDAH RM500 SATU MUKA

Mingguan Amanah meluas ke Singapura, Sabah dan Sarawak

Percuma Mingguan Amanah setiap keluaran untuk anda

UNTUK PAKEJ IKLAN YANG LAGI MENARIK HUBUNGI: 011 3233 4322

3 Saya jijik persempadanan semula, kata Anwar



6 Kecewa pemimpin Pas dibeli Umno

10 Rafizi cabar Naib Ketua Pemuda Umno



Lautan rakyat hadir Jelajah PH Kedah

'Selamatkan MALAYSIA' <<< JELAJAH PAKATAN

PP18978/03/2016(034450)

Amanah Mingguan

WAKTU SOLAT
BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA
SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
08.04.18	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
09.04.18	5:44	5:54	7:09	1:18	4:24	7:22	8:32
10.04.18	5:43	5:53	7:09	1:17	4:25	7:22	8:31
11.04.18	5:43	5:53	7:08	1:17	4:25	7:22	8:31
12.04.18	5:42	5:52	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
13.04.18	5:42	5:52	7:08	1:17	4:26	7:21	8:31
14.04.18	5:41	5:51	7:07	1:16	4:26	7:21	8:31

BIL 97 | 8 - 14 APRIL 2018

JUTAAN RM MASUK AKAUN



Selepas audio "Ana Tahu" kini wang jutaan ringgit pula masuk ke dalam akaun.

JUTAAN ringgit wang dimasukkan oleh sebuah parti politik pemerintah ke dalam akaun sebuah parti pembangkang Mac lalu.

Sebahagian dimasukkan ke dalam akaun peringkat pusat manakala sebahagian lagi ke dalam akaun bersama tiga

pemimpin di sebuah negeri di pantai timur Semenanjung.

Cerita mengenaiinya mula dibincang dengan hangat dalam laman-laman sosial pemimpin Pakatan Harapan.

➔ Laporan penuh muka 2

Najib, jangan bodohkan rakyat

DAKWAAN Najib bahawa Rejimen Askar Melayu DiRaja (RAMD) akan dibubarkan jika DAP dan rakan-rakannya berjaya memerintah negara disifatkan oleh ahli Umno sebagai mem-bodohkan rakyat.

Ahli Umno dari Bandar Tun Razak, Zaharin Mohd Yassin meminta Najib jangan cakap ikut sedap mulut RAMD akan dibubarkan oleh DAP, jika Pakatan Harapan memerintah.

"Satu perkara yang saya paling tak suka.. mem-bodohkan rakyat dan mainkan sentimen perkauman.

"Contohnya bila pula DAP akan melupuskan @ membubarkan Regiment Askar Melayu Di Raja," tulis Zaharin dalam Facebook beliau yang mendapat sambutan luar biasa dari para pengguna laman sosial itu.

➔ Laporan penuh muka 2

Saya paling tak suka.. mem-bodohkan rakyat dan mainkan sentimen perkauman, kata Zaharin.



TEMUI 50 RIBU PEMBACA MINGGUAN AMANAH ANDA!!!

UNTUK PAKEJ IKLAN MENARIK HUBUNGI 011 3233 4322